



Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME
JILID **11**

ISSN 2180-1649

Dec
Dis **2014**

Articles/Makalah

Gagasan 1Malaysia dan Penggunaan Media dalam kalangan Belia

Amini Amir Abdullah, Fahmi Azar Mistar & Hanina Halimatusaadiah Hamsan

Profil Kesejahteraan Psikologi Golongan Belia

Zainal Madon, Haslee Sharil Abdullah & Mohamad Ibrani Shahrinin Adam Assim

The Relationship between Work Social Support and Work-Life Balance in Hotel Industry

Fatahyah Yahya & Justina Yap Yen Ying

Factors Influencing the Practices of Green Food Consumption among Generation Y of Chinese Consumers in Negeri Sembilan

Lam Siok Li & Zuroni Md Jusoh

Sikap dan Persepsi Peserta terhadap Program Anugerah Remaja Perdana Anjuran Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Yasmin Yacob, Mohd. Ibrani Shahrinin Adam Assim & Sarjit S. Gill

Kelestarian Istilah Teknologi Berbahasa Melayu dalam Kursus Kemahiran Teknikal di Institut Kemahiran Belia Negara

Adenan Ayob

Penerimaan dan Penglibatan Belia Sarawak terhadap Gagasan 1Malaysia

Zulkhairi Zainal, Sarjit S. Gill & Ahmad Tarmizi Talib

Kemiskinan dari Perspektif Gender di Lembah Bujang, Kedah

Liyana Romli & Nor Hafizah Selamat



Patron/Penaung

YB Encik Khairy Jamaluddin
Menteri Belia dan Sukan Malaysia
Minister of Youth and Sport

Editor-in-Chief/Ketua Editor

Dr. Wasitah Mohd Yusof
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Executive Editor/Editor Kerja

Prof. Madya Dr. Sarjit S. Gill - Universiti Putra Malaysia
Zakariah Md. Sam - IYRES
Shariffah Mamat - IYRES

Editorial Board/Sidang Editorial

Mastura Mohamad - IYRES
Shahhanim Yahya - IYRES
Mohd Rizal Mohd Sham - IYRES
Norati'qah Talib - IYRES
Norshafawati Abd Azimi - IYRES
Noor Sheila Mhd Nasir - IYRES

Reviewer/Pewasit

Prof. Dr. Rohany Nasir - UKM
Prof. Madya Dr. Ismi Arif Ismail - UPM
Prof. Madya Dr. Samsilah Roslan - UPM
Prof. Madya Dr. Haslinda Abdullah - UPM
Prof. Madya Dr. Fazli Sabri - UPM
Prof. Madya Dr. Razaleigh Muhamat @ Kawangit - UKM
Prof. Madya Dr. Wendy Yee Mei Tan - UM
Prof. Madya Dr. Shaharudddin Baharuddin - UiTM
Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib - UPM



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME 11
JILID 11

ISSN 2180-1649

Dec 2014
Dis 2014

Articles/Makalah

- Gagasan 1Malaysia dan Penggunaan Media dalam kalangan Belia** 1 - 16
AMINI AMIR ABDULLAH, FAHMI AZAR MISTAR & HANINA
HALIMATUSAADIAH HAMSAN
- Profil Kesejahteraan Psikologi Golongan Belia** 17 - 26
ZAINAL MADON, HASLEE SHARIL ABDULLAH & MOHAMAD
IBRANI SHAHRIMIN ADAM ASSIM
- The Relationship between Work Social Support and Work-Life
Balance in Hotel Industry** 27 - 41
FATAHYAH YAHYA & JUSTINA YAP YEN YING
- Factors Influencing the Practices of Green Food Consumption
among Generation Y of Chinese Consumers in Negeri Sembilan** 43 - 59
LAM SIOK LI & ZURONI MD JUSOH
- Sikap dan Persepsi Peserta terhadap Program Anugerah Remaja
Perdana Anjuran Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan
Malaysia** 61 - 87
YASMIN YACCOB, MOHD. IBRANI SHAHRIMIN ADAM ASSIM
& SARJIT S. GILL
- Kelestarian Istilah Teknologi Berbahasa Melayu dalam Kursus
Kemahiran Teknikal di Institut Kemahiran Belia Negara** 89 - 114
ADENAN AYOB
- Penerimaan dan Penglibatan Belia Sarawak terhadap Gagasan
1Malaysia** 115 - 125
ZULKHAIRI ZAINAL, SARJIT S. GILL & AHMAD TARMIZI
TALIB

Kemiskinan dari Perspektif Gender di Lembah Bujang, Kedah LIYANA ROMLI & NOR HAFIZAH SELAMAT	127 - 141
Peranan Golongan Muda dalam Perubahan Agama Masyarakat Murut Tahol, di Sabah ABDUL HAKIM MOHAD, AHMAD TARMIZI TALIB & FATAHYAH YAHYA	143 - 153
Interaksi Sosial Belia Islam Komuniti Penan di Bintulu, Sarawak AHMAD NASIR MOHD YUSOFF	155 - 165
Pendekatan Didikan dan Asuhan dalam kalangan Belia KHAZRIYATI SALEHUDDIN & HEATHER WINSKEL	167 - 186
Information and Communication Technology (ICT) among Ethnic Minorities Communities in Peninsular Malaysia CHOO YEONG KHONG, SARJIT S. GILL & AHMAD TARMIZI TALIB	187 - 198
Pengetahuan Belia terhadap Nilai-Nilai Murni dalam Membentuk Masyarakat Progresif di Selangor WAN NOR AZILAWANIE TUN ISMAIL, ADLINA AB. HALIM, ZARINA MUHAMMAD & LEE YOK FEE	199 - 212

GAGASAN 1MALAYSIA DAN PENGGUNAAN MEDIA DALAM KALANGAN BELIA

AMINI AMIR ABDULLAH, FAHMI AZAR MISTAR & HANINA
HALIMATUSAADIAH HAMSAN

ABSTRAK

Makalah ini berkaitan kajian kekerapan medium yang digunakan oleh para belia di Malaysia untuk mendapatkan maklumat mengenai Gagasan 1Malaysia. Secara keseluruhan, seramai 1600 orang responden yang terdiri daripada belia telah terpilih untuk kajian ini. Sejumlah 100 orang responden telah dipilih daripada setiap negeri. Para responden terdiri daripada golongan belia yang dipilih melalui kaedah pensampelan rawak selesa (*convenience sampling*). Sampel yang dipilih mewakili belia daripada pelbagai bangsa dan juga jantina. Dalam hal ini, tidak ditetapkan suatu prosedur asas daripada segi bangsa dan jantina responden. Maklumat diperoleh melalui jawapan daripada borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 20.0. Frekuensi, min, cross tabulation dan peratus digunakan dalam analisa data. Data juga ditafsirkan secara deskriptif untuk menjelaskan angka dan peratusan. Penganalisan data juga tidak menyetujui objektif-objektif kajian bahkan analisa data membantu menjelaskan pencapaian objektif kajian. Terdapat 11 medium yang digunakan oleh belia untuk mendapatkan maklumat mengenai Gagasan 1Malaysia, iaitu televisyen, internet, akhbar, radio, Buletin, majalah, buku, ceramah, blog, newsletter dan lain-lain. Kebanyakan responden (83.9%) menjawab bahawa televisyen adalah medium yang paling kerap digunakan diikuti internet (67.8%), akhbar (63.7%), radio (50.1%), buletin (40.4%), majalah (30.9%), buku (29.9%), ceramah (20.3%), blog (22.8%), newsletter (7.8%) dan lain-lain (1.2%). Mengenai medium yang paling berkesan digunakan untuk memahami Gagasan 1Malaysia, kebanyakan responden (77.1%) menandakan televisyen adalah medium yang paling berkesan diikuti oleh internet (63.6%), akhbar (50.9%), radio (43%), buletin (36.1%), buku (25.8%), majalah (25.1%), ceramah (23.8%), blog (20.1%), newsletter (7.9%), dan lain-lain (1.8%). Para responden telah ditanya dengan 55 soalan berbentuk likert scale yang mencakupi soalan mengenai kekerapan penggunaan media untuk mendapatkan maklumat mengenai Gagasan 1Malaysia, pengujian kefahaman serta pengukuran tahap kefahaman terhadap Gagasan 1Malaysia. Kekerapan penggunaan media untuk mendapatkan maklumat mengenai Gagasan 1Malaysia diklasifikasikan mengikut julat dan skor min yang diinterpretasikan oleh penyelidik. Analisis statistik pula menggunakan skor min dan tahap setiap item bagi mentafsirkan data secara deskriptif.

Kata Kunci: Belia, Malaysia, Media, 1Malaysia

ABSTRACT

This article is related to the frequency of the medium used by the youths in Malaysia to obtain information about 1Malaysia. Overall, a total of 1600 respondents comprising of youths were selected for this study. A total of 100 respondents were selected from each state. The respondents were youths who were selected through random convenience sampling. The sample was selected to represent the youth of all races and genders. Information was collected through responses from the questionnaires which were answered by the respondent. Data were analyzed using the IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 20.0. Frequency, mean, cross tabulation and percentages were used in the data analysis. Data can also be interpreted as a descriptive explanation to the figures and percentages. The data also does not rule out the objectives of the study but data analysis helps to explain the objectives of the study. There are 11 medium used by the youth to get information about 1Malaysia, i.e. television, internet, newspaper, radio, newsletters, magazines, books, lectures, blogs, and others. Most respondents (83.9%) responded that television is the medium most frequently used followed by the internet (67.8%), newspapers (63.7%), radio (50.1%), bulletin (40.4%), magazines (30.9%), books (29.9%), lectures (20.3%), blogs (22.8%), newsletters (7.8%) and others (1.2%). About the most effective medium used to understand the 1Malaysia concept, most of the respondents (77.1%) indicate that television is the most effective medium, followed by the Internet (63.6%), newspapers (50.9%), radio (43%), bulletin (36.1%), books (25.8%), magazines (25.1%), lectures (23.8%), blogs (20.1%), newsletters (7.9%), and others (1.8%). The respondents were asked 55 Likert Scale questions consisting questions on the frequency of usage of the media to get information about 1Malaysia. Statistical analysis and the mean score of each item were used for the interpretation of descriptive data.

Keywords: Youth, Malaysia, Media, 1Malaysia

PENGENALAN

Gagasan 1Malaysia adalah satu dasar perpaduan yang dinamik ke arah satu perpaduan nasional tanpa mengira latar belakang etnik, bangsa, agama dan juga wilayah. Gagasan 1Malaysia tertumpu kepada kesepaduan sosial, perpaduan dan integrasi nasional. Gagasan 1Malaysia juga merupakan satu wahana pemerkasaan perpaduan masyarakat berbilang kaum yang terkini sesuai dengan suasana semasa dan peredaran zaman. Semua kelompok etnik kaum harus keluar dari kerangka lama dan melihat diri masing-masing sebagai orang Malaysia. Slogan 1Malaysia pula adalah slogan keramat yang melihat kepentingan negara dan agenda nasional sebagai keutamaan yang lebih tinggi berbanding kepentingan kelompok dan peribadi.

Gagasan 1Malaysia diwujudkan bertujuan untuk melahirkan bangsa Malaysia bersatu padu dan hidup dalam keadaan harmoni. Perpaduan adalah prasyarat utama untuk melahirkan negara Malaysia yang aman, maju dan makmur. Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia adalah satu langkah drastik yang amat tepat pada masanya dan bersesuaian dengan aspirasi rakyat jelata. Gagasan 1Malaysia boleh memupuk hubungan antara kaum dan menjalin perpaduan yang lebih kukuh tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan keturunan. Nilai asasi yang perlu ada pada setiap kelompok etnik ialah perasaan saling hormat menghormati, saling faham memahami dan saling percaya mempercayai antara satu sama lain.

Gagasan 1Malaysia bertujuan meningkatkan perpaduan dalam kepelbagaian masyarakat berbilang kaum dan ia adalah satu bentuk “pelaburan” untuk generasi yang akan datang. Kerajaan mempunyai harapan untuk melihat penambahbaikan berlaku dalam konteks pentadbiran negara dan kebajikan rakyat semua. Gagasan 1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” merupakan satu wahana penting menjana transformasi negara Malaysia dalam semua lapangan dan memupuk perpaduan serta memartabatkan imej negara di persada antarabangsa.

Namun demikian, pelbagai media telah digunakan oleh para belia untuk mendapatkan maklumat mengenai gagasan 1Malaysia. Terdapat media yang mempunyai signifikan yang besar dalam penyebaran maklumat mengenai gagasan Malaysia. Ada juga maklumat yang tidak sampai kepada golongan sasaran. Maka kajian ini mengukur kekerapan medium yang digunakan oleh para belia di Malaysia untuk mendapatkan maklumat mengenai gagasan 1Malaysia.

PENYATAAN MASALAH

Kefahaman rakyat Malaysia mengenai Gagasan 1Malaysia kadangkala agak tersasar kerana ada pemimpin pembangkang yang mendakwa ia menyamai konsep Malaysian Malaysia. Sebenarnya konsep *Malaysian Malaysia* telah lama diperjuangkan oleh DAP yang kononnya bertujuan untuk memperjuangkan keadilan dan kesamaan hak bagi rakyat sedangkan DAP mempunyai matlamat menghapuskan pemerintahan beraja, kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan dan hak keistimewaan orang Melayu. Di samping itu, DAP juga cuba untuk menghapuskan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Perkara ini bukanlah dibuat-buat tetapi berdasarkan ucapan dan penulisan mereka dalam buku dan blog-blog pro-pembangkang. Sebenarnya DAP telah lama memperjuangkan hasrat untuk menghapuskan kontrak sosial dan ketuanan Melayu iaitu sejak tahun 1960an lagi. Mereka cuba meracuni pemikiran rakyat dan ada yang terpengaruh dengan pernyataan mereka.

Kajian ini pada asalnya dijalankan untuk mengenal pasti tahap kefahaman belia Malaysia mengenai Gagasan 1Malaysia. Kajian ini cuba menjawab persoalan kajian

yang mencakupi tahap kefahaman belia mengenai Gagasan 1Malaysia, medium yang digunapakai oleh belia untuk memahami Gagasan 1Malaysia dan kesan Gagasan 1Malaysia kepada kehidupan bermasyarakat belia di Malaysia. Maka, kajian ini menumpukan perhatian kepada kefahaman kelompok belia dalam negara ini terhadap 1Malaysia yang masih lagi baharu. Apatah lagi dasar kerajaan bukan boleh difahami dalam jangka masa yang singkat. Ia memerlukan banyak program penerangan dan penjelasan.

Pemahaman terhadap Gagasan 1Malaysia adalah sangat penting demi menjayakan gagasan ini. Ia bukanlah gagasan *Malaysian Malaysia* kerana ia mempunyai pentafsiran yang tersendiri. Ada pihak yang cuba menguar-uarkan gagasan *Malaysian Malaysia* seolah-olah ia sama dengan Gagasan 1Malaysia. Gagasan 1Malaysia sebenarnya lebih menumpukan kepada perpaduan nasional dan integrasi antara kaum. Menurut Syed Ahmad Lokman (2009), gagasan *Malaysian Malaysia* cuba menghapuskan asas pembinaan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum yang telah diterima ramai selama ini. Gagasan *Malaysian Malaysia* cuba mengengahkan prinsip kesamarataan tanpa mengambil kira falsafah penggubalan perlembagaan dan realiti sejarah negara kita. Hal seperti ini boleh mengelirukan pemikiran rakyat Malaysia dan menimbulkan keadaan yang kurang senang dalam kalangan orang-orang Melayu khususnya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti kekerapan medium yang digunakan bagi mendapatkan maklumat berhubung Gagasan 1Malaysia. Manakala objektif khusus kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui kekerapan medium yang digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai 1Malaysia.
- ii. Mengetahui medium yang paling berkesan digunakan untuk memahami gagasan 1Malaysia

SOROTAN LITERATUR

YAB Datuk Seri Najib (2010) ketika menerima perutusan sempena penerimaan jawatan Perdana Menteri Malaysia ke-6 pada 3 April 2009, telah mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk bersamanya menjayakan apa yang diistilahkan sebagai satu transformasi besar buat negara dengan semangat “1Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan”. Gagasan 1Malaysia diperkenalkan oleh YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak bertujuan memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum yang berteraskan lapan nilai-nilai penting. Nilai-

nilai ini adalah satu kemestian yang menjadi amalan semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang keturunan, agama dan bangsa. YAB Datuk Seri Najib (2010) mengharapkan golongan belia dan muda mengambil pendekatan 1Belia 1Malaysia untuk menjayakan Gagasan 1Malaysia kerana Malaysia tidak akan jadi bersatu jika belia tidak mempunyai kehendak untuk bersatu padu.

Shaharuddin, Azlan dan Mazlan (2010) mengetengahkan pandangan mengenai peranan dan harapan yang diletakkan oleh kerajaan Malaysia terhadap para belia di Malaysia bagi menggalas tanggungjawab dan amanah untuk merealisasikan Gagasan 1Malaysia hingga menjadi kenyataan. Mereka mengkritik pihak-pihak yang menggugat keharmonian antara kaum di Malaysia kerana kepentingan peribadi dan politik picisan. Dalam Gagasan 1Malaysia, identiti terserlah dalam manifestasi frasa “saya orang Malaysia”. Namun demikian, identiti bangsa masing-masing masih tidak terhakis. Orang Melayu masih terpelihara identiti dan ciri kemelayuannya dan begitu juga bangsa-bangsa lain (Wan Norhasniah 2011). Gagasan 1Malaysia menjurus kepada kepentingan negara melebihi kepentingan yang lain dalam usaha merealisasikan perpaduan dan integrasi nasional. Apa yang kita harapkan ialah proses menyatupadukan kaum akan dilihat berkembang dalam konteks kesepaduan sosial dan penyatupaduan masyarakat.

Bagi YB Datuk Ahmad Shabery Cheek (2010), Gagasan 1Malaysia tidak akan berjaya dilaksanakan sekiranya cabaran Gagasan 1Malaysia tidak disahut dan dihayati oleh golongan belia. Oleh yang demikian beliau berpendapat semangat 1Belia 1Malaysia menjadi satu agenda penting kelompok belia untuk merealisasikan aspirasi YAB Perdana Menteri dan negara. Sarjit Sing dan Charanjit Kaur (2010) membahaskan peranan dan cabaran mahasiswa sebagai sebahagian daripada kelompok belia dalam melestarikan Gagasan 1Malaysia. Pemimpin mahasiswa dikatakan perlu mendukung aspirasi 1Malaysia kerana ia membawa maksud semangat perpaduan yang jitu, memperkukuhkan masyarakat yang penyayang serta memmanifestasikan sifat mesra rakyat.

Siti Khairiah dan Mohd Ra'in (2010) meneliti peranan beliawanis dalam merealisasikan Gagasan 1Malaysia dan sumbangan mereka kepada pembangunan dan kemajuan negara. Beliawanis dilihat sebagai modal insan yang penting dalam konteks pendidikan, politik dan sosio-ekonomi negara. Kamaruddin (2011) berpendapat Gagasan 1Malaysia akan melonjakkan diri kelompok belia di Malaysia. Ini adalah kerana prinsip meritokrasi akan diintegrasikan dengan tindakan-tindakan alternatif dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, kelompok belia akan lebih berdaya saing dalam mempertahankan maruah diri dan martabat bangsa. Pada dasarnya apa yang diujahkan oleh beliau ialah slogan 1Malaysia berkumandang kerana faktor suasana sosio-politik semasa selepas Pilihan Raya Umum ke-12 dan kehendak politik pada abad milenium.

Siti Khairiah Mohd Zubir (2011) mengenal pasti peranan bahasa, sastera dan budaya sebagai tunjang utama pembentukan Gagasan 1Malaysia. Gagasan 1Malaysia dikatakan boleh memperbaiki hubungan etnik dan merealisasikan pencapaian perpaduan nasional. perpaduan adalah asas kepada kemakmuran. Gagasan 1Malaysia boleh memantapkan perpaduan nasional. Perpaduan boleh dipupuk melalui kekeluargaan, sekolah, institusi pengajian tinggi, media dan lain-lain. Nilai perpaduan adalah satu nilai yang amat berharga yang kita warisi daripada pemimpin terdahulu.

Setakat yang diketahui, tiada satu kajian pun yang mengenal pasti signifikan media dalam penyebaran maklumat mengenai Gagasan 1Malaysia khususnya dalam kalangan belia. Kajian ini telah mengisi ruang kekosongan ini.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif iaitu melalui respons para responden terhadap soal selidik. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengenal pasti kekerapan medium yang digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai 1Malaysia dan medium yang paling berkesan digunakan untuk memahami gagasan 1Malaysia. Reka bentuk kajian menjurus kepada keseluruhan kerangka penyelidikan daripada mula hingga akhir termasuklah proses mendapatkan data dan maklumat berkaitan subjek kajian. Jumlah responden yang memberikan respon kepada soalan-soalan penting yang telah digubal hinggalah kepada dapatan hasil penyelidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berdasarkan kepada soalan yang tercatat dalam soal selidik dan jawapan yang diberikan oleh para responden.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di enam belas buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak, Pahang, Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pemilihan lokasi kajian meliputi semua negeri dan Wilayah Persekutuan. Oleh yang demikian kajian ini mempunyai responden yang seimbang yang mewakili semua negeri dan tiga Wilayah Persekutuan di Malaysia. Ini adalah satu kelebihan kerana tiada sebuah negeri dan Wilayah Persekutuan yang tertinggal dalam kajian ini.

Profil Sampel Kajian

Secara keseluruhan, seramai 1,600 orang responden yang terdiri daripada belia telah terpilih untuk kajian ini. Sejumlah 100 orang responden telah dipilih daripada setiap negeri dan Wilayah Persekutuan. Ini bermakna setiap negeri dan Wilayah Persekutuan diwakili oleh 100 orang responden. Para responden terdiri daripada golongan belia yang dipilih melalui kaedah pensampelan rawak selesa (*convenience sampling*).

Pensampelan rawak selesa membolehkan pengkaji memilih responden secara bebas kerana jumlah populasi yang besar dan mustahil semuanya dapat mengambil bahagian dalam kajian ini.

Secara keseluruhan, responden terdiri daripada belia Melayu berjumlah 1,081 orang, Cina (204 orang), India (143 orang), dan lain-lain bangsa (172 orang).

Pengumpulan Data

Pengumpulan data kajian ini telah dijalankan sekitar bulan Mac hingga Julai 2012. Data kajian ini diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik. Para responden telah diminta menjawab semua soalan yang digubal khas untuk tujuan kajian ini.

Limitasi Kajian

Kajian yang dijalankan mencakupi 1600 orang responden di 13 buah negeri dan 3 Wilayah Persekutuan. Jumlah ini tidaklah terlalu banyak jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan populasi belia. Memang mustahil untuk mengambil semua populasi belia dalam negara ini sebagai responden. Oleh itu kaedah pensampelan digunakan untuk mengabsahkan perwakilan keseluruhan populasi belia. Sifat mewakili dianggap sudah memadai dengan jumlah responden seramai 1600 orang yang terdiri daripada khalayak belia.

Instrumen Kajian Dan Kebolehpercayaan

Pada dasarnya instrumen kajian mengandungi enam bahagian iaitu:

- i. Muka hadapan
- ii. Bahagian A: Profil responden
- iii. Bahagian B: Soalan yang menguji kefahaman (55 soalan)
- iv. Bahagian C (i): Medium dan kaedah yang digunakan dalam memahami Gagasan 1Malaysia (2 soalan pelbagai jawapan pilihan)
- v. Bahagian C (ii): Medium dan kaedah yang digunakan dalam memahami Gagasan 1Malaysia (Likert Scale, 12 soalan)
- vi. Bahagian akhir: Komen bertulis mengenai Gagasan 1Malaysia

Instrumen ini digunakan untuk mengkaji tahap kefahaman belia Malaysia terhadap Gagasan 1Malaysia. Kebolehpercayaan instrumen telah diukur menggunakan Analisa Ketekalan Dalaman (*Cronbach Alpha*) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Analisa Ketekalan Dalaman (Cronbach Alpha)

Bil.	Bahagian	n Item	Cronbach Alpha*
1.	Bahagian B: Soalan yang menguji kefahaman	55	7.15
2.	Bahagian C (i): Medium dan kaedah yang digunakan dalam memahami Gagasan 1 Malaysia	2	7.34
3.	Bahagian C (ii): Medium dan kaedah yang digunakan dalam memahami Gagasan 1 Malaysia	12	8.03

* Nilai Cronbach Alpha bagi semua soalan melepasi 0.6

Dapatan ini menunjukkan bahawa instrumen kajian ini melepasi tahap kebolehpercayaan minima bagi penyelidikan sains sosial.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini mengetengahkan kekerapan medium yang digunakan bagi memahami Gagasan 1Malaysia. Dalam bahagian ini para responden telah ditanya dua soalan asas iaitu:

- i. Apakah medium yang paling kerap digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai Gagasan 1Malaysia?
- ii. Apakah medium yang paling berkesan digunakan untuk memahami Gagasan 1Malaysia?

Kedua soalan ini ditanyakan untuk mendapatkan maklumat yang lengkap mengenai medium yang paling kerap digunakan oleh para belia untuk mendapatkan maklumat mengenai 1Malaysia dan medium yang paling berkesan digunakan untuk memahami Gagasan 1Malaysia. Responden diminta untuk menandakan beberapa alternatif pilihan tanpa sebarang had seperti berikut:

- i. Buku
- ii. Majalah
- iii. TV
- iv. Radio
- v. Internet
- vi. Akhbar

- vii. Buletin
- viii. *Newsletter*
- ix. Ceramah
- x. Blog
- xi. Lain-lain, nyatakan: _____

Bagi respon terhadap soalan mengenai medium yang paling kerap digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai 1Malaysia, kebanyakan responden (83.9%) menjawab bahawa televisyen adalah medium yang paling kerap digunakan diikuti internet (67.8%), akhbar (63.7%), radio (50.1%), buletin (40.4%), majalah (30.9%), buku (29.9%), ceramah (20.3%), blog (22.8%), *newsletter* (7.8%) dan lain-lain (1.2%) (Jadual 2).

Jadual 2: Kekerapan Medium yang Digunakan untuk Mendapatkan Maklumat Mengenai 1Malaysia mengikut Jumlah Tertinggi

Jumlah Tertinggi	Medium	Jumlah Responden	Peratus %
1	Tv	1342	83.9
2	Internet	1084	67.8
3	Akhbar	1019	63.7
4	Radio	802	50.1
5	Buletin	646	40.4
6	Majalah	494	30.9
7	Buku	478	29.9
8	Ceramah	324	20.3
9	Blog	365	22.8
10	<i>Newsletter</i>	125	7.8
11	Lain-Lain	19	1.2

Bagi jawapan “lain-lain”, sungguhpun jumlahnya kecil, para responden telah menyatakan beberapa medium lain untuk mendapatkan maklumat mengenai 1Malaysia iaitu sepanduk, program agensi Biro Tatanegara (BTN), program diskusi, *Facebook*, *Twitter*, guru, kawan, risalah dan pamflet.

Bagi respons terhadap soalan mengenai medium yang paling berkesan digunakan untuk memahami Gagasan 1Malaysia, kebanyakan responden (77.1%) menandakan televisyen adalah medium yang paling berkesan diikuti oleh internet (63.6%), akhbar (50.9%), radio (43%), buletin (36.1%), buku (25.8%), majalah (25.1%), ceramah (23.8%), blog (20.1%), *newsletter* (7.9%), dan lain-lain (1.8%) (Jadual 3).

Jadual 3: Kekekapan Medium yang Digunakan untuk Memahami Gagasan 1Malaysia

Jumlah Tertinggi	Medium	Jumlah Responden	Peratus %
1	Tv	1233	77.1
2	Internet	1017	63.6
3	Akhbar	815	50.9
4	Radio	694	43.4
5	Buletin	577	36.1
6	Majalah	412	25.8
7	Buku	402	25.1
8	Ceramah	380	23.8
9	Blog	321	20.1
10	<i>Newsletter</i>	126	7.9
11	Lain-Lain	29	1.8

Bagi jawapan “lain-lain”, para responden telah menyatakan beberapa medium lain untuk mendapatkan maklumat mengenai 1Malaysia iaitu melalui program kem latihan, program PLKN, novel, poster dan kempen.

Para responden juga telah ditanya mengenai medium dan kaedah yang digunakan dalam memahami Gagasan 1Malaysia. Jawapan yang diberikan oleh para responden adalah berdasarkan kepada pernyataan yang diberikan dan respons atau persetujuan responden kepada soalan tersebut. Angka dan peratusan dalam Jadual 4 di bawah adalah berdasarkan persetujuan yang diberikan oleh responden sama ada sangat setuju atau setuju.

Jadual 4: Kekekapan Medium yang Digunakan untuk Memahami Gagasan 1Malaysia

Bil.	Medium Atau Kaedah Yang Digunakan	Jumlah Responden	Peratus
1	Belajar di institut pendidikan	880	55.1
2	Usaha sendiri	775	48.4
3	Hadir kursus atau latihan	799	50.0
4	<i>Facebook</i>	795	49.9
5	<i>Twitter</i>	607	38.1

Berdasarkan Jadual 4 di atas, majoriti responden menyatakan bahawa mereka memahami Gagasan 1Malaysia melalui pembelajaran di institusi pendidikan, berusaha sendiri mencari maklumat, menghadiri kursus atau latihan, mendapatkan maklumat melalui *Facebook* dan juga *Twitter*.

KESIMPULAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN

Implikasi Kajian

Kajian ini telah mengabsahkan pernyataan YAB Datuk Seri Najib (2011) yang percaya majoriti rakyat Malaysia mula memahami falsafah yang melatari Gagasan 1Malaysia. Gagasan 1Malaysia merupakan satu gagasan yang telah lebih empat tahun diperkenalkan. Dalam usaha kerajaan mempromosikannya, adalah mustahil jika rakyat Malaysia masih belum mengetahui mengenainya. Ramai rakyat Malaysia mengetahui tentang kewujudan Gagasan 1Malaysia, tetapi adakah mereka memahaminya?

Kajian telah meneroka kefahaman belia Malaysia mengenai Gagasan 1Malaysia. Kita juga tidak dapat menafikan bahawa para belia masih tidak faham secara mendalam atau kurang jelas mengenai gagasan yang penting ini. Para belia sepatutnya lebih peka tentang perkara ini kerana ia adalah salah satu dari dasar kerajaan yang penting dan berusaha mendapatkan maklumat dan memahaminya.

Pengkaji yang akan datang boleh memberi tumpuan kepada aspek sikap dan amalan pula dalam kalangan belia mengenai Gagasan 1Malaysia.

Kajian yang dijalankan hanya terhad kepada 1600 orang responden. Kajian mendatang mungkin boleh dilakukan dalam kalangan jumlah responden yang lebih ramai. Begitu juga kajian mendatang boleh menumpukan fokus ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dapatan kajian mungkin sedikit berbeza kerana negeri-negeri ini mempunyai jurang komposisi etnik yang jauh berbeza berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Kajian akan datang mungkin dapat menggunakan instrumen ini dengan beberapa penambahbaikan kecil supaya hasil analisis yang diperolehi adalah lebih baik dan lebih absah. Di samping itu, jumlah responden juga boleh diperbesarkan untuk mendapatkan keputusan yang lebih memberangsangkan. Di samping itu, pengkaji yang akan datang juga boleh mengkaji kefahaman keseluruhan rakyat Malaysia mengenai Gagasan 1Malaysia dan tidak tertumpu kepada kelompok belia sahaja.

CADANGAN

Walaupun kajian ini telah mengesahkan pernyataan YAB Datuk Seri Najib (2011) yang percaya majoriti rakyat Malaysia mula memahami falsafah yang melatari Gagasan

Malaysia, usaha-usaha penjelasan perlu diberikan kepada rakyat dalam pelbagai bahasa terutamanya dalam bahasa asing seperti bahasa Mandarin, Kantonis, Tamil, Inggeris dan bahasa kelompok etnik minoriti yang lain.

Kefahaman para belia mengenai Gagasan Malaysia adalah baik tetapi masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan. Para belia sepatutnya perlu lebih memberi perhatian kepada Gagasan Malaysia dan program-program berkaitan dengannya memandangkan ia memberi impak daripada segi perpaduan dan hubungan etnik. Apa yang penting mereka mesti berusaha sendiri untuk memahaminya memandangkan terlalu banyak wahana yang menerangkan mengenai Gagasan Malaysia yang mudah diperolehi. Para belia seharusnya mempunyai hubungan komunikasi yang baik di antara satu sama lain dan juga kemahiran interaksi sosial.

Hasil kajian ini telah memberi satu tanggapan benar bahawa para belia mempunyai potensi untuk lebih memahami Gagasan Malaysia. Medium penyebaran dasar-dasar kerajaan perlu diperluaskan menerusi internet kerana media ini ternyata mempunyai impak yang besar kepada kefahaman para belia. Kita percaya media internet juga berkesan untuk menguar-uarkan dasar kerajaan kepada keseluruhan rakyat Malaysia.

Penjelasan mengenai Gagasan Malaysia sepatutnya bermula di sekolah. Pelaksanaan Gagasan Malaysia dapat memberikan kebaikan kepada semua rakyat jelata dan keadilan yang sewajarnya jika ia difahami pada semua peringkat dan strata masyarakat.

Penglibatan semua kaum juga amatlah diperlukan dan dipupuk dalam kalangan pelajar sekolah demi kesinambungan perpaduan kaum dan survival generasi akan datang. Di samping itu, perlu diadakan penilaian secara berkala pelaksanaan dasar ini untuk kebaikan jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menjurus kepada mengenal pasti media dan kaedah yang digunakan oleh belia dalam memahami Gagasan Malaysia. Secara keseluruhan, kefahaman belia Malaysia terhadap Gagasan Malaysia adalah tinggi. Sungguhpun demikian, kita mengharapkan ia mencapai tahap tertinggi dengan wujudnya usaha-usaha penjelasan yang lebih ekstensif dan menyeluruh.

Sebanyak 68.5 peratus belia Malaysia mengakui bahawa kempen-kempen mengenal Malaysia menyedarkan mereka mengenai kepentingan perpaduan. 80.9 peratus belia Malaysia menyatakan bahawa mereka faham Gagasan Malaysia memupuk semangat permuafakatan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Di samping itu, 79.0 peratus belia Malaysia menyatakan bahawa mereka faham bahawa Gagasan Malaysia menampilkan penekanan kepada perpaduan dan keharmonian antara kaum.

PENGHARGAAN

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Institut Pembangunan Penyelidikan Belia Malaysia (IPBBM), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia kerana membiayai dana penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdullah Md. Zin. 2011. 1Malaysia: Konsep Wastiyah dan Keadilan Sosial di Malaysia dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Iilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns, 59-70.
- Ahmad Shabery Cheek. 2010. Semangat 1Belia 1 Malaysia : asas Agenda Hari ini dan Akan Datang, *Malaysian Journal of Youth Studies*, Jilid 2, Jun 2010, 7-16
- Amini Amir Abdullah, Abdul Aziz, Shamsuddin Moner. 2010. The Concept of 1Malaysia From Islamic Perspectives. International Conference on Social Sciences, 8 Oktober 2010 – 9 Oktober 2010, Pine Bay Resort, Izmir, Turkey (9/10/2010, Session D2, Room:102,9.00-10.40am)
- Amini Amir Abdullah. 2011. The Concept of 1Malaysia From Islamic Perspectives. *FEM Intellectual Discourse*, 30 March 2011, Time: 1am-11am, Bilik Sidang, Faculty of Human Ecology, UPM.
- Amini Amir Abdullah. 2012. *Gagasan 1Malaysia Bukan “One Israel”*, Suara Pusat Islam Universiti Putra Malaysia, 17 Februari 2012.
- Badariah Saibeh. 2011. Tahap Integrasi Dalam Kalangan Pemimpin Pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional, Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*, 143-152.
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara. 2009. 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. <http://www.kpkk.gov.my/pdf/Booklet1Malaysia.pdf>
- David de Vaus. 2002. *Analyzing Social Science Data*, London: Sage Publication.
- Dg Norizah Ag Kiflee dan Sh. Sahar Sh. Ading. 2011. Pendidikan Sejarah: Penerapan 1Malaysia Dalam Pembinaan Negara Bangsa, *Prosiding Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional, Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*, 143-152.

- Fuad Hassan. 2011. Hubungan Rakyat dan Pemerintah: Hak dan Tanggungjawab Merealisasikan Gagasan 1Malaysia dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Iilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns, 85-104.
- Haslinda Abdullah, Turiman Suandi, Abd. Halim Sidek, Sarjit S. Gill, Nonaya Ahmad dan Dzuhaيمي Dahalan. 2009. *Belia dan Pembangunan Modal Insan*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Ibrahim. 2011. Gagasan 1Malaysia: Perspektif Islam” dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Iilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns, 25-40.
- Kamaruddin Moh. Said. 2010. Slogan 1Malaysia Dalam Konteks Evolusi Demokrasi Malaysia, *Malaysian Journal of Youth Studies*, Jilid 2, Jun 2010, 17-34
- Menuju Kecemerlangan Global’, Teks Ucaptama YAB. Dato’ Sri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Sempena Konvensyen Invest Malaysia 2010 di Hotel Shangri La, Kuala Lumpur, 30 Mac 2010.
- Mohd Mursyid Arshad, Ismi Arif Ismail, Steven Eric Krauss dan Turiman Suandi. 2010. Fenomena Mat Rempit: Cabaran dan Peluang Kepada Pengisian Gagasan 1Malaysia, *Malaysian Journal of Youth Studies* Jilid 2, Jun 2010, 161-188
- Mohamed Mustafa Ishak 2010. Gagasan 1Malaysia : Nausa Baru Dalam Mengisi Agenda Pembentukan Bangsa Malaysia: *Malaysian Journal of Youth Studies* Jilid 2, Jun 2010, 17-34
- Mohd Najib Tun Abdul Razak. 2010. Perdana Menteri Malaysia, Gagasan 1Malaysia: Perutusan Perdana Menteri Malaysia Ke-6, *Malaysian Journal of Youth Studies* Jilid 2, Jun 2010, 1-3
- Mohd Najib Tun Abdul Razak. 2010. Perdana Menteri Malaysia, Gagasan 1Malaysia: 1Belia 1Malaysia, *Malaysian Journal of Youth Studies* Jilid 2, Jun 2010, 4-6
- Mohd Yusof Othman. 2011. 1Malaysia: Budaya Inovasi dan Kreatif Dari Perspektif Islam” dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, Petaling Jaya: Iilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns, 85-104.
- Nobaya Ahmad, Haslinda Abdullah, Abd. Halim Sidek, Sarjit S. Gill dan Dzuhaيمي Dahalan. 2009. *Pembangunan Belia Abad 21; Isu dan Cabaran*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Noor Sulastry Yurni Ahmad. 2010. 1Semangat Patriotisme Menjana Konsep 1Malaysia: realiti Atau Fantasi, *Malaysian Journal of Youth Studies* Jilid 2, Jun 2010 77-92
- Nik Aziz Nik Pa. 2011. Budaya Ketepatan dan Pembinaan Jati Diri 1Malaysia” dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, *Petaling Jaya: Iilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns*, 105-130.
- Rais Yatim. 2011. Nilai-nilai Murni Dalam Gagasan 1Malaysia dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, *Petaling Jaya: Iilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns*, 145-152
- Sahlan Ismail. 2011. (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, *Petaling Jaya: Iilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns*,
- Saifuddin Abdullah. 2011. 1Malaysia: Nilai Kesetiaan Ke Arah Pembentukan Negara Maju dalam Sahlan Ismail (Editor), *1Malaysia: Menjana Negara Sejahtera dan Bahagia Menjelang 2020*, *Petaling Jaya: Iilham Baru Publications dan Center For Glocal Concerns*,71-84.
- Sarjit S. Gill dan Charanjit Kaur. 2010. Peranan dan Cabaran Mahasiswa Melestarikan Gagasan 1Malaysia, *Malaysian Journal of Youth Studies* Jilid 2, Jun 2010 53-76
- Siti Khariah Mohd Zubir. 2011. Peranan Bahasa, sastera dan Budaya Dalam Membentuk Perpaduan 1Malaysia”, *Prosiding Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional*, *Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*, 515-540.
- Siti Khairiah Mohd Zubir dan Mohd Ra’ni Shaari. 2010. Peranan Beliawanis Sebagai Modal Insan Memenuhi gagasan 1Malaysia, *Malaysian Journal of Youth Studies* Jilid 2, Jun 2010 53-76
- Syed Ahmad Lokman Syed Mansur. 2009. Perbezaan Antara Gagasan 1Malaysia dengan Malaysian Malaysia, Tanwir: Pencerahan Pemikir Islam, Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA)

Profil Penulis:

*Amini Amir Abdullah, PhD
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia.*

*Fahmi Azar Mistar
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia.*

*Hanina Halimatusaadiah Hamsan, PhD
Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia.*

PROFIL KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI GOLONGAN BELIA

ZAINAL MADON, HASLEE SHARIL ABDULLAH & MOHAMAD IBRANI
SHAHRIMIN ADAM ASSIM

ABSTRAK

Kajian ini melibatkan 1,076 orang golongan belia berada di Tingkatan 4 yang bertujuan untuk menentukan tahap dan membentuk profil kesejahteraan psikologi dengan menggunakan Skala Kesejahteraan Psikologi Ryff (1995). Dapatan kajian mendapati hanya 16.45% belia adalah sejahtera. Ini menunjukkan belia masih lagi sedang aktif dalam peringkat perkembangan, mencari identiti diri, dan mempunyai tahap mengurus diri serta autonomi diri yang rendah. Turutan dimensi kesejahteraan psikologi berdasarkan susunan skor min ialah tujuan hidup, perkembangan sendiri, perhubungan positif dengan orang lain, autonomi, menguasai persekitaran dan penerimaan sendiri. Dapatan kajian menunjukkan remaja masih lagi sedang berkembang, mencari identiti diri, tahap mengurus diri dan autonomi diri yang rendah. Remaja memerlukan bimbingan, sokongan dan tunjuk ajar bagi membantu meningkatkan tahap kesejahteraan mereka. Program dan pelan intervensi yang komprehensif perlu dirangka bagi membantu meningkatkan tahap kesejahteraan psikologi remaja.

Kata Kunci: *Belia Awal, Kesejahteraan Psikologi, Profil Perkembangan, Identiti Belia*

ABSTRACT

The current study involved 1,076 youngsters of form 4, which envisaged determining and profiling the level of psychological wellbeing using Psychological Wellbeing Scale by Ryff (1995). Findings revealed that only 16.45% of the respondents are prosperously wellbeing. This indicates that the youngsters are still developing, seeking self-identity, with low levels of self-management and self-autonomy. The order of the youth psychological well-being dimensions ranked based on the mean scores is life goal, self-development, positive relation with others, autonomy, control of the environment and self-acceptance. The findings indicated that adolescents were still developing, searching for their self-identity, and had low level of self-management and autonomy. They need guidance, support and coaching to help increase their level of psychological well-being. Comprehensive programmes and interventions need to be planned to help increase adolescents' level of psychological well-being.

Keywords: *Youngsters, Psychological Wellbeing, Development Profile, Youth Identity*

LATAR BELAKANG

Kesejahteraan adalah penting dalam menentukan kualiti hidup manusia. Mencapai kesejahteraan hidup menjadi matlamat setiap insan. Belia adalah tahap yang kritikal dalam perkembangan hidup manusia. Belia mengalami perubahan yang ketara sama ada daripada segi fizikal, psikologi, emosi dan sosial. Belia yang mencapai kesejahteraan psikologi akan dapat membina identiti diri seterusnya mempunyai kefungsian diri yang baik.

Belia yang menjadi fokus dalam kajian ini mengalami perubahan daripada segi fizikal, kognitif, sosial, emosi dan hubungan interpersonal. Perubahan yang berlaku diikuti dengan persekitaran yang bertambah kompleks menyebabkan belia tidak bersedia untuk menghadapi situasi dan konteks kehidupan yang makin mencabar (Collins, Newman & McKenry, 2005). Kajian juga menunjukkan kesan perkembangan yang berlaku tidak semestinya sama dalam kalangan belia (Petersen & Leffert, 1995). Selain itu, belia juga dikatakan dalam keadaan tertekan daripada segi pencapaian sama ada di sekolah, institusi pengajian tinggi, tempat kerja dan tekanan sebelum melangkah ke alam dewasa (Arnett, 2004). Majoriti belia baru menghabiskan alam pengajian yang masih mencari arah hidup. Belia juga perlu bersedia untuk melangkah ke alam dewasa sama ada daripada segi kerjaya, berdikari dan membuat keputusan hidup sendiri (Arnett, 2004). Tekanan yang dialami oleh belia boleh menimbulkan ketidakstabilan dalam diri belia seterusnya menjejaskan kesejahteraan psikologi belia (Geldard & Geldard, 2004).

Berdasarkan senario berkaitan perkembangan belia dan dapatan kajian lepas, sejauh manakah perubahan yang dialami ini menjejaskan tahap kesejahteraan psikologi belia di Malaysia? Adakah wujud perbezaan yang signifikan antara profil kesejahteraan psikologi mengikut jantina? Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian tersebut dengan menggunakan indeks kesejahteraan psikologi berasaskan Teori Kesejahteraan Psikologi Ryff, 1989.

OBJEKTIF KAJIAN

Perkembangan dan perubahan dalam diri belia didapati telah meningkatkan tahap tekanan seterusnya menjejaskan kesejahteraan psikologi belia. Justeru, kajian ini secara khusus dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Untuk menentukan tahap kesejahteraan psikologi belia.
2. Untuk membentuk profil kesejahteraan psikologi belia.

METODOLOGI

Responden

Seramai 1,076 orang pelajar tingkatan empat di lapan buah sekolah menengah kebangsaan harian telah terlibat dalam kajian ini. Sekolah-sekolah ini merangkumi dua buah sekolah di negeri Selangor yang mewakili zon tengah, dua buah sekolah di Melaka yang mewakili zon selatan, dua buah sekolah di Kedah yang mewakili zon utara dan dua buah sekolah di Pahang yang mewakili zon timur. Berdasarkan jadual 1, seramai 472 orang (43.9%) responden adalah lelaki dan 604 orang (56.1%) adalah perempuan. Mengikut bangsa, seramai 689 orang (64%) adalah berbangsa Melayu, 251 orang (23.3%) berbangsa Cina, 105 orang (9.8%) berbangsa India dan lain-lain bangsa, 31 orang (2.9%).

Jadual 1: Taburan Responden

Bangsa	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Melayu	317 (29.5%)	372 (34.6%)	689 (64.0%)
Cina	106 (9.9%)	145 (13.5%)	251 (23.3%)
India	39 (3.6%)	66 (6.1%)	105 (9.8%)
Lain-lain	10 (.9%)	21 (2.0%)	31 (2.9%)
Jumlah	472 (43.9%)	604 (56.1%)	1076 (100%)

Instrumen Kajian

Kesejahteraan psikologi diukur menggunakan Skala Kesejahteraan Psikologi yang telah dibina oleh Ryff (1995). Alat ukur tersebut telah dialih bahasa dengan menggunakan kaedah terjemahan dan terjemahan kembali oleh Brislin (1986). Skala 30 item ini meliputi 6 dimensi kesejahteraan psikologi iaitu penerimaan sendiri, perhubungan positif dengan orang lain, autonomi, menguasai persekitaran, tujuan hidup dan perkembangan sendiri. Bagi setiap item, responden diminta menyatakan tahap persetujuan berdasarkan skala pemarkahan 7 mata iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2= tidak setuju, 3= sedikit tidak setuju, 4= tidak pasti, 5= sedikit setuju, 6=setuju, 7= sangat setuju. Nilai pekali kebolehpercayaan skala ini menggunakan analisa Alpha Cronbach ialah 0.78.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Tahap Kesejahteraan Psikologi Belia

Bagi mencapai objektif pertama kajian iaitu untuk menentukan tahap kesejahteraan psikologi belia. Berdasarkan Jadual 2, didapati min keseluruhan sampel ialah 69.01 dengan sisihan piawai 7.83 dengan skor minimum 45.24 dan skor maksimum ialah 92.86. Taburan skor adalah normal dengan nilai skewness -.14. Min kesejahteraan belia lelaki ialah 69.03 manakala min belia perempuan ialah 69.00.

Jadual 2: Min Kesejahteraan Psikologi berdasarkan Lelaki, Perempuan dan Keseluruhan Sampel

	Skor Minimum	Skor Maksimum	Skor Purata	Sisihan Piawai
Lelaki (n= 472)	47.62	92.86	69.03	7.81
Perempuan (n=604)	45.24	91.43	69.00	7.86
Keseluruhan (N=1076)	45.24	92.86	69.01	7.83

Bagi membezakan tahap kesejahteraan psikologi, nilai min dan sisihan piawai akan digunakan. Bagi tahap belia yang sejahtera, nilai min ditambah dengan satu sisihan piawai, ini akan menjadikannya 76.84. Bagi belia yang tidak sejahtera pula nilai min ditolak dengan satu sisihan piawai, menjadikan skor bagi tahap tidak sejahtera ialah 61.18. Manakala nilai di antara 61.19 dan 76.83 adalah kategori belia kurang sejahtera. Didapati daripada 1,076 orang responden yang dikaji, seramai 177 (16.45%) orang belia adalah sejahtera, 725 kurang sejahtera (67.38%) dan 174 tidak sejahtera (16.17%). Tahap kesejahteraan psikologi yang rendah ini bukan sahaja menunjukkan seseorang itu lemah kesejahteraan psikologinya tetapi tinggi daripada segi ketidakstabilan. Tahap kesejahteraan psikologi yang rendah juga menunjukkan belia masih lagi sedang berkembang, mencari identiti diri, tahap mengurus diri dan autonomi diri yang rendah. Situasi ini berkemungkinan kesan perkembangan biologi, emosi, kognitif dan sosial yang dialami di peringkat awal belia. Sungguhpun perkembangan secara umumnya membawa kesan yang positif tetapi kesan perkembangan yang berlaku tidak semestinya sama di kalangan belia (Petersen & Leffert, 1995). Keadaan bertambah tertekan apabila belia perlu menyiapkan diri sebelum melangkah ke alam dewasa. Menurut Dryfoos (1997), proses perubahan dan transisi ini akan membawa kesan pada kesejahteraan psikologi.

Tempoh perkembangan dan penyesuaian diri yang singkat didapati telah menjejaskan kesejahteraan psikologi belia. Tekanan persekitaran sama ada berkaitan keluarga, rakan sebaya dan komuniti menambahkan lagi tekanan dalam hidup belia (Elliott & Feldman, 1990). Situasi ini perlu diberi perhatian yang serius. Program yang bersesuaian perlu diadakan bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi belia.

Profil Kesejahteraan Psikologi Belia

Objektif kedua kajian ialah untuk membentuk profil kesejahteraan psikologi belia. Profil kesejahteraan psikologi dilakukan berdasarkan kepada skor min enam dimensi kesejahteraan psikologi Ryff. Enam dimensi tersebut ialah penerimaan sendiri, menguasai persekitaran, autonomi, perhubungan positif dengan orang lain, perkembangan sendiri dan tujuan hidup.

Analisis deskriptif enam dimensi bagi keseluruhan sampel dipersembahkan dalam jadual 3 yang memberikan gambaran tentang profil. Skor bagi kesemua dimensi adalah normal dengan skewness antara $-.07$ ke $-.54$. Min yang tertinggi diberi pangkat 1 dan diikuti dengan min yang kedua tertinggi hinggalah yang keenam. Pangkat profil bagi keseluruhan sampel ialah tujuan hidup, perkembangan sendiri, perhubungan positif dengan orang lain, autonomi, menguasai persekitaran dan yang terakhir ialah penerimaan sendiri.

Susunan profil menunjukkan dimensi tujuan hidup adalah yang tertinggi. Ini menunjukkan belia mempunyai wawasan, keinginan dan menuju ke arah hidup yang bermakna. Keadaan ini didapati kongruen dengan dimensi kedua yang tertinggi iaitu dimensi perkembangan sendiri. Belia menunjukkan usaha berterusan untuk membangun potensi dan berkembang menjadi seorang manusia. Ia juga bersedia menghadapi cabaran baru atau tugas pada zaman/ketika yang berbeza. Dimensi ketiga tertinggi ialah perhubungan positif dengan orang lain. Dimensi ini menunjukkan keupayaan belia untuk membina hubungan interpersonal yang mesra, saling dipercayai, perasaan kasih sayang dan empati pada orang lain.

Tiga dimensi yang terendah ialah autonomi, menguasai persekitaran dan penerimaan sendiri. Tahap autonomi yang rendah menunjukkan belia menilai diri berasaskan lokus kawalan luaran, dan sering kali memerlukan pengesahan orang lain untuk membuat keputusan. Ia juga menunjukkan belia menilai diri sendiri berasaskan standard/ukuran orang lain. Manakala tahap menguasai persekitaran yang rendah menunjukkan belia masih lagi belum berupaya mengurus pelbagai cabaran dalam kehidupan seharian. Tahap dimensi autonomi dan menguasai persekitaran yang rendah mungkin ada kebenarannya kerana belia masih lagi tidak bebas untuk membuat keputusan dan tidak dapat menentukan hala hidupnya sendiri kerana masih lagi dalam kawalan ibu bapa dan sekolah. Sungguhpun begitu, penerimaan sendiri yang masih rendah adalah dapatan yang agak membimbangkan kerana dalam usia 16 tahun, belia didapati masih lagi tidak dapat menerima diri sendiri. Sewajarnya pada usia sebegini belia sudah dapat menerima kekuatan dan kelemahan diri sendiri. Penerimaan sendiri yang rendah ini boleh membawa kepada masalah yang lain iaitu kecenderungan untuk bersikap pasif dan tidak yakin dengan kebolehan dan keupayaan diri sendiri.

Jadual 3: Profil Kesejahteraan Psikologi Secara Keseluruhan

Dimensi	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Penerimaan Kendiri	8.0	33	21.63 [6]	4.36
Menguasai Persekitaran	9.0	35	22.91 [5]	4.42
Autonomi	12.0	35	23.16 [4]	3.35
Perhubungan positif	9.0	35	23.99 [3]	4.41
Perkembangan sendiri	13.0	35	25.90 [2]	4.04
Indeks Belia Malaysia (IBM) merupakan instrumen yang telah dibina oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang bertujuan untuk memantau perkembangan kualiti hidup dan kesejahteraan generasi belia di Malaysia. IBM ini dibentuk bagi memantau pola perkembangan gaya hidup dan gaya fikir generasi belia masa kini. IBM ini merupakan satu transformasi pembangunan belia yang lebih berfokus supaya potensi generasi belia dapat dibimbing. Ini bagi memastikan penyerlahan potensi diri belia seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Pembangunan Belia Malaysia. Profil pembangunan belia dalam kajian ini merupakan pengkalan data yang mengandungi latar belakang deskriptif yang terdiri daripada umur, jantina, tahap pendidikan. Badan operasi, mentor dan keaktifan penglibatan peserta program ARP di dalam menjalankan aktiviti. Selain itu, profil dalam kajian ini turut melihat tingkah laku pembangunan potensi diri belia berdasarkan teori TPB.

Senario Perkembangan Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda di Malaysia

Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) menyediakan akses kepada rangkaian antarabangsa, kepakaran pembangunan belia, kapasiti latihan dan amalan terbaik. HRH The Earl of Wessex KG KCVO, International Trustee and Chair of The International Council telah menyatakan bahawa secara semulajadinya Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda adalah fleksibel dan boleh diterima dalam memenuhi keperluan belia. Walau bagaimanapun, mekanisme yang digunakan dalam menggalakkan penyertaan belia harus berubah seiring dengan keperluan pada masa tersebut. Perkara ini turut disokong oleh Nelson Mandela, Penaung International

Award For Young People di Afrika Selatan yang menyatakan generasi muda adalah generasi masa hadapan dan usaha untuk menyerlahkan potensi diri mereka adalah menjadi keutamaan dan langkah yang praktikal dalam membina potensi diri belia adalah melalui penyertaan di dalam program ini. Program yang telah mengubah pandangan dan tanggapan belia melalui cabaran terhadap diri dan sejauh mana mereka boleh mencapai tahap kemajuan dalam diri. Ini telah diperakukan sendiri oleh Peter Cruddas, Pengerusi dan Ketua Eksekutif CMC Markets dan Award's Global Benefactor.

Wasitah Mohd Yusof (2010) telah membentangkan mengenai kemajuan Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda dari tahun 2003 – 2010. Seramai 45,407 orang peserta telah menyertai program ini dengan pencapaian peserta yang menerima Anugerah Tahap Gangsa adalah seramai 18,129 orang, Anugerah Tahap Perak 3,918 orang dan Anugerah Tahap Emas 9 orang. Statistik tersebut mendapati bahawa pertambahan penglibatan golongan belia setiap tahun di dalam program adalah satu perkembangan yang positif dan generasi masa depan ini telah sedar tentang kepentingan dan kelebihan menyertai program tersebut.

Menurut Abner Lico (2002), penyertaan peserta ARP di Orantario telah memberikan kesan yang transformatif. Pemilihan kerjaya adalah berdasarkan kepada aktiviti yang dilalui di dalam empat komponen ; membina persahabatan dengan individu serta komuniti setempat; pengalaman dalam memotivasikan diri. Di negara tersebut, komponen rekreasi fizikal merupakan komponen yang memberikan kesan positif jangka panjang kepada 12,000 orang peserta.

Pada tahun 2012, perluasan skop program ARP telah diteruskan dengan mengadakan kerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia dengan melaksanakan projek perintis alternatif pemulihan remaja di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka. Projek perintis ini telah dijalankan dengan pendaftaran seramai 35 orang untuk menjalankan tahap gangsa dan 31 orang telah pun ditauliahkan pada tahun 2012. National Standards for Secondary Education, menyatakan pelaksanaan program pencegahan yang efektif lebih menekankan kepada kekuatan remaja berbanding menyisihkan mereka daripada komuniti. Menurut Becky Hirt & Alison Berks (2012) di dalam Jurnal *Measuring the Award's Impact* telah menggariskan sembilan (9) pengukuran impak ARP sebagai

Pencapaian pendidikan

Golongan belia yang menerima pendidikan secara relevan dan berkualiti sama ada secara rasmi atau tidak rasmi membolehkan mereka melibatkan diri dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Belia yang mempunyai keciciran dalam sistem pendidikan, akan mempengaruhi keupayaan mereka untuk mencapai potensi diri. Program secara tidak formal ini menggalakkan pembangunan kemahiran remaja seperti keyakinan diri, kesedaran sendiri, motivasi diri dan kepercayaan sendiri yang mana ia akan membuatkan peserta memberikan komitmen sepenuhnya apabila melaksanakannya.

Peningkatan peluang pekerjaan dan kestabilan hidup

Kesukaran mendapatkan pekerjaan menyebabkan golongan belia menerima sahaja setiap pekerjaan yang ditawarkan kepada mereka. Berdasarkan laporan oleh UN World Youth, pada tahun 2010 kadar pengangguran di kalangan belia adalah sebanyak 12.6%. Sebagai sebuah program pendidikan yang tidak formal, program ini dapat meningkatkan kemahiran seperti kepimpinan, kerja berpasukan, kerjasama, fleksibiliti, penyelesaian masalah, komunikasi, perundingan dan pengaruh bagi menarik minat majikan untuk menawarkan pekerjaan kepada mereka. Kajian yang dibuat di UK pada tahun 2009 menunjukkan 64% golongan belia yang telah menyertai program ini mempunyai peluang yang lebih cerah untuk mendapat kerja kerana melalui program ini, mereka telah dilatih dengan nilai-nilai yang positif dalam menonjolkan personaliti dan potensi diri.

Meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan

Golongan belia pada masa kini berdepan dengan risiko tahap kesihatan yang telah menghadkan peluang pembelajaran mereka. Pada tahun 2009, World Health Organization (WHO) telah melaporkan bahawa 40% daripada pendatang baru yang dijangkiti HIV merupakan golongan belia iaitu remaja yang berumur 15 hingga 24 tahun. Perangkaan juga menunjukkan dalam tempoh setahun sekurang-kurangnya 20% golongan belia atau remaja menghadapi masalah kesihatan mental. Melalui penglibatan dalam program ini, telah menggalakkan tingkah laku dan gaya hidup yang sihat. Perkongsian pengalaman bersama Julius Irungu Krush, Pemegang Anugerah dan Sukarelawan Kenya yang telah menyatakan program ini telah banyak membantunya dalam meneruskan kehidupan. Bimbingan daripada mentor telah banyak memberikan dorongan dan semangat dalam menghadapi realiti hidup.

Peningkatan dalam kehidupan bermasyarakat

Penyertaan aktif peserta di dalam bidang kesukarelaan, sukan dan pelbagai aktiviti lain melalui program ini membolehkan mereka meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kematangan diri selain daripada memupuk kesedaran dan keyakinan diri mengenai isu-isu sosial dan globalisasi serta sifat empati dan tanggungjawab terhadap orang lain. Kanak-kanak mempunyai hak dan kebebasan untuk memberikan pandangan mereka di dalam semua perkara yang melibatkan golongan mereka yang mana pandangan tersebut harus dipertimbangkan selaras dengan usia dan kematangan mereka, Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-kanak (UNCRC, 1989).

Pengalaman Pemegang Anugerah Tahap Emas dari Ghana dan juga ahli Commonwealth Youth Forum 2011, menurutnya program ini telah memupuk sifat dan nilai kemasyarakatan yang telah memberi kesan kepada kehidupannya. Cabaran yang dihadapi sepanjang program ini merupakan praktis terbaik untuk menempatkan diri dalam komuniti.

Penyatuan sosial


Program ini telah membantu dalam memperkasakan golongan belia tanpa mengira sosioekonomi, latar belakang, jantina, etnik dan sebagainya. Walau pun berbeza latar belakang, integrasi masyarakat masih wujud. Seperti yang dinyatakan oleh Parya, pemegang Anugerah dan Pelarian dari Afghanistan dan Iran, program ini telah membantu dalam penyatuan sosial di negaranya, Finland. Mengenali Negara sendiri dengan lebih dekat dan dapat menyumbangkan khidmat bakti di dalam komunitinya sendiri.

Teori Tingkah Laku Berencana (*Theory of Planned Behaviour*)

Sebagai latar belakang kajian ini, kajian ringkas mengenai Teori Tingkah Laku Berencana (TPB) akan dibincangkan dalam kajian ini. Teori TPB merupakan formulasi kepada Teori Tindakan Munasabah (TRA) yang berkaitan dengan tingkah laku secara sukarela (Fishbein dan Ajzen, 1975). Teori ini telah mencadangkan model pengukuran bagaimana tingkah laku manusia dirancang (Ajzen dan Fishbein, 1991). Model pengukuran tersebut telah merumuskan figurasi kajian seterusnya untuk meramalkan niat bertingkah laku belia. Konstruk psikologi yang dibincangkan di dalam model teori tersebut ialah pembentukan sikap, norma subjektif atau pengaruh orang lain kepada individu dan kawalan tingkah laku yang dipersepsikan yang mengarah kepada tingkah laku pembangunan potensi diri. (Forgaty & Shaw, 2010; Corner, Jones & Berg, 2010). Pada peringkat umur belia, secara psikologi mempunyai kekuatan diri masing-masing yang mana kekuatan tersebut akan digarap sebagai komponen yang menyumbang kepada potensi diri. Faktor latar belakang pada dasarnya adalah sifat yang hadir dalam diri seseorang seperti di dalam Model Kurt Lewin yang dikategorikan ke dalam aspek organisme. Dalam kategori ini, Ajzen (1991) telah memasukkan tiga faktor latar belakang iaitu personal, sosial dan informasi. Faktor personal adalah sikap umum sesorang terhadap sesuatu, sifat peribadi, nilai, emosi dan kecerdasan individu. Faktor sosial antara lain ialah umur, gender, tahap pendidikan dan agama. Manakala faktor informasi adalah pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki oleh individu.

Niat individu merupakan faktor penting dalam meramalkan tingkah laku (Ajzen, 2002; Armitage & Conner, 2001). Ia didefinisikan sebagai motivasi individu untuk menghasilkan sesuatu tingkah laku yang spesifik (Ajzen, 2002). Niat untuk bertingkah laku didasari oleh tiga faktor konseptual yang merupakan komponen penting Teori TPB ialah sikap (i.e., penilaian ke atas sikap positif atau negatif sesuatu tingkah laku), norma subjektif (i.e., pengaruh sosial yang diterima daripada luar untuk menunjukkan tingkah laku atau sebaliknya), kawalan persepsi (i.e., persepsi seseorang bahawa mereka mempunyai kemahiran atau kemampuan untuk menunjukkan tingkah laku). Ketiga-tiga komponen ini berinteraksi dan menjadi determinan niat yang menentukan tingkah laku yang akan dilakukan (Azwar, 2005).

Rajah 1: Model Teori Tingkah Laku Berencana (TPB)



Keyakinan diri belia dan niat pembangunan potensi diri

Menurut Ajzen (2002b), komponen kawalan persepsi dalam teori TPB, ‘.... Berhubung dengan pelaksanaan tingkah laku dengan mempunyai keyakinan diri bahawa mereka boleh melaksanakan tingkah laku....’. Beliau mencadangkan bahawa komponen kawalan persepsi boleh diukur berdasarkan dua jenis item iaitu a) terma kesukaran b) tahap keyakinan diri bahawa mereka boleh melaksanakan tingkah laku yang mempunyai 7 skala likert dalam pengukuran yang juga disebut efikasi sendiri (Armitage & Conner, 1999a; Manstead & van Eekelen, 1998; Terry & O’Leary, 1995). Bandura (1986) turut menambah bahawa kawalan persepsi perlu diukur walaupun kawalan persepsi adalah berhubungan dalam keadaan tertentu iaitu cabaran atau halangan jika ingin berjaya (Schwarzer & Fuchs (1996). Kawalan persepsi dilihat meramalkan tingkah laku secara langsung dengan meramalkan efikasi sendiri melalui niat (contohnya Terry & O’Leary, 1995). Lain-lain penyelidik telah mendapati kesan kawalan persepsi dan efikasi sendiri adalah berbeza pada niat dan tingkah laku (eg Manstead & van Eekelen, 1998;. Povey et al, 2000). Ajzen mencadangkan bahawa walaupun perbezaan di antara kedua-dua komponen kawalan tingkahlaku yang dilihat adalah penting, ia tidak menafikan tahap kawalan ke atas tingkah laku kemahuan seperti yang dicadangkan oleh teori asal. Model hierarki pelbagai dimensi kawalan tingkahlaku yang dilihat telah menunjukkan bahawa kawalan tingkah laku yang tinggi telah menyumbang kovarians antara dimensi kawalan dan efikasi sendiri. (Ajzen, 2002a).

Keyakinan diri merupakan elemen di dalam efikasi sendiri. Apabila tahap keyakinan diri adalah tinggi didorong dengan niat individu untuk melakukan sesuatu tingkah laku. Maka, akan membentuk tingkah laku pembangunan potensi yang positif. Keyakinan diri merupakan penilaian individu terhadap kebolehan diri sendiri untuk bertingkah laku di dalam persekitarannya ataupun interaksi sosialnya.

Menurut Ajzen (2005), niat merefleksikan keinginan individu berdasarkan analisis keyakinan diri belia yang terdiri daripada tiga determinan iaitu:

Sikap terhadap tingkah laku

Belia yakin bahawa sikap mempengaruhi tingkah laku yang diinginkan. Belia yang mempunyai tahap keyakinan diri yang positif akan mempunyai kecenderungan untuk bertingkah laku. Contohnya di dalam program ARP, sikap positif yang ditunjukkan oleh belia telah menghasilkan tingkah laku yang positif yang mana tingkah laku tersebut mengukur keaktifan belia dalam penglibatan program ARP. Semakin positif sikap, semakin banyak aktiviti di dalam empat komponen dilaksanakan.

Norma subjektif

Seseorang individu yakin bahawa individu atau kelompok akan menerima atau tidak tingkah laku. Apabila individu yakin apa yang terjadi pada kelompoknya, maka individu tersebut akan membentuk tingkah laku yang sesuai dengan kelompoknya. Pembentukan tingkah laku yang dipengaruhi oleh norma subjektif adalah dipengaruhi oleh interaksi sosial di dalam masyarakat. Di dalam program ARP, semakin tinggi interaksi sosial dengan masyarakat semakin banyak tingkah laku pembangunan potensi yang dihasilkan. Ini adalah kerana pada peringkat umur belia, tingkah laku lebih banyak dipelajari daripada persekitaran luar.

Kawalan Persepsi

Kawalan persepsi tingkah laku ini ditentukan oleh pengalaman masa lalu individu. Pengalaman masa lampau meningkatkan tahap keyakinan diri belia. Sekiranya pengalaman masa lalu adalah positif, maka hasil tingkah laku yang ditonjolkan adalah positif. Komponen ini akan melihat kesan dan perubahan tingkah laku yang dicapai oleh peserta program ARP setelah ditauliahkan. Personaliti belia telah membantu mereka sebagai peserta Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda dalam perkembangan potensi diri dan mempengaruhi keyakinan diri peserta untuk meningkatkan prestasi diri.

METODOLOGI

Instrumen Kajian dan Ujian Rintis

Instrumen kajian dalam penyelidikan melibatkan pembinaan soalan untuk mewakili sesuatu yang diukur dan memberikan nombor tertentu untuk mewakili kadar (magnitude). Instrumen kajian ini menggunakan borang soal selidik yang dibina berdasarkan Teori Tingkah Laku Berencana (Hagger dan Chatzisarantis, 2005). Manakala soal selidik tambahan analisis keyakinan diri (Personality Evaluation Inventory) oleh Shraunger (1990) dikemukakan kepada responden tahap emas. Skala likert 7 (Lloyd dan rakan-rakan, 1986) dalam Asmawati (2001) daripada rendah kepada tinggi. Latar belakang responden juga dilihat berdasarkan umur, jantina, kaum, badan operasi, tahap pendidikan. Kajian rintis telah diadakan sebelum kajian

sebenar dijalankan bagi melihat tahap kefahaman responden terhadap soalan dan item-item yang terdapat di dalam borang soal selidik.

Pengumpulan Data


Populasi kajian telah dikenal pasti berdasarkan lokasi kajian yang telah dibincangkan. Menurut Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusuf & Abdul Rahim (2007) populasi merupakan sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Dalam kajian ini, populasi merujuk kepada golongan belia yang berumur 15 hingga 25 tahun di seluruh negara yang terlibat di dalam Program Rakan Muda khususnya Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda. Pengumpulan data merupakan proses pengukuran variabel. Secara amnya, data yang dikumpulkan untuk menjalankan kajian penyelidikan ini terdiri daripada dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Setiap data yang dikumpulkan mempunyai kegunaan masing-masing setelah dianalisis. Pengumpulan data dijalankan pada November 2012 hingga Februari 2013 semasa Majlis Pentauliah Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) yang dilaksanakan di 15 buah Negeri di seluruh Malaysia. Segala maklumat diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan. Sebelum responden menjawab borang soal selidik, penyelidik akan menerangkan tentang kandungan dan cara untuk menjawab borang di dalam borang soal selidik tersebut. Masa selama 30 minit diberikan untuk menjawab soalan di dalam borang soal selidik. Sebanyak 515 borang soal selidik telah dikembalikan oleh responden yang mana tahap respon kepada kajian adalah 50% Kesemua borang selidik telah dianalisis dimana maklumat yang tidak lengkap telah diasingkan dan hanya 13 data yang tidak dianalisis. Pengkaji mengguna pakai data sebanyak 502 setelah diuji data adalah sah dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi seperti di Jadual 3. Julat umur tertinggi responden yang terlibat di dalam program ini ialah 14 hingga 17 tahun di mana perempuan merupakan jumlah responden yang paling ramai berbanding lelaki iaitu 209 orang lelaki (41.6%) dan 293 orang perempuan (58.4%). Responden adalah dipilih daripada 15 buah negeri di seluruh Malaysia yang mana terdiri daripada 264 Badan Operasi yang aktif melaksanakan program ini. Analisis deskriptif responden seperti di jadual 3 dan rajah 2.

Jadual 3: Statistik Penyertaan Tahun 2002 – 2013

Latar Belakang	Bilangan	Peratusan (%)	Mean	SD
JANTINA				
Lelaki	209	41.6	1.58	0.493
Perempuan	293	58.4		
KATEGORI UMUR				
14 tahun	92	18.3	3.37	1.888
15 tahun	93	18.5		
16 tahun	99	19.7		
17 tahun	94	18.7		

Latar Belakang	Bilangan	Peratusan (%)	Mean	SD
18 tahun	72	14.3		
19 tahun	14	2.8		
20 tahun	16	3.2		
21 tahun	16	3.2		
22 tahun	5	1.0		
23 tahun	1	0.2		
BANGSA	470	93.6	1.11	0.476
Melayu	16	3.2		
Cina	8	1.2		
India	8	1.2		
Lain-lain				
TAHAP PENDIDIKAN			1.55	0.777
PMR	290	57.8		
SPM	173	34.5		
DIPLOMA	14	2.8		
Lain-lain	25	5.0		
NEGERI			8.8	4.836
Perlis	26	5.2		
Kedah	36	7.2		
Pulau Pinang	31	6.2		
Perak	26	5.2		
Selangor	23	4.6		
WP Kuala Lumpur	16	3.2		
Negeri Sembilan	39	7.8		
Melaka	36	7.2		
Johor	22	4.4		
Pahang	37	7.4		
Kelantan	38	7.6		
Terengganu	33	6.6		
Sabah	44	8.8		
Sarawak	42	8.4		
WP Labuan	10	2.0		

Rajah 2: Responden Mengikut Tahap



Data primer dan sekunder

Dalam kajian ini, soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data primer, dan data sekunder adalah hasil dari laporan-laporan teknikal dan rasmi agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Ujian korelasi bertujuan untuk mengenal pasti hubungan di antara pemboleh ubah kajian, iaitu sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dipersepsikan dengan tingkah laku pembangunan potensi diri dalam kalangan profil peserta Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda untuk kesemua tahap anugerah.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis dibincangkan berdasarkan satu kerangka analitikal yang menjurus kepada memenuhi keperluan menjawab objektif-objektif kajian. Kerangka analitikal ini adalah hasil analisis data yang telah diringkaskan dan akan menghuraikan serta meneliti kandungan dan objektif kajian.

Analisis Faktor Niat

Sesuatu tindakan yang diambil datang daripada niat seseorang. Pengaruh dan peranan niat dalam menentukan halatuju dan perjalanan hidup seseorang turut dapat dilihat dalam teori TPB. Menurut Armitage & Conner (2001), niat diandaikan sebagai anteseden kepada tingkah laku. Kajian lepas terhadap meta analisis telah memberi jangkaan yang baik terhadap tingkah laku dan niat. Sikap yang mendorong tingkah laku, norma subjektif dan kawalan persepsi yang mendorong kepada niat untuk bertingkah laku. Ia merupakan faktor pendorong untuk berjaya atau tidak sesuatu tingkah laku. Chatzisarantis, Hagger, Smith & Phoenix (2004), menerangkan mengenai kesinambungan niat dalam mencapai kejayaan dalam tingkah laku dengan cara meneruskan aktiviti yang telah dilakukan apabila hasil tingkah laku telah dicapai. Di dalam Program Remaja Perdana Rakan Muda, penyertaan belia adalah secara

sukarela. Niat atau kehendak peserta untuk melaksanakan empat komponen aktiviti adalah atas pilihan mereka sendiri. Kesenambungan niat di dalam melaksanakan empat komponen aktiviti telah menghasilkan tingkah laku yang memberikan kejayaan apabila mereka ditauliahkan. Hasil kajian seperti di Jadual 4.

Jadual 4 : Analisis Faktor Niat

Tahap Niat	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Tinggi	444	88.4
Sederhana	54	10.8
Rendah	4	0.8
	502	100

Oleh sebab itu, tahap niat seramai 444 orang responden (88.4%) adalah tinggi dan mereka memahami kenapa seseorang melakukan sesuatu perkara mengikut kehendak mereka sendiri. 54 orang responden (10.8%) sederhana dan 4 orang responden (0.8%) tidak setuju. Sesuatu perkara yang dilakukan mengikut kehendak sendiri dapat dikaitkan dengan niat seseorang responden bertingkah laku. Begitu juga apabila dalam program ini, mereka diberi peluang untuk menjalankan aktiviti berdasarkan kehendak mereka sendiri dan mendapat sokongan daripada mentor. Aktiviti yang dilakukan dengan penuh minat dan kehendak sendiri akan memberikan kepuasan serta keyakinan kepada mereka seperti yang dinyatakan oleh responden di dalam borang soal selidik. Seramai 474 orang (94.4%) menyatakan Program Remaja Perdana Rakan Muda berkesan dalam meningkatkan keyakinan diri, 26 orang (5.2%) tidak pasti tentang perkara tersebut dan hanya 2 orang (0.4%) menyatakan program tersebut tidak berkesan dalam meningkatkan keyakinan diri. Hasil dapatan daripada soalan ini menerangkan bahawa, niat merupakan pendorong untuk seseorang berjaya. Pada peringkat permulaan proses pelaksanaan ARP, responden telah meletakkan niat dan pendorong untuk mengubah dirinya kepada sesuatu yang lebih baik. Maka analisis telah mendapati seramai 470 orang atau 93.7% telah bersetuju bahawa mereka telah meletakkan harapan dan niat untuk mengubah sikap ke arah yang lebih baik selepas tamat program. Manakala seramai 27 orang atau 5.4% tidak pasti dan hanya 5 orang atau 0.9% yang tidak setuju.

Hagger, Chatzisarantis, & Biddle, 2002; Hausenblas et al, (1997) turut menekankan mengenai pelaksanaan aktiviti fizikal di dalam fokus tingkah laku. Kajian yang dijalankan baru-baru ini juga turut menekankan mengenai kepentingan niat sebagai peramal kepada tingkah laku aktiviti fizikal. Menurut Ajzen & Madden, 1986; Gollwitzer, 1990, kesinambungan niat telah meningkatkan keberkesanan teori TPB sebagai peramal kepada tingkah laku aktiviti fizikal. Niat responden untuk berjaya dan ditauliahkan pada tahap Emas dijadikan asas dalam memastikan tingkah laku melalui pelaksanaan empat komponen aktiviti fizikal.

Analisis Konstruk TPB ke atas Potensi Diri Belia

Hasil kajian bagi ujian Korelasi Pearson ke atas komponen sikap (kognitif, afektif dan psikomotor), norma subjektif dan kawalan persepsi. Korelasi Pearson ini menyatakan perhubungan antara pemboleh ubah skala selang dan nisbah. Menurut Davis (1971), tahap perkaitan yang kuat adalah (0.70) ke atas, 0.50 – 0.69 adalah kuat. Hasil dapatan kajian adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5: Hubungan Komponen TPB dengan Tingkah Laku Pembangunan Potensi Diri

	1	2	3	4	5	6	7
Kognitif							
Afektif	.693**						
Psikomotor		.571**					
Niat			.693**				
Norma Subjektif				.597**			
Kawalan Persepsi Tingkah Laku					.655**		

** . korelasi adalah signifikan pada 0.01

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara konstruk niat dan konstruk psikomotor ($r=0.693, p\leq 0.01$), niat dan norma subjektif ($r=0.602, p\leq 0.01$). Semakin tinggi tahap konstruk niat semakin tinggi tahap norma subjektif di dalam masyarakat. Ini menunjukkan konstruk niat mempunyai perkaitan dengan norma subjektif seperti yang dinyatakan di dalam Model Hagger & Chatzasarantis (2005) mengenai teori TPB. Justeru, konstruk niat mendorong responden untuk mempunyai hubungan dengan masyarakat atau komuniti setempat. Pengaruh daripada komuniti dan masyarakat memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tingkah laku individu. Penilaian berdasarkan kepercayaan dan pengetahuan individu mempengaruhi cara bertingkah laku di dalam masyarakat. Analisis seperti di Jadual 5 mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara konstruk norma subjektif dan kawalan persepsi ($r=0.655, p\leq 0.01$), manakala konstruk norma subjektif dan tingkah laku ($r=0.645, p\leq 0.01$). Ini menunjukkan bahawa komponen sikap, norma subjektif, niat, kawalan persepsi dan tingkah laku membina hipotesis yang boleh diukur dengan pelbagai pendekatan iaitu melalui pemerhatian tingkah laku terhadap pembangunan potensi diri di dalam Program Remaja Perdana Rakan Muda.

Interprestasi analisis regresi berganda telah digunakan bagi menentukan faktor penyumbang kepada tingkah laku pembangunan potensi diri belia. Di dalam analisis ini, kaedah stepwise telah digunakan untuk menentukan pemboleh ubah yang paling banyak menyumbang kepada tingkah laku pembangunan potensi diri belia.

Ujian korelasi telah dijalankan terlebih dahulu bagi menyokong dapatan kajian analisis regresi ini. Ketiga-tiga pemboleh ubah menyumbang sebanyak 37.9% dalam mempengaruhi tingkah laku di dalam program pembangunan potensi diri ini.

Jadual 6: Faktor penyumbang kepada tahap tingkah laku pembangunan potensi diri belia di dalam program ARP

Pemboleh ubah	Beta (B)	R	R ²	ΔR ²
Sikap	0.003	0.912	0.998	0.076
Norma Subjektif	0.154	0.825	0.681	0.144
Kawalan Persepsi	0.700	0.820	0.672	0.148

Berdasarkan Jadual 6 didapati pemboleh ubah kawalan persepsi [$F(1,020) = 82.00, P < 0.05$] menyumbang sebanyak 67.2% varians ($R^2 = 0.672$) kepada tahap tingkah laku pembangunan potensi diri belia dalam program Anugerah Remaja Perdana (ARP). Ini menunjukkan pemboleh ubah kawalan persepsi ($\beta = 0.700, p < 0.05$) merupakan petunjuk utama yang menyumbang kepada perubahan tingkah laku belia terhadap program pembangunan potensi diri. Berdasarkan jadual tersebut juga pengkaji mendapati, pemboleh ubah lain iaitu sikap dan norma subjektif turut menambahkan lagi sumbangan kepada tahap tingkah laku belia di dalam program pembangunan potensi. Kombinasi pemboleh ubah kawalan persepsi dengan norma subjektif ($\beta = 0.154, p < 0.05$) menambah sebanyak (82.5%-68.1%), iaitu 14.4% varians ($R^2 = 0.681$) terhadap faktor yang menyumbang kepada tingkah laku pembangunan potensi diri [$F(531) = 77.70, p < 0.05$]. Manakala pemboleh ubah bagi sikap ($\beta = 0.003, p < 0.05$) hanya menambah sebanyak 0.076, iaitu 68.1% varians ($R^2 = 0.681$) terhadap faktor yang menyumbang kepada tingkah laku pembangunan potensi diri belia.

Daripada hasil analisis, didapati bahawa penyumbang terbesar kepada tahap tingkah laku pembangunan potensi diri ialah kawalan persepsi ($R^2 = 0.672$). Ini bermakna komponen kawalan persepsi merupakan faktor utama serta memainkan peranan yang penting kepada tingkah laku pembangunan potensi diri belia dalam program ARP. Berdasarkan hasil analisis di bahagian 4.5.1.6 sebelum ini, didapati komponen kawalan persepsi adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa tahap kawalan persepsi yang tinggi menyumbang kepada tingkah laku pembangunan potensi diri dalam program ARP. Persekitaran yang memfokuskan kepada kepentingan menjangkakan niat dalam aktiviti fizikal. Tingkah laku berdasarkan kawalan persepsi atau pengalaman yang telah lepas memberikan jangkaan yang kuat kepada niat untuk bertingkah laku dan pembentukan tingkah laku. Menurut Armitage & Conner (2001), kajian mendapati bahawa efikasi sendiri dan norma subjektif memberikan tanggapan niat yang signifikan kepada niat dan keyakinan diri yang merupakan aspek kepada efikasi sendiri memberikan tanggapan yang signifikan kepada tingkah laku.

Seterusnya, norma subjektif merupakan penyumbang kedua terbesar dengan penambahan $\Delta R^2=0.144$ menjadi $R^2 = 0.681$. Ini menunjukkan faktor pemboleh ubah norma subjektif terhadap tingkah laku pembangunan potensi diri perlu diambil kira dalam mempengaruhi tingkah laku. Oleh sebab itu, norma subjektif juga merupakan faktor penyumbang untuk meningkatkan lagi tahap tingkah laku pembangunan potensi diri belia. Hasil analisis mendapati majoriti responden mempunyai komponen norma subjektif yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa komponen norma subjektif dapat mempengaruhi tahap tingkah laku pembangunan potensi diri belia dalam program ARP. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Rivis & Sheeran (2003), yang telah mencadangkan bahawa norma subjektif merupakan faktor yang penting di dalam memotivasikan tingkah laku. Proses interaksi sosial yang merupakan hubungan timbal balik adalah saling mempengaruhi di antara individu. Perkara tersebut turut dipersetujui berdasarkan maklum balas mentor ARP semasa pengumpulan data dijalankan. Shiner dan Caspi (2003) turut mengemukakan enam proses persekitaran dalam pembentukan personaliti belia iaitu proses pembelajaran, persekitaran yang eksplisit, persekitaran yang konstrual, perbandingan sosial, persekitaran yang dipilih dan manipulasi alam sekitar. Secara teorinya, kesemua proses tersebut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan trait personaliti yang dilihat melalui tingkah laku pembangunan potensi berdasarkan TPB dan analisis PEI.

Selain itu, pemboleh ubah sikap terhadap tingkah laku pembangunan potensi diri belia dalam program ARP dengan penambahan $\Delta R^2= 0.076$ menjadi $R^2=0.998$. Ini bermakna pemboleh ubah sikap di dalam program Anugerah Remaja Perdana (ARP) adalah faktor yang penting bagi meningkatkan tahap tingkah laku pembangunan potensi. Tahap komponen sikap yang tinggi akan mempengaruhi tingkah laku individu. Oleh sebab itu, pemboleh ubah sikap merupakan faktor penyumbang untuk meningkatkan lagi tahap tingkah laku tingkah laku pembangunan potensi diri dalam program ARP.

Secara keseluruhannya, faktor pemboleh ubah kawalan persepsi lebih banyak menyumbang kepada tingkah laku pembangunan potensi diri belia dalam program ARP. Semakin tinggi tahap pemboleh ubah kawalan persepsi individu, maka semakin tinggi tahap tingkah laku pembangunan potensi diri individu tersebut dalam program ARP. Ini menunjukkan tahap pemboleh ubah kawalan persepsi mempengaruhi tingkah laku pembangunan potensi diri belia dalam program ARP. Kawalan persepsi yang tinggi mempengaruhi norma subjektif individu dengan masyarakat melalui nilai sikap positif yang mengarah kepada pembentukan tingkah laku pembangunan potensi diri belia.

IMPLIKASI

Analisis yang telah dilakukan membolehkan pengkaji mengenalpasti implikasi kajian ini dari segi teori dan praktis kepada semua pihak. Ia merangkumi Dasar Pembangunan Belia Negara, Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda, belia, akademik dan juga kajian akan datang.

Implikasi kepada Dasar Pembangunan Belia Negara

Dasar Pembangunan Belia Negara merupakan panduan kepada belia dalam usaha memberi peluang dan ruang kepada semua pihak dalam merancang dan melaksanakan program untuk memperkasa pembangunan belia. Kajian ini diharap dapat menjadi panduan ke arah melahirkan belia remaja yang memiliki peribadi yang bersepadu daripada segi rohani, akliah dan jasmaniah, bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan Negara selaras dengan Wawasan 2020. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadikan kayu ukur ke arah transformasi pembangunan belia.

Implikasi kepada Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda

Sejak tahun 2000, Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda telah dilaksanakan di Malaysia, program ini telah berupaya menonjolkan diri remaja melalui penglibatan di dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Penglibatan seramai 79,785 orang remaja yang berumur 14 hingga 25 tahun yang bertambah setiap tahun dalam program ini memperlihatkan keunikan program yang telah menarik minat remaja untuk menyertainya. Sokongan dan dorongan daripada mentor telah berupaya membimbing remaja dalam menyiapkan projek mereka sebelum berjaya ditauliahkan. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai dokumentasi kepada teras kedua Penunjuk Prestasi (KPI) Pemerkasaan Pembangunan Insan dan Gerakan Belia dan MS ISO 9001:2008.

Implikasi kepada belia

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti ARP dapat memupuk gaya hidup yang sihat melalui penglibatan di dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan selain menggalakkan interaksi sosial di kalangan remaja dan masyarakat. Nilai-nilai murni dan pembentukan sikap yang positif dan kreatif juga dapat diterapkan dalam kalangan belia dan remaja bagi menghadapi cabaran semasa dan akan datang. Konsep kepimpinan diri yang telah ditonjolkan menunjukkan keupayaan diri mereka yang sebenar. Penerapan semangat sukarelaan telah memberi peluang kepada belia menerusi aspek berikut:

- menyediakan peluang baru untuk menyahut cabaran
- membentuk matlamat diri sendiri dan berupaya untuk mencapainya
- belajar untuk mengenal diri melalui penemuan sendiri. kualiti peribadi dan kesungguhan
- mampu merancang dan mengatur aktiviti mengikut kemampuan diri
- meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dan berpandangan positif
- belajar bergaul dan berinteraksi dalam masyarakat
- menjadi lebih peka kepada keadaan sekeliling dan persekitaran
- membina kebolehan untuk mengatasi cabaran yang dihadapi dalam kehidupan seharian

Indeks Belia Malaysia 2008 telah memantau perkembangan potensi diri belia di dalam tiga bidang iaitu kepimpinan, keusahawanan dan kemahiran. Sebanyak 63.9 peratus golongan belia di Malaysia berusaha menyerlahkan potensi melalui penyertaan dalam aktiviti yang berkaitan dengan indikator. Dalam usaha mencungkil potensi diri, hubungan sosial di antara belia dan rakan sebaya banyak mempengaruhi potensi diri belia. Skor yang tinggi dalam Indeks Belia dinyatakan menggambarkan penglibatan belia dalam Dasar Sosial Negara dan Dasar Belia Negara yang mementingkan perkembangan secara holistik.

Implikasi kepada kajian akan datang

Kajian ini diharap akan membantu menjadi rujukan kepada penyelidik untuk menghasilkan kajian yang lebih baik di samping meneliti dengan lebih terperinci potensi diri remaja melalui penglibatan dalam program-program lain.

CADANGAN

Hasil kajian ini telah memperlihatkan tentang perkembangan potensi belia melalui penglibatan di dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda. Sebagai generasi muda dan pemimpin di masa hadapan, sikap dan aspek yang positif yang telah ditonjolkan melalui program ini telah menunjukkan ciri – ciri pembangunan belia positif yang ada pada diri belia. Program ini telah berjaya memenuhi keperluan golongan belia iaitu:

- o Perhubungan sosial yang positif
- o Mencapai keseimbangan antara keperluan sosial masyarakat dan juga pembangunan remaja
- o Menonjolkan kreativiti
- o Mewujudkan hubungan kemesraan dalam perhubungan dan interaksi
- o Ingin dihargai
- o Keinginan untuk bersaing
- o Keinginan untuk membentuk jati diri sebagai generasi muda pewaris masa depan
- o Keinginan untuk berdikari dan memimpin

Setiap daripada manusia mempunyai kebaikan dan potensi diri. Pembangunan potensi diri yang dicapai merupakan tahap kemampuan atau daya manusia yang telah dicapai. potensi diri boleh dicapai dan diperkembangkan. Proses peningkatan daya manusia khususnya golongan belia juga disebut sebagai pendayaupayaan. Usaha yang dijalankan oleh pelbagai pihak terutamanya Kementerian Belia dan Sukan untuk memenuhi keperluan setiap golongan adalah melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di peringkat akar umbi. Objektif yang digariskan di dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia, 2007 telah menjelaskan peranan belia dalam pembinaan masa depan melalui pelaksanaan aktiviti- aktiviti yang bertepatan.

Selaras dengan visi Pelan Tindakan Pembangunan Belia Negara pada tahun 2010 yang dibentangkan dalam Pelan Transformasi Pembangunan Belia (Kementerian Belia dan Sukan, 2010) iaitu membentuk satu identiti budaya golongan muda Malaysia melalui intervensi sosial yang berteraskan nilai dan keperibadian tempatan, berwawasan dan inovatif bagi menyahut cabaran global.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah meneroka dan membincangkan mengenai penilaian sistematik menurut perspektif psikologi sosial, terutamanya variabel niat terhadap profil peserta belia dalam Program Anugerah Remaja Perdana peringkat Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Pelaksanaan aktiviti pembangunan potensi diri ini telah memberikan banyak impak kepada 98,903 belia di Malaysia dan skop pelaksanaan program yang menyeluruh akan melahirkan lebih ramai lagi pelapis kepimpinan muda yang baru dan berkaliber.

Tinjauan literatur menekankan bahawa proses sosialisasi juga melibatkan interaksi konstruk-konstruk variabel sikap dan kawalan persepsi dan tingkah laku proses pembangunan potensi diri. Justeru, dalam kajian ini, didapati bahawa responden yang merupakan peserta di bawah Badan operasi ARP yang aktif mempunyai pola cara mempersepsikan personaliti dan tingkah laku diri mereka. Menurut Hagger & Chatzisarantis (2005), pengaruh daripada komuniti dan masyarakat memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tingkah laku individu. Maka, variabel bebas yang dibincangkan dalam kajian ini merujuk kepada tiga konstruk dalam teori TPB iaitu sikap, norma subjektif dan kawalan persepsi. Secara kesimpulannya, purata tempoh masa penglibatan responden adalah di antara 1 hingga 5 tahun telah menunjukkan komitmen mereka dalam program ini. Masa terluang yang ada telah digunakan dengan sebaiknya oleh responden untuk memenuhi masa lapang mereka. Pelbagai aktiviti melalui empat komponen telah dilaksanakan dalam usaha memenuhi tiga tahap iaitu gangsa, perak dan emas. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak perkara yang masih perlu dilakukan bagi meningkatkan potensi diri. Usaha yang dilaksanakan untuk meletakkan diri pada standard diri mereka yang sebenarnya amat dipuji. Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan di dalam empat (4) komponen program telah dikenal pasti oleh pengkaji bagi menilai perkembangan potensi diri. Ini sekali gus menguatkan lagi proses perancangan jangka panjang program dengan mengenal pasti bagaimana untuk memaksimumkan sumber dan memperbaiki aktiviti-aktiviti untuk golongan remaja.

Kajian yang telah dijalankan ini menunjukkan program pembangunan potensi diri telah memberikan impak yang positif kepada belia. Peluang telah diberikan kepada peserta untuk mencuba sesuatu yang baru dan memberikan lebih banyak cabaran kepada mereka. Ia juga telah membina resiliensi, estim diri dan berdikari. Selain itu, kajian ini juga mendapati responden yang telah menjalani program ARP

telah dapat memupuk sikap tolong – menolong dan menggalakkan mereka untuk terus menyumbangkan khidmat bakti di dalam bidang kesukarelaan. Maklum balas daripada kajian ini juga mendapati responden telah mempertingkatkan potensi diri mereka melalui pelbagai kemahiran diri seperti kemahiran interpersonal, pengurusan masa dan kerjasama. Keyakinan diri mereka juga telah berjaya dipertingkatkan melalui aktiviti-aktiviti yang melibatkan komuniti di kawasan setempat.

Analisis ini juga mendapati kebanyakan responden yang menyertai program ini adalah untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan juga kerana minat. Ini menunjukkan bahawa tujuan penglibatan dalam program ini adalah bukan kerana desakan atau paksaan daripada sesiapa tetapi adalah kerana diri mereka sendiri. Analisis kajian penglibatan responden dalam program anugerah ini telah menunjukkan peningkatan perkembangan diri, sosial, pencapaian dan estem diri serta kepuasan dalam diri mereka. Dalam usaha memenuhi aspirasi diri, responden telah berusaha melengkapkan diri mereka untuk mencapai potensi diri yang lebih baik. Sikap dan tingkah laku membentuk personaliti diri. Sikap telah membentuk personaliti diri peserta supaya lebih aktif, berkeyakinan, kepimpinan, responsif, bersosial supaya menjadi generasi masa depan yang lebih berguna. perubahan pada personaliti diri ini menunjukkan remaja yang lahir daripada Program ARP boleh menjadi contoh pemimpin masa depan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan tahap komponen sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dipersepsi adalah tinggi dan menyumbang kepada tingkah laku pembangunan potensi diri belia.

RUJUKAN

- Abner Lico. 2002 *The Duke of Edinburgh's Award: A "Simply Brilliant" Program*. Education for Character. Ontario
- Ajzen, I. 1991. *The Theory of Planned Behavior*. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179–211
- Alison Berks, 2010, November. *Research and The Award*. Award World, Issue 63, 16-17
- Andrew McMenamin. 2004. *Handbook Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda*. (Rev.ed). The International Secretariat Award House
- Anna Dixon. 2008. *Motivation and Confidence: What Does it Take to Change Behaviour?* King's Fund
- Armitage, C. J., & Conner, M. 2001. *Efficacy of the Theory of Planned Behaviour: A Meta-Analytic Review*. *British Journal of Social Psychology*, 40, 471–499.

- Barry L. Boyd, Don R. Herring, Gary E. Briers. 1992. *Developing Life Skills in Youth Journal of Extension*. Volume 30 Number 4
- Becky Hirt and Alison Berks. 2012. *Measuring the Award's Impact*. The Duke of Edinburgh's International Award Foundation
- Beduz, Mary Agnes, *The Role of Attitudes, Subjective Norms, Perceived Behavioural Control and Context in Nurses's Behavioural Intentions*. 2012. Open Access Dissertations and Theses. Paper 69-89
- Bojan Bilic. 2005. *The Theory of Planned Behavior And Helath Behaviours: Critical Analysis of Methodological And Theoritcal Issues*. Hellenic Journal of Psychology. Volume 2 2005, pp.243-259
- Broadhrd-fearn, Danielle and White, Katherine. 2006. *Perceptions of Self Efficacy in Predicting Rule-following Behaviour in Shelters for Homeless Youth : A Test of The Theory of Planned Behavior*. Journal of Social Psychology 146(3):pp.307-325
- Carmen Hamilton, Constance Flanagan. 2007. American Behavioral Scientist. *Reframing Social Responsibility Within a Technology-Based Youth Activist Program*, 11, 444-464 dari laman web <http://abs.sagepub.com>
- Chun-Hua Susan Lin, Chun-Fei Chen. 2010. *Application of Theory Planned Behavior on The Study Of Workplace Dishonesty*. International Conference on Economics, Business and Management. IPEDR vol.2 (2011) © (2011) IAC S IT Press, Manila, Philippines
- Conner, M., & Armitage, C. J. 1998. *Extending the theory of planned behavior: A Review and Avenues for Further Research*. Journal of Applied Social Psychology, 28, 1429-1464.
- Dasar Sosial Negara. Dimuat turun pada Mac 26, 2010 dari laman web <http://pmr.penerangan.gov.my>
- David L. DuBois, Nelson Portillo, Jean E. Rhodes, Naida Silverthorn, and Jeffrey C. Valentine. 2011. *How Effective Are Mentoring Programs for Youth? A Systematic Assesment of the Evidence*. Psychological Science in the public Internet. 12 (2)57-91
- David Malcolm. 2009. Young Leader Tackle Climate Change, 11, 12 dari laman web <http://www.climateleaders.ca>

- Dorothy Rogers. 1985. *Adolescent and Youth. Fifth Edition*. Prentice Hall, Inc., Englewood Cliffs, New Jersey
- Edward Branagan. 2009, *Transforming Society by Mobilizing Youth*. Retrieff Julai 2009 dari laman web International Journal Young Leadership. <http://www.leadersjournal.org>
- Elizabeth Chell, Rosemary Athayde. 2009. *The Identification and Measurement of Innovative Characteristics of Young People*. Development of The Youth Innovation Skills Measurement Tool. Kingston University
- Gardner E., Flood J. 2007. *Utilizing The Life Effectiveness Questionnaire To Measure The Impact Of An Outdoor Adventure Experience on College Students*. East Carlifornia Unversiti dari laman web <http://ertr.tamu.edu>
- Francis JJ, Eccles MP, Johnston M, Walker A, Grimshaw J, Foy R, Kaner EFS, Smith E, Bonetti D. 2004. *Constructing Questionnaires Based on the Theory of Planned Behaviour: A Manual for Health Services Researchers*. Centre for Health Services Research, University of Newcastle upon Tyne, UK.
- Francis Ries, Vello Hein and Maret Pihu, Jose Manuel Sevillano Armenta. 2012. *Self-identity as a Component of the Theory of Planned Behaviour in Predicting Physical Activity*. European Physical Education Review 18(3) 332-334
- Glen Evans, Millicent Poole. 1991. *Young Adults Self Perceptions and Life Contexts*. The Falmer Press
- Hagger, M. S., & Chatzisarantis, N. L. D. 2005. First- and higher-order models of attitudes, subjective norms, and perceived behavioral control in the Theory of Planned Behavior and their invariance across two health behaviors. *British Journal of Social Psychology*, 44, 513-535.
- Hamilton K. & White K.M. 2008. *Extending the Theory of Planned Behavior: The Role of self and Social Influences in Predicting Adolescent Regular Moderate-to-Vigorous Physical Activity*. *Journal of Sport & exercise Psychology*, 2008,30,56-74
- Haslinda Abdullah, Sarjit S.Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzulhailmi Dahalan. 2011. *Belia Pewaris 1 Malaysia*. Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Icek Ajzen. 1991. *The Theory of Planned Behavior*. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50, 179-211. University of Massachusetts at Amherst

- Jacinta Bronte-Tinkew, Kristin Anderson Moore, Rebecca Shwalb. 2006. *Measuring Outcomes for Children and Youth in Out-of-School Time Programs : Moving Beyond Measuring Academics*. Washington D.C.: Child Trends
- James Neill. 2007. YARPET – Youth at Risk Program Evaluation Tool. *A Measurement Tool For Assessing the Effects of Adventure-based Programs on Outcomes for Youth at Risk Participants*, 5, dari laman web <http://wilderdom.com>
- Johan Ferla, Martin Valcke, Yonghong Cai. 2003. *Academic Self-efficacy and Academic Self-concept: Reconsidering Structural Relationship*. Ghent Univeristy
- Jyh-Shen Chiou. 1998. *The Effects of Attitude, Subjective Norm, and Perceived Behavioral Control on Consumers' Purchase Intention: The Moderating Effects of Product Knowledge and Attention to Social Comparison Information*. National Chengchi University. Vol. 9, No. 2, pp. 298-308. 9, No.2, pp. 293-308
- Indeks Belia Malaysia. 2008. Dimuat turun pada Disember 16, 2010 dari laman web <http://www.ippbm.gov.my>
- Kraft P., Rise J., Sutton S. and Roysamb E. 2005. *Perceived Difficulty in the Theory of Planned Behaviour: Perceived Behavioural Control or Affective Attitude?* British Journal Of Social Psychology. 44, 479-496
- Kathrin C. Walker, Rebecca N. Saito. 2011. *Youth Are Here: Promoting Youth Spaces through Community Mapping*. University of Minnesota Extension Center for Youth Development
- Kementerian Belia dan Sukan. 2004. *Handbook Anugerah Remaja Perdana*. Putrajaya: Bahagian Rakan Muda
- Kementerian Belia dan Sukan. 2011. *Indeks Belia Malaysia 2011*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Lambros Lazuras, Despoina Ourda, Vassilis Barkoukis and Haralambos Tsoarbatzoudis. 2011. *A Study of Predictors of Adolescents' Physical Activity Intentions*. Psychology, Society & Education, 2011, Vol 3, N^o
- Leo B. Hendry, Janet Shucksmith, John G. Love and anrthony Glendinning. 1993. *Young People's Leisure and Lifestyle*. Routledge
- Ma'rof Redzuan, Haslinda Abdullah. 2008. *Psikologi Edisi Ketiga*. Mc Graw Hill Education
- Marylene Gagne. 2009. *A Model of Knowledge-Sharing Motivation*. Human Resource Management. July-august 2009, Vol.48, No.4, pp.57-589

- Matthew Morton, Paul Montgomery. 2010. *Youth Empowerment Program for Improving Self-efficacy and Self-esteem of Adolescents*. University of Oxford
- Melvin Delgado. 2006. *Designs and Method for Youth-Led Research*. Sage Publications
- Michael Wehmeyer, Michelle Schwartz. 1997. *Exceptional Children. Self-determination and Positive Adult Outcomes : A Follow-up Study of Youth With Mental Retardation*, Vol. 63 dari <http://www.questia.com>
- Mohd Noor Azmi Mamat, Sapora Sipon. 1998. *Belia Pendukung Cabaran Perdana*. Universiti Malaysia Sabah
- Mohd Hata, Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Rakan Muda. 2007. Kementerian Belia dan Sukan
- Natasha D. Watkins, Reed W. Larson, Patrick J. Sullivan. 2007. *Bridging Intergroup Difference in a Community Youth Program*. University of Illinois at Urbana – Champaign
- Norhasni Binti Zainal Abiddin. 2007. Fungsi dan Sumber Mentor Tidak Formal dalam kalangan Usahawan Belia Tani Siswazah. Universiti Putra Malaysia
- Nellie Munala, 2010, April. *How To Implement An Internship*. Award World, Issue 62, 18-19
- Nikos L.D. Chatzisarantis, Martin S.Hagger, Brett Smith and Cassie Phoenix. 2004. *The Influences Of Continuation Intentions On Execution Of Social Behaviour Within The Theory Of Planned Behaviour*. British Journal of Social Psychology. 43,551-583
- O'Connor. R.C. & Armitage, C.J. 2003. *Theory Of Planned Behaviour and Parasuicide: An Exploratory Study*. Current Psychology, 22,247-256
- Ontario Ministry of Children and Youth Services Strategic Framework 2008-12 2008. *Realizing Potential : Our Children, Our Youth, Our Future*. Ontario
- Pam Marmito, Andrena Simmons. 2009, Oktober. *How To Engage Young People*. Award World, Issue 61, 18-19
- Reuben M. Baron & David A. Kenny. 1986. *The Moderator-Mediator Variable Distinction in Social Psychological Research: Conceptual, Strategic, and Statistical Considerations*. Journal of Personality and Social Psychology. 1986, Vol 51, No.6, 1173-1182

Selain merujuk “miskin” kepada keadaan kekurangan atau menikmati taraf hidup yang paling minimum, informan juga merujuk “miskin” merupakan satu keadaan di mana seseorang itu tidak mempunyai sumber pendapatan, tidak mempunyai sumber pendapatan tetap, hilang sumber pendapatan dan sumber pendapatan tidak mencapai tahap Purata Garis Kemiskinan (PGK).

Dapatan kajian merujuk keadaan ini sebagai “miskin sumber pendapatan”. Tidak mempunyai sumber sebarang sumber pendapatan atau hilang punca sumber utama pendapatan kerana kematian ketua keluarga mahupun ketua keluarga mengalami masalah kesihatan merupakan makna kemiskinan bagi segelintir ketua isi rumah di kawasan Lembah Bujang sepertimana yang dinyatakan oleh salah seorang informan, “miskin kalau tiada sumber pendapatan, jadi tiada duit, susah untuk bergerak, susah untuk bergaul dengan orang lain, duit sentiasa tidak cukup, tidak ada duit untuk makan”. Hal ini kerana, “tiada sumber pendapatan” akan menjuruskan seseorang dalam keadaan tiada wang, sukar untuk bergerak ke mana-mana, segan untuk bergaul dengan orang lain dan masyarakat serta tidak cukup wang ringgit untuk perbelanjaan keperluan asas kehidupan meskipun sekadar keperluan makanan.

Memiliki sumber pendapatan sama ada dalam jumlah yang kecil mahupun besar merupakan asas utama untuk menguruskan kehidupan dengan baik kerana memiliki sumber pendapatan bermakna mereka memiliki wang dan mereka berupaya serta mampu untuk memenuhi keperluan atau keinginan kehidupan. Sebaliknya, seseorang itu akan terjerumus dalam kesempitan dan kesusahan hidup sekiranya tidak memiliki sebarang sumber pendapatan. Bahkan, mereka tidak berupaya untuk memenuhi keperluan asas kehidupan walaupun sekadar keperluan makanan sekiranya tiada sumber pendapatan.

Selain itu, tiada sumber pendapatan menyebabkan seseorang itu tidak dapat bergerak ke mana-mana kerana tiada wang. Tambahan pula, untuk bergerak ke sesuatu tempat seseorang itu memerlukan wang, misalnya, membayar kos

pengangkutan. Meskipun jumlah yang dikenakan rendah, seseorang itu tetap di kategorikan miskin sekiranya mereka tidak berupaya untuk menampung kos tersebut. Tiada sumber pendapatan juga menyebabkan seseorang itu sukar ataupun segan untuk bergaul dengan orang ramai dan masyarakat kerana wang dianggap sebagai alat meningkatkan keyakinan diri seseorang dan mendapat perhatian masyarakat. Malah, informan berpendapat, sekiranya seseorang itu memiliki wang, mereka tidak akan segan dan malu untuk bergaul dengan orang ramai, sekaligus mereka akan dipandang tinggi kerana memiliki wang apatah lagi memiliki darjat dan kedudukan. Sebaliknya, seseorang itu akan dipandang hina dan dipinggirkan masyarakat sekiranya hidup miskin dan tiada wang.

Tidak mempunyai sumber pendapatan tetap

“Tidak mempunyai sumber pendapatan tetap” dianggap sebagai konsep “miskin” bagi ketua isi rumah wanita di Lembah Bujang. Hal ini kerana, ketua isi rumah wanita yang tidak memiliki sumber pendapatan menghadapi kesukaran untuk menguruskan keluarga terutama bagi mereka yang memiliki bilangan tanggungan yang ramai dan masih di peringkat persekolahan. Mereka seringkali menghadapi masalah kekurangan wang dan ketidakcukupan untuk menampung keperluan asas kehidupan seperti perbelanjaan makanan, persekolahan anak-anak, rawatan perubatan dan sebagainya. Malah, ada di antara anak-anak mereka yang terpaksa meninggalkan alam persekolahan demi membantu ibu mereka mendapatkan wang bagi menyara keluarga.

Bahkan, tidak memiliki sumber pendapatan tetap mengakibatkan terdapat segelintir ketua isi rumah wanita yang mengibaratkan mereka seperti tidak memiliki sumber pendapatan kerana sumber pendapatan yang diperolehi hanya ketika waktu tertentu sahaja sehinggakan terdapat di antara mereka yang mengatakan “saya rasa diri saya miskin sangat sebab tidak ada duit masuk yang tetap, kalau setiap bulan boleh dapat RM100 hingga RM200 itu sudah cukup, tidaklah rasa miskin sangat”. Bagi mereka, memperolehi pendapatan tetap setiap bulan serendah RM100 hingga RM200 sudah cukup memadai dan membuatkan mereka tidak merasakan sangat miskin. Walaupun jumlah RM100 mungkin dianggap kecil bagi kebanyakan orang, namun jumlah itu menjadi penanda aras untuk membezakan sama ada mereka miskin atau tidak. Kebanyakan mereka hanya bekerja sebagai tukang masak pertubuhan NGO (Non Government Organization) yang terdapat di kawasan Lembah Bujang dengan upah yang diperolehi setiap kali menyediakan makanan kepada peserta program sekitar RM30 hingga RM50 sehari. Sekiranya program dianjurkan selama 3 hari, beliau akan memperolehi upah sekitar RM120 hingga RM150.

Situasi ini menyebabkan mereka merasakan diri mereka teramat “miskin” dan sukar untuk menjalani kehidupan kerana keperluan asas kehidupan mereka dan keluarga seringkali tidak mencukupi. Bahkan, keinginan hidup mereka tidak mampu dipenuhi meskipun hanya sekadar keinginan menikmati kuih di pasar malam kerana tiada wang.

Miskin Kasih sayang

“Miskin” tidak hanya merujuk kepada wang ringgit dan harta semata-mata tetapi “miskin” juga merujuk kepada ketiadaan atau kekurangan kasih sayang sama ada kasih sayang suami atau isteri, kasih sayang ibu bapa atau kasih sayang anak-anak. Dapatan kajian merujuk situasi ini sebagai “miskin kasih sayang”. “Miskin kasih sayang” boleh berpunca daripada kehilangan punca sumber pendapatan utama seperti kematian suami, suami berkahwin lain, ditinggalkan suami atau kehilangan anak sebagai tempat bergantung.

Hasil temu bual mendalam bersama 10 orang ketua isi rumah wanita di Lembah Bujang, dua daripada mereka mengalami miskin “kasih sayang” setelah berlakunya pergolakan rumah tangga. Ditinggalkan dalam keadaan gantung tidak bertali dan suami berpologami telah menjerumuskan mereka dan anak-anak ke dalam kancap kemiskinan. Mereka bukan sahaja hidup miskin dengan wang ringgit, makanan dan pakaian, malah mereka juga “miskin kasih sayang” seorang suami sepertimana yang diharapkan oleh semua wanita yang bergelar isteri sehinggakan ada di antara mereka tidak dapat menjelaskan makna miskin yang sebenar yang dihadapi oleh mereka seperti “saya tidak tahu hendak jelaskan keadaan miskin saya macam mana, saya rasa miskin saya ini ialah hidup susah dengan anak-anak, susah serba-serbi, dengan sikap suami macam itu, tidak tahu hendak fikir, jadi serabut”. Harapan mereka untuk menumpang kesenangan dan mendapat kasih sayang seorang suami meleset apabila beliau terpaksa berhadapan dengan pergolakan rumah tangga.

Kehidupan mereka menderita miskin semenjak ditinggalkan suami dalam keadaan “tiada apa-apa” tanpa sebarang nafkah wang ringgit mahupun harta benda. Mereka juga sering tertekan kerana memikirkan nasib diri mereka dan anak-anak. Selain itu, mereka juga sering merasa tertekan kerana serabut memikirkan cara untuk mendapatkan wang bagi menyara keluarga. Tambahan pula, tiada pengalaman kerja dan menyandang status sebagai suri rumah sepenuh masa menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi, sekaligus menjuruskan mereka dan anak-anak dalam kehidupan miskin.

Selain itu, terdapat informan lain yang mengatakan bahawa mereka juga terpaksa berhadapan dengan pandangan serong masyarakat dan dilontarkan dengan pelbagai tomanan seperti “tidak pandai jaga laki”, “tidak pandai jaga diri, sebab itu suami lari” dan sebagainya. Tomahan ini seringkali membuatkan mereka berasa tertekan dan menanganinya dengan mengasingkan diri daripada masyarakat sekeliling. Meskipun apa yang dilontarkan tidak benar dan keruntuhan rumah tangga yang berlaku adalah bukan berpunca daripada mereka, namun mereka terpaksa berhadapan dengan tomanan-tomanan negatif masyarakat terhadap diri mereka dan keluarga. Golongan ini dikategorikan sebagai golongan yang “mudah menjadi miskin” (easy poor).

Miskin Daya Usaha

Berbeza konsep “miskin” dengan informan yang lain, seorang ibu tunggal yang berjaya mengharungi kehidupan dengan tabah menyatakan “miskin” bukan merujuk kepada tiada pendapatan, tetapi merujuk kepada kurangnya daya usaha seseorang untuk mengubah kehidupan mereka. Seseorang itu dianggap “miskin daya usaha” sekiranya tidak berusaha untuk mengubah kehidupan mereka dan “kemiskinan bukan kerana tiada pendapatan, tapi kurangnya daya usaha kita sendiri” kerana terdapat banyak peluang yang ada pada hari ini untuk membantu meningkatkan ekonomi masyarakat samada berbentuk wang mahupun peralatan menghasilkan produk. Misalnya, bantuan peralatan mesin membuat kuih untuk golongan ibu tunggal yang boleh diperolehi melalui persatuan ibu tunggal dapat membantu mereka memperolehi sumber pendapatan dari rumah.

Malah, terdapat pelbagai bantuan yang berbentuk material dan bukan material yang disediakan oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan untuk mengurangkan masalah kemiskinan dalam masyarakat seperti bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, pinjaman kewangan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), pinjaman kewangan TEKUN Nasional dan lain-lain. Namun, sejauh mana peluang-peluang ini digunakan oleh seseorang untuk mengubah kehidupan mereka dan bergantung kepada potensi daya usaha mereka untuk mengeluarkan diri mereka daripada belunggu kemiskinan dan mendapatkan kehidupan yang selesa. Malahan kehidupan di kampung tidak menjadi halangan untuk berjaya kerana tiada bebanan daripada segi kos sewa rumah, manakala kos kehidupan yang lebih rendah berbanding di bandar.

Kehidupan mesti dirancang dengan baik dan seseorang itu perlu menilai kesusahan kehidupan yang dilalui. Sekiranya seseorang itu hidup sekadar mengenang nasib yang dilalui, kehidupan mereka tidak akan berubah kerana tidak ada orang lain yang akan mengubah hidup seseorang itu melainkan dirinya sendiri. Selain itu, informan juga berpendapat kehidupan mesti dirancang dengan baik kerana seseorang itu tidak mungkin menjadi miskin sekiranya ada daya usaha yang tinggi.

Miskin Pendidikan, Kemahiran dan Modal

Selain itu, “miskin” juga merupakan satu keadaan di mana seseorang itu tidak mempunyai atau kekurangan ilmu, pendidikan dan kemahiran. Dapatan kajian merujuk keadaan ini sebagai “miskin pendidikan dan kemahiran”. Tahap pendidikan yang rendah merupakan asas utama kepada pembentukan kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan penduduk di kawasan Lembah Bujang. Dapatan kajian membuktikan bahawa daripada 20 orang informan yang ditemubual secara mendalam, sejumlah lima orang informan tidak menerima sebarang pendidikan, empat orang informan menerima pendidikan setakat tingkatan satu manakala empat orang informan hanya bersekolah sehingga tingkatan tiga dan langsung tidak mendapat Sijil Peringkat (SRP) atau kini dikenali sebagai Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Sejumlah tiga orang informan pula hanya menerima pendidikan setakat SRP, manakala sejumlah empat orang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Hasil temu bual mendalam, majoriti informan mengakui bahawa memiliki tahap pendidikan yang rendah telah memberikan impak yang besar ke atas kehidupan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dan memperolehi sumber pendapatan yang tinggi bagi menyara keperluan hidup, sekaligus menjuruskan mereka dalam kehidupan miskin apabila terpaksa mewarisi pekerjaan turun-temurun sebagai nelayan. Mereka berpendapat seseorang yang mempunyai ilmu dan pendidikan yang tinggi tidak mungkin menjadi miskin kerana dengan adanya ilmu dan pendidikan yang tinggi, seseorang itu pasti akan memiliki pekerjaan yang baik, sekaligus memperolehi sumber pendapatan yang tinggi. Sebaliknya, seseorang yang tiada ilmu dan memiliki tahap pendidikan yang rendah agak mustahil untuk memiliki pekerjaan yang baik dan memperolehi pendapatan yang tinggi kerana mereka tidak mempunyai sebarang kelayakan sepertimana yang dikatakan oleh seorang informan “miskin ini kerana seseorang itu tidak ada pendidikan, kalau ada pendidikan, seseorang itu tidak mungkin menjadi miskin sebab ada ilmu, mudah untuk dapatkan pekerjaan yang baik, gaji yang tinggi”.

Sekiranya mereka mempunyai tahap pendidikan tinggi, mereka tidak mungkin hidup dalam keadaan miskin. Oleh sebab itu, mereka mengakui bahawa tahap pendidikan yang tinggi tidak akan menyumbang kepada kehidupan miskin kerana seseorang itu mempunyai peluang untuk memperolehi pekerjaan yang baik dan sumber pendapatan yang terjamin. Bahkan, salah seorang informan yang mempunyai dua orang anak berusia antara lima dan enam tahun berharap agar anak-anak beliau tidak mewarisi kehidupan miskin yang dilaluinya. Beliau ingin memastikan anak-anaknya menerima pendidikan yang sempurna meskipun kehidupan beliau sangat miskin dan tidak berkemampuan kerana hanya taraf pendidikan sahaja yang mampu mengubah kehidupan anak-anaknya untuk masa akan datang.

Manakala, seorang lagi informan yang bekerja sebagai nelayan menyatakan, “macam mana hendak menjana ekonomi sedangkan kita kurang ilmu, kurang modal, itulah sebab kemiskinan yang kita hadapi, macam mana kita hendak bersaing dengan orang luar kalau ilmu kita terhad, misalnya dalam pemasaran, kita pun dikawal oleh orang Cina, oleh sebab itu kita perlu ada pendidikan, ada ilmu, perlu didedahkan melalui kursus-kursus, baru jalan keluar daripada tahap kemiskinan dapat ditingkatkan”. Menurut beliau, masalah kemiskinan dalam kalangan nelayan bukan sahaja baru berlaku kini, tetapi ia berlaku sudah bertahun-tahun sejak dari dahulu lagi kerana berkait dengan sumber pendapatan yang kecil dan tidak menentu.

Oleh sebab itu, beliau berpendapat bahawa walaupun tiada pendidikan, golongan nelayan perlu mempunyai kemahiran tertentu untuk menjana sumber pendapatan sampingan. Kurang kemahiran merupakan salah satu bentuk kemiskinan yang dihadapi oleh nelayan-nelayan kampung di kawasan Lembah Bujang. Kekurangan kemahiran menyebabkan nelayan-nelayan di kawasan Lembah Bujang hidup dalam kemiskinan kerana mereka sukar untuk mendapatkan sumber pendapatan sampingan dan hanya bergantung sepenuhnya kepada hasil sungai diperolehi. Menjadi nelayan

sebenarnya boleh membuka ruang seseorang untuk menjana ekonomi sekiranya mempunyai ilmu dan kemahiran. Sekiranya seseorang nelayan itu mempunyai kemahiran walaupun kehidupan bergantung kepada hasil sungai, mereka tetap boleh menjana sumber pendapatan. Sepertimana pernyataan beliau “kalau kita ada ilmu, dalam sungai sekalipun, boleh jana sumber pendapatan”. Misalnya, kemahiran berbahasa inggeris boleh membantu golongan nelayan mendapatkan sumber pendapatan sampingan. Kejayaan ini dapat dilihat apabila terdapat beberapa orang nelayan yang dahulunya bergantung sepenuhnya daripada perolehan hasil sungai kini telah memiliki bot sendiri untuk membawa pelancong.

Hasil temu bual mendalam juga membuktikan kewujudan pertubuhan NGO iaitu Pertubuhan Kelab Puncak di Kawasan Lembah Bujang telah banyak membantu golongan nelayan daripada segi pembasmian kemiskinan. Ahli-ahli Kelab Puncak terdiri daripada golongan nelayan dan penduduk kampung yang miskin. Kelab Puncak membantu anak-anak nelayan daripada segi pendidikan dengan memberikan tuisyen percuma kepada mereka, bahkan aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab Puncak dengan agensi-agensi awam dan swasta seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UITM), CIMB Bank dan sebagainya mendedahkan ahli-ahlinya dengan kemahiran berguna seperti kemahiran berbahasa inggeris, kemahiran menerima pelancong, kemahiran mengendalikan program dan lain-lain. Maka, tidak hairan kini terdapat beberapa orang nelayan yang sudah boleh menguasai beberapa perkataan Bahasa Inggeris. Walaupun mereka hanya boleh menguasai beberapa perkataan Bahasa Inggeris, namun mereka sudah boleh membawa pelancong melawat hutan paya bakau, menanam semula pokok bakau, mencari lokan dan menangkap ketam. Bagi informan, kemahiran berkomunikasi berbahasa inggeris merupakan salah satu kemahiran yang boleh menjana sumber pendapatan bagi golongan nelayan kerana kebanyakan pelawat yang datang adalah dalam kalangan mereka yang berbangsa asing.

Selain itu, informan lain menjelaskan bahawa kekurangan kemahiran menyebabkan golongan nelayan sukar untuk bersaing dengan orang luar terutamanya dalam bidang pemasaran yang dikuasai oleh kaum Cina. Hal ini kerana, kurang kemahiran menyebabkan seseorang itu kurang memiliki pengalaman dan pengetahuan tentang sesuatu perkara. Informan menegaskan bahawa golongan nelayan sukar untuk keluar daripada kemiskinan sekiranya aspek pemasaran hasil tangkapan dikuasai oleh kaum Cina. Misalnya, pemborong Cina membeli ikan siakap (sejenis ikan) daripada golongan nelayan Melayu dengan dengan harga RM11.50 – RM12.00 sekilogram. Golongan nelayan Melayu dikatakan mudah ditipu kerana mereka menjual dalam kuantiti yang sedikit kepada pemborong Cina menyebabkan pemborong Cina mengambil harga yang sangat murah. Sebaliknya, pemborong Cina mampu menjual ikan tersebut di pasaran sehingga RM20.00 sekilogram dalam kuantiti yang banyak. Hal ini kerana, pemborong Cina mempunyai ramai pembekal yang terdiri daripada nelayan-nelayan Melayu. Bagi informan, konsep kemahiran inilah yang kurang dalam kalangan nelayan-nelayan Melayu kampung. Mereka hanya menjual hasil

tangkapan kepada pemborong Cina, tetapi tidak pernah belajar untuk memasarkannya, menyebabkan pemborong Cina sentiasa mendapat keuntungan yang besar sedangkan mereka tidak penat dan lelah mencari hasil tangkapan. Justeru, golongan nelayan sentiasa mendapat sumber pendapatan yang sedikit menyebabkan mereka terus kekal dalam kemiskinan.

Namun, informan juga mengakui bahawa kemahiran dan minat tidak mengubah apa-apa sekiranya tidak mempunyai modal. Misalnya, mengusahakan penternakan ikan dalam sangkar yang boleh membawa keuntungan sehingga puluhan ribu ringgit memerlukan modal yang besar dan kemahiran untuk mengendalikannya. Namun, kekurangan modal dan kemahiran menyebabkan beliau dan nelayan-nelayan di kampung kekal hidup dalam kemiskinan. Perusahaan penternakan sangkar seperti ikan dan udang yang dikuasai oleh kaum Cina terbukti telah berjaya apabila mereka dapat memasarkan hasil yang banyak dan meluas. Sebaliknya, golongan nelayan Melayu terus kekal miskin kerana sumber perolehan dan pemasaran yang kecil dan terhad. Mereka berpendapat, golongan nelayan tidak mampu untuk menjana ekonomi dan akan terus kekal dalam kemiskinan sekiranya kekurangan ilmu, kemahiran dan modal. Oleh sebab itu, pendedahan kemahiran melalui kursus-kursus tertentu sangat penting kepada golongan nelayan untuk membantu mereka keluar daripada kemiskinan. Misalnya kursus pemasaran, kursus penghasilan produk makanan dan sebagainya yang dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

KESIMPULAN

Dalam perbincangan di atas jelas menunjukkan terdapat pelbagai konsep atau makna kemiskinan yang dijelaskan oleh informan sekaligus ia menjelaskan perbezaan makna kemiskinan di antara ketua isi rumah lelaki dan wanita di Lembah Bujang, Kedah. Perbezaan makna kemiskinan ini adalah berdasarkan perbezaan pengalaman kemiskinan yang dilalui oleh mereka. Ternyata makna miskin bagi keluarga miskin di Lembah Bujang bukan sahaja merujuk kepada wang ringgit dan harta benda, tetapi ia merujuk kepada pengertian yang luas yang bersifat kekurangan seperti kekurangan kasih sayang, daya usaha, pendidikan dan kemahiran serta tiada ketenangan hidup.

Hal ini bertepatan dengan pandangan Za'ba sejak dahulu lagi mengenai kemiskinan Melayu yang mengatakan orang Melayu menjadi miskin kerana kekurangan daripada aspek kebendaan (ekonomi) dan bukan kebendaan (pendidikan dan latihan). Keadaan yang sama masih wujud hari ini dalam konteks kemiskinan Melayu di Lembah Bujang apabila terdapat informan yang mengakui bahawa mereka miskin kerana tidak mempunyai pendidikan tinggi dan kurang kemahiran. Hal ini bertepatan dengan cadangan Rosliah (2008) yang menekankan aspek pendidikan sejak daripada awal serta memberi peluang latihan dan kemahiran dalam pelbagai bidang kepada masyarakat Melayu di luar bandar mampu untuk mengeluarkan

golongan ini daripada belunggu kemiskinan. Hal ini kerana, masyarakat Melayu luar bandar berada dalam keadaan kemiskinan yang serius, malahan tahap pendidikan keluarga miskin yang rendah turut memberi kesan kepada anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna, sekaligus menyebabkan mereka terus terperangkap dalam kemiskinan.

Dalam kepelbagaian makna kemiskinan yang dijelaskan oleh informan menunjukkan ketua isi rumah wanita lebih menyatakan makna kemiskinan yang bersifat dalaman (hati) dan bukan bersifat kebendaan seperti miskin daripada segi kasih sayang, miskin daya usaha dan miskin ketenangan hidup. Misalnya, salah seorang informan menyatakan dirinya miskin daripada segi kasih sayang seorang suami apabila suaminya berkahwin lain dan mengabaikan mereka anak-beranak dengan tidak memberikan sebarang nafkah wang ringgit dan makanan. Berbeza pula dengan ketua isi rumah lelaki yang lebih menjelaskan makna kemiskinan yang bersifat kebendaan seperti miskin sumber pendapatan apabila mereka mengalami keadaan kekurangan ataupun hilang punca sumber pendapatan keluarga. Bagi mereka, kekurangan wang akan menjuruskan seseorang itu ke kancah kemiskinan kerana semua perkara yang hendak dilakukan memerlukan wang.

RUJUKAN

- Blaikie, E. 2007. *Approaches to Social Enquiry*. Polity Press: Cambridge USA.
- Boserup, E. 1970. *Women's Role in Economic Development*. St.Martin's Press. New York.
- Bradshaw, S. 2002. *Gendered Poverties and Power Relations: Looking Inside Communities and Households*. ICD, Embajada de Holanda, Puntos de Encuentro: Managua.
- BRIDGE. 2001. *Briefing Paper on the 'Feminisation of Poverty'*. Prepared for the Swedish International Development Cooperation Agency. BRIDGE Report No. 59. Institute of Development Studies.
- Chang, T. & Tho, N. 2010. *Improving the Status of Women in Poverty*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Chant, S. 1997a. *Women-headed Households: Diversity and Dynamics in the Developing World*. Macmillan: Houndmills, Basingstoke.
- Chant, S. 1997b. 'Women-headed Households: Poorest of the Poor? Perspectives from Mexico, Costa Rica and the Phillippines'. IDS Bulletin, 28:3, 26-48.

- Chant, S. 1998. Household, Gender and Rural-urban Migration: Reflecting on Linkages and Consideration for Policy. *Journal of Environment and Urbanization*, Vol. 10 (1): 45 -57.
- Chant, S. 2001. *'Female Household Headship, Privation and Power: Challenging the "Feminisation of Poverty" Thesis'*. Working paper No.01-09b. Princeton: Center for Migration and Development, University of Princeton.
- Chant, S. 2003. *Female Household Headship and the Feminisation of Poverty: Facts, Fictions and Forward Strategies*. New Working Paper Series, Issue 9. London: London School of Economics, Gender Institute.
- Chant, S. 2006. *Re-visiting The Feminisation Of Poverty And The UNDP Gender Indices: What Case For A Gendered Poverty Index*. Working paper No. 18. LSE Gender Institute, London School of Economics and Political Science, London, UK
- Chant, S. 2006. Re-thinking the "Feminization of Poverty" in Relation to Aggregate Gender Indices. *Journal of Human Development*, 7(2): 201-220.
- Godoy, L. 2004. *Understanding Poverty from a Gender Perspective*". Santiago: Women and Development Unit, United Nation Publication.
- Hashim, I. 1992. *Pembangunan Desa dan Pembasmian Kemiskinan: Satu Penilaian Ke Atas Program Pembangunan Desa Di Daerah Padang Terap, Kedah*. Latihan Ilmiah. Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Sukeri, K. & Yusof, P. 2000. Negeri Kedah Dari Perspektif Pembangunan Tanah Dan Wilayah. Dalam *Kedah 100 tahun 1900-2000 Isu-isu Politik dan Sosioekonomi*. Mohamad Sukeri Khalid, RohanaYusof, Mohamad Mustafa Ishak, Abdul Rahman Aziz, Mohd Fo'ad Sakdan & Shafee Saad. Sintok: Penerbitan Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Syukri, S., Osman, Md. & Zakaria, B. 1996. *Persepsi Orang-orang Miskin Terhadap Kemiskinan*. Laporan Akhir Penyelidikan. Universiti Sains Malaysia.
- Nor Aini, I. 1999. Kredit Di Kalangan Wanita Miskin: Projek Amanah Ikhtiar Malaysia. *Akademik* 54(1): 13-31.
- Nor Aini, I. & Selvaratnam, D. 2012. *Program Pembasmian Kemiskinan Dalam Kalangan Ibu Tunggal: Analisis Penyertaan Dan Keberkesanan*. PROSIDING PERKEM VII, JILID 1 (2012) 248 - 259 ISSN: 2231-962X. Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Pearce, D. 1978. The Feminization of Poverty: Women, Work and Welfare. *Urban and Social Change Review*, 11:28-36.
- Phalane, M. 2002. Globalisation, the Feminisation of Poverty and the Masculine Workplace. Paper presented at the *10th General Assembly at the Nile International Conference Centre*, Kampala, Uganda, 8–12 December.
- Reevas, H, & Baden, S. 2000. *Gender and Development: Concepts and Definitions*. Prepared for the Department for International Development (DFID) for its Gender Mainstreaming Intranet Resource. BRIDGE Report No. 55. Institute of Development Studies.
- Schelander, U. 2009. *Conceptual Approach to Gender Equality & Women's Empowerment*. CARE Österreich's Approach to Gender & Women's Empowerment. Vienna, Austria, Europe.
- Siti Masayu, A. 2008. *Peluang dan Cabaran Pendidikan Dalam Kalangan Masyarakat Luar Bandar: Satu Kajian Kes Isi Rumah Melayu Miskin Di Jajahan Bachok, Kelantan*. Tesis Master Universiti Sains Malaysia.
- Spoor, M. 2010. *Agrarian Reform And Transition: What Can We Learn From 'The East'?*. International Institute Of Social Studies. Erasmus University Rotterdam, Netherlands.
- Thibos, M.; Loucks, D. & Martin, M. 2007. *The Feminization of Poverty: Empowering Women*. The J. McDonald Williams Institute.
- UNDP. 1997. *Human Development Report*. New York: Oxford University Press.
- Williams, C. & Lee-Smith, D. 2000. Feminisation of Poverty: Re-thinking Poverty Reduction from a Gender Perspective. *Habitat Debate*, 6 (4): 1-5.
- World Bank. 1990. *Poverty: World Development Report*. New York: Oxford University Press.

Profil Penulis:

Liyana Romli
Universiti Sains Malaysia

Nor Hafizah Selamat, Phd
Universiti Sains Malaysia

PERANAN GOLONGAN MUDA DALAM PERUBAHAN AGAMA MASYARAKAT MURUT TAHOL, DI SABAH

ABD HAKIM MOHAD, AHMAD TARMIZI TALIB & FATAHYAH YAHYA

ABSTRAK

Golongan muda merupakan golongan yang paling dinamik dalam sesebuah masyarakat. Kekuatan fizikal dan mental yang mereka miliki serta keinginan yang tinggi terhadap sesuatu perkara menjadikan golongan ini sentiasa aktif meneroka apa juga kemungkinan dalam kehidupan. Oleh sebab itu, golongan muda lazimnya memainkan peranan penting dalam memacu perubahan dalam masyarakatnya. Masyarakat Murut Tahol misalannya telah meninggalkan kepercayaan tradisional, dan menganut agama Kristian hasil daripada dinamika golongan mudanya. Makalah ini akan membincangkan tentang perubahan agama masyarakat peribumi Sabah ini serta peranan yang dimainkan oleh golongan mudanya. Hal ini menarik untuk ditonjolkan memandangkan isu agama dan kepercayaan biasanya dikuasai oleh golongan tua; tetapi golongan muda masyarakat ini berjaya membuktikan sebaliknya. Apakah yang telah mereka lakukan bagi meyakinkan masyarakatnya untuk meninggalkan kepercayaan tradisi nenek moyang yang telah dianuti sejak turun temurun, dan menganut satu agama baharu. Maklumat dan perbincangan dalam makalah ini adalah hasil kajian yang dilakukan di Ulu Tomani, Sabah. Selain daripada korpus perpustakaan dan temu bual informan penting, kajian ini juga menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta untuk mendalami masyarakat yang dikaji.

Kata Kunci: *Murut Tohol, Kepercayaan Tradisional, Agama Kristian, Peribumi Sabah*

ABSTRACT

Young generation are among the most dynamic in the society. Their physical and mental strength with high desire on something new around them make these people actively explore every possibility in life. Therefore, young generation oftenly play an important role in leading change within the community. Murut Tahol society for example has left traditional beliefs, and embrace Christianity as a result of the dynamics of young generation. This paper will discuss the changes in the indigenous religion of Murut Tahol of Sabah and the role played by young people. It is exciting to be featured as the issue of religion and belief is usually dominated by the elderly; but young generation of Murut Tahol are able to prove otherwise. What have they done to convince the community to abandon the old tradition of ancestor belief that have been practiced since generations, and embraced a new religion? Information

and discussion in this paper is the result of a study conducted in Ulu Tomani, Sabah. In addition to the corpus of the library and interview key informants, this study uses observation as well to deepen community studied.

Keywords: *Murut Tohol, Traditional Belief, Christianity, Sabah Natives*

PENDAHULUAN

Agama atau sistem kepercayaan merupakan perkara yang amat penting dalam kehidupan manusia. Ia membentuk cara manusia berfikir dan bertindak. Perubahan pada aspek ini tentunya meninggalkan kesan yang besar dalam diri seseorang. Oleh sebab itu, bukan mudah seseorang individu atau masyarakat membuat keputusan untuk mengubah agama dan kepercayaan mereka. Tambahan pula agama yang dianuti adalah agama nenek moyang yang diwarisi sekian lama.

Komuniti Murut Tahol Di Sabah

Di Sabah, Murut Tahol adalah kelompok terbesar daripada 12 pecahan masyarakat Murut yang terdiri Murut Gana, Murut Keningau (Nabai), Murut Timugon, Murut Beaufort, Murut Bookan (Tangara), Murut Paluan, Murut Sumambu/ Tagal, Murut Kolod (Okolod), Murut Selungai, Murut Sembakung, Murut Kalabakan dan Murut Serudung (Spitzack, 1984:187-189). Selain Murut, masyarakat Sabah yang lain terdiri daripada masyarakat Kadazan-dusun, Bajau, Iranun, Suluk, Bisaya, Kedayan, Tidong, Sungai, Melayu Brunei dan masyarakat bumiputra yang lain. Berbanding dengan keseluruhan penduduk Sabah, masyarakat Murut Tahol mewakili 0.03% sahaja, iaitu dianggarkan berjumlah 48,000 orang. Angka ini mewakili separuh dari jumlah keseluruhan masyarakat Murut (Buletin Perangkaan Bulanan Sabah, 2010:12).

Masyarakat Murut Tahol mendiami kawasan tanah tinggi pedalaman Selatan Sabah yang meliputi kawasan Tomani, Rundum, Pensiangan, Tenom dan berkembang hingga ke Sapulut dan Pensiangan. Murut Keningau yang dipanggil Murut Nabai menduduki kawasan tanah rata Keningau, dan Murut Timugon menduduki kawasan tanah rata Tenom. Murut Bookan tinggal di kawasan lembah Sungai Dalit di sempadan Sook. Murut Kolod tinggal di kawasan Bole, Sipitang dan bahagian Utara Kalimantan. Murut Tenggara (Kinabatangan) mendiami kawasan Ulu Sungai Kinabatangan berkembang ke bahagian barat melintasi Ulu Sungai Kuamut (Rutter, 1929:65-66).

Sebagaimana yang diungkapkan oleh Tregonning (1965), masyarakat Murut menjalani kehidupan yang ringkas. Mereka tinggal di rumah panjang dan mengamalkan adat dan budaya tradisional yang diwarisi turun temurun dari nenek moyang mereka. Perkampungan mereka terpencil dan jauh di pedalaman, sesuai dengan cara hidup mereka yang menjalankan aktiviti ekonomi dengan berhuma dan memburu.

Asalnya masyarakat Murut Tahol berpegang kepada kepercayaan animisme. Seluruh kehidupan mereka dari awal kelahiran sehinggalah meninggal dunia mempunyai kaitan langsung dengan kepercayaan tersebut. Dunia ghaib sentiasa sahaja memerhatikan kelakuan mereka dan memaksa mereka melakukan perkara yang dapat menggembirakannya. Sekiranya ingkar, maka mereka akan menerima hukuman dalam bentuk bencana dan malapetaka seperti kemarau panjang, banjir, kematian dan sebagainya. Sekiranya kesalahan itu kecil, maka sesuatu bencana itu akan menimpa individu yang berkenaan sahaja, tetapi sekiranya kesalahan itu besar maka ahli keluarga dan masyarakat kampung keseluruhannya turut menerima akibatnya. Oleh yang demikian, masyarakat Murut Tahol tidak mempunyai pilihan melainkan terus mematuhi adat dan tradisi yang mereka warisi dari nenek moyang mereka demi keselamatan masyarakatnya. Menurut Antikuh Lituan, "...kami dulu hidup ikut adat, tidak boleh langgar, kalau tidak nanti hidup kami susah. Kena kemaraulah, banjir, kematian...".

Agama Kristian Kalangan Komuniti Murut Tahol

Sebenarnya, usaha untuk memperkenalkan agama Kristian kepada masyarakat Murut Tahol telah mula dijalankan pada tahun 1930 oleh mubaligh dari Indonesia. Namun, usaha tersebut gagal dan kemudiannya mereka keluar dari kawasan Murut Tahol kerana faktor keselamatan memandangkan respons yang diterima adalah di luar jangkaan dan agak membahayakan. Pada tahun 1937, mubaligh dari BEM pula telah datang kepada mereka atas maksud yang sama. Usaha mereka juga gagal (Lees, 2006:104).

Selepas itu tidak ada lagi mubaligh yang dihantar ke kawasan Murut Tahol. Sebaliknya mereka lebih menumpukan urusan dakwah kepada masyarakat Lun Bawang yang menerima baik kehadiran mereka. Namun demikian suatu yang di luar jangkaan telah berlaku apabila pada tahun 1950, seramai 50 orang Murut Tahol dari Maligan telah datang ke tamu besar di Sipitang dan berjumpa dengan Alan Belcher serta memintanya mengajarkan mereka tentang Alkitab. Mereka mendesak agar seorang mubaligh dihantarkan kepada mereka dengan segera. Keterbukaan mereka untuk menerima Kristian bermula apabila mereka melihat perubahan positif yang berlaku kepada masyarakat Kristian Lun Bawang yang tinggal berdekatan. Namun demikian, oleh kerana semua mubaligh sudah mempunyai tugas dan komitmen masing-masing, maka Alan Belcher mencadangkan kepada mereka untuk menghantar sepasang suami isteri ke Sekolah Pengajian Alkitab (Lees, 2006:104).

Hasil daripada perbincangan tersebut, dua orang pemuda iaitu Impau dan Lutus bersama isteri masing-masing telah dipilih untuk mempelajari agama Kristian di Pusat Pengajian Alkitab di Lawas. Semasa cuti pengajian, mereka telah menghimpunkan penduduk di Maligan dan berkongsi ilmu dengan mereka. Kemudian, pada 1951, Alan Belcher telah berkesempatan melawat Maligan. Sepanjang beberapa hari berada di sana, beliau bersama-sama Impau dan Lutus telah mengadakan beberapa pertemuan dengan penduduk kampung (Lees, 2006:105). Seterusnya pada 1952,

sebuah gereja telah dibina di Maligan (Harris, 1995:10-11). Impau dan Lutus telah berjaya meyakinkan masyarakatnya tentang kebenaran agama Kristian yang dibawa. Walaupun masih muda, tetapi mereka diterima baik masyarakatnya.

Setelah menganut Kristian, masyarakat Murut Tahol di Maligan telah mengalami beberapa perubahan yang positif. Mereka tidak lagi dikaitkan dengan berbagai penyakit yang disebabkan oleh persekitaran yang tidak bersih. Sebaliknya, mereka telah dikenali sebagai masyarakat yang sihat dan lebih terkehadapan dalam kehidupan seharian. Ini kerana pihak gereja juga menjalankan program pendidikan di tempat mereka.

Kehidupan masyarakat Murut Tahol Meligan yang dilihat lebih baik telah menarik minat masyarakat Ulu Tomani untuk mengenali agama Kristian. Pihak gereja telah melantik seorang pemuda bernama Amat untuk menjadi mubaligh di Ulu Tomani (Lees, 2006:106-107).

Amat menerima tugas ini dengan penuh rela hati bagi menyempurnakan amanah sebagai mubaligh. Masyarakat Murut Tahol menyambut baik kehadiran Amat. Mereka menunjukkan kesungguhan untuk mengetahui lebih lanjut tentang agama Kristian. Tanpa dipaksa mereka berjalan kaki daripada perkampungan mereka ke rumah Amat untuk mendengar perkhabaran gembira pada setiap hujung minggu. Ada antara mereka yang mengambil masa berjam-jam lamanya untuk sampai. Bagi mereka, pengorbanan yang dilakukan ini berbaloi dengan pengisian rohani yang mereka peroleh. Sebagaimana yang berlaku kepada masyarakat Lun Bawang, hal yang sama juga berlaku kepada masyarakat Murut Tahol, di mana agama Kristian berkembang dengan pesat dari satu kampung ke satu kampung merentasi hutan belantara yang sebelum ini hampir tidak disentuh (Lees, 1964:56-57).

Pada 1954, Amat dan beberapa orang lain dari Tomani telah memulakan usaha untuk menulis nyanyian gereja dalam bahasa Murut Tahol bagi memenuhi keperluan masyarakat di sana. Hal ini merupakan suatu yang baru, kerana sebelum ini belum ada lagi usaha seumpamanya dilakukan. Komitmen yang diberikan oleh Amat telah berjaya melahirkan satu lagi masyarakat Kristian yang mempunyai komitmen yang tinggi. Mereka menunjukkan perubahan yang menggalakkan. Mereka tidak lagi dibelenggu oleh kinaruroa (semangat) kerana kepatuhan mereka telah bertukar kepada Jesus Kristus. Begitu juga dengan amalan minum tapai yang sebelum ini menjadikan mereka mabuk sehingga tidak dapat bekerja telah beransur-ansur ditinggalkan (Lees, 1964:60). Selain daripada mubaligh Amat dan isterinya, terdapat juga mubaligh lain yang turut membantu menyampaikan ajaran Kristian dalam kalangan masyarakat Murut Tahol seperti Dr Bill Lees, dan isterinya Shirley Lees, seorang pemegang ijazah sarjana dalam bidang antropologi yang telah menghabiskan masa selama 14 tahun bersama masyarakat Tahol untuk mengembangkan agama Kristian sejak tahun 1956.

Para mubaligh yang datang tidak hanya menumpukan perhatian dalam hal-hal berkaitan agama dan kepercayaan semata-mata. Sebaliknya, mereka turut terlibat dalam aktiviti sosial dengan membantu pihak pentadbiran British meningkatkan kesedaran tentang aspek kesihatan dalam kalangan masyarakat Murut Tahol. Hal ini penting untuk menangani masalah penularan penyakit seperti wabak malaria, cacar, demam dan selesema. Bagi mubaligh yang mempunyai latar belakang perubatan, mereka telah terlibat secara langsung bersama pihak British dalam mewujudkan klinik-klinik di kawasan pedalaman. Peluang ini diambil oleh mubaligh-mubaligh Kristian untuk mengembangkan agama Kristian di samping membantu masyarakat Murut Tahol daripada aspek kesihatan, sebagaimana yang diungkapkan oleh Lees:

“A Christian community had opened the way to the possibility of a dietetic revolution which had led to a health revolution” (Lees dan Lees, 1987:79)

Perkembangan pesat agama Kristian kalangan masyarakat Murut Tahol dapat juga dilihat daripada jumlah gereja yang telah didirikan. Sehingga tahun 1993 terdapat 44 buah gereja Sidang Injil Borneo (SIB) di perkampungan masyarakat Murut Tahol di sepanjang sungai utama dan 30% hingga 40% daripada mereka adalah ahli gereja SIB (Harris, 1995:10-11).

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Perubahan agama yang berlaku kalangan Murut Tahol telah mencetuskan beberapa persoalan besar, antaranya ialah tentang pandangan mereka terhadap kepercayaan asli mereka dan agama yang baharu. Persoalan selanjutnya adalah tentang pandangan mereka terhadap golongan muda seperti Impau dan Lutus di Maligan; dan Amat di Ulu Tomani yang telah membawa agama Kristian kepada masyarakatnya. Mengapa golongan yang lebih tua dan berpengaruh iaitu lomahon dan amabas (pakar perubatan tradisonal) seolah-olah membiarkan sahaja masyarakatnya ditarik daripada kepercayaan tradisonal mereka?

Perubahan agama bukanlah satu perkara yang tidak boleh dianggap kecil atau ringan sama ada bagi individu yang terlibat atau masyarakat sekitarnya. Hal ini kerana perubahan agama bukan sahaja melibatkan perubahan dalam sistem kepercayaan individu malah turut memberi kesan kepada amalan hidup seharian dan persepsi mereka terhadap kehidupan. Sifat perubahan itu pula sangat bergantung kepada tahap kefahaman mereka terhadap agama yang baru dianuti. Semakin mendalam penghayatan mereka kepada agama tersebut, maka semakin jauhlah amalan-amalan agama lama itu mereka tinggalkan (Hasan Mat Nor, 2001).

Di Ulu Tomani, isu yang telah mengetuk pintu hati mereka untuk memikirkn semula tentang kepercayaan mereka ialah apabila mereka mendapat cerita tentang dua orang ibu dan anak mereka yang menderita anemia berjaya sembuh dengan

memakan sayur. Hal ini luar biasa bagi mereka kerana mengikut kepercayaan tradisional, memakan sayuran merupakan satu pantang bagi ibu yang baru bersalin. Mereka mula merasakan bahawa kuasa ghaib yang mereka yakini sebelum ini tidak mempunyai kuasa sebagaimana yang mereka fikirkan.

Berdasarkan pengalaman di Ulu Tomani, isu perubahan adalah pencetus yang telah membuka pemikiran masyarakat ini untuk melihat sesuatu perkara dari sudut yang lebih rasional. Mereka mula terfikir bahawa penyakit yang menimpa mereka bukan disebabkan oleh dunia ghaib sebagaimana yang mereka percaya sebelum ini. Lama-kelamaan mereka mula membuka ruang yang lebih luas kepada akal mereka untuk berfikir tentang rasional berlakunya sesuatu perkara.

Apabila masyarakat Murut Tahol mula menerima penjelasan logik tentang masalah kesihatan yang mereka alami, maka dengan sendirinya kepercayaan bahawa dunia ghaib sebagai kuasa yang menyebabkan sesuatu penyakit mula terhakis sedikit demi sedikit. Dalam masa yang sama, keyakinan mereka terhadap mubaligh Kristian juga semakin meningkat; keadaan ini telah memberi ruang yang lebih besar kepada mubaligh Kristian dalam menyampaikan ajaran Kristian. Di sinilah bermulanya pengaruh Kristian kepada masyarakat Murut Tahol yang kemudiannya diterima bagi menggantikan kepercayaan tradisional.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di Ulu Tomani, proses kehakisan kepercayaan masyarakat Murut Tahol kepada kinaruroa (semangat) dapat dilihat menerusi perubahan pada tingkah laku mereka. Sebagai contoh, jika dahulu mereka sentiasa mengelakkan diri mereka daripada melalui kawasan yang dipercayai menjadi tempat tinggal kinaruroa (semangat), seperti di batu-batu besar dan pokok-pokok besar kerana bimbang keselamatan mereka terancam; tetapi kini perkara seperti ini sudah semakin berkurangan.

Semasa membuat kajian di batu butuh di Ulu Sungai Padas, tanpa rasa takut seorang informan telah bersandar pada batu tersebut. Sedangkan mengikut kepercayaan tradisional mereka, batu tersebut adalah tempat tinggal kinaruroa. Sesiapa yang mengganggu batu ini seperti menyentuh atau menyandar padanya boleh dihinggapi berbagai-bagai-bagai penyakit ganjil seperti kebas kaki dan tidak mampu menggerakkan kaki secara tiba-tiba, menjadi bisu dan hilang ingatan, atau sekurang-kurangnya akan berlaku hujan lebat dan ribut petir yang kuat. Justeru, mereka sangat berhati-hati setiap kali menghampiri kawasan tersebut. Pengalaman ke batu butuh pada 2005 yang lalu bersama tiga orang pemuda Murut Tahol yang beragama Kristian menunjukkan bahawa, rasa takut mereka kepada kinaruroa (semangat) yang dikatakan menjadi penunggu batu butuh seperti sebelumnya telah terhakis. Menurut Andreas, "Tempat ini memang 'keras', tapi Jesus Kristus lebih berkuasa, Dia akan melindungi kita daripada kinaruroa yang tinggal di batu ini".

Proses penerimaan masyarakat Murut Tahol terhadap kehadiran Kristian menjadi lebih sempurna dengan kehadiran golongan muda yang komited dan menjadi tulang belakang kepada institusi gereja. Pemuda seperti Impau dan Lutus di Maligan, Amat di Ulu Tomani telah melaksanakan tugas dengan begitu baik sekali. Pastinya mereka itu mempunyai keistimewaan tertentu, bukan mudah untuk golongan muda memenangi hati masyarakat yang telah sekian lama berpegang kepada kepercayaan tradisional.

Golongan Muda Dalam Masyarakat Murut Tahol

Bagi masyarakat Murut Tahol, golongan muda merupakan golongan yang mempunyai kekuatan tersendiri dalam komuniti Murut Tahol. Bukan suatu yang janggal atau mengaibkan sekiranya golongan muda lebih terkehadapan dan menonjol dalam masyarakat. Hal ini boleh kita kesan dalam mitos yang diwarisi turun temurun daripada nenek moyang.

Mitos tentang asal-usul padi misalnya, menonjolkan peranan golongan muda. Mitos Murut Tahol menyebutkan bahawa padi berasal daripada manusia iaitu seorang gadis yang mengorbankan dirinya untuk menyelesaikan masalah kekurangan makanan yang dihadapi oleh manusia.

Menurut Antikoh Lituan, pada satu masa dahulu bumi ini telah mengalami musim kemarau panjang dan mengakibatkan segala jenis tanaman mati. Hal ini menyebabkan manusia mengalami masalah kekurangan makanan yang serius. Sehingga pada satu malam, seorang gadis yatim piatu telah bermimpi bahawa kemarau yang sedang melanda bumi akan berakhir serta bertukar kepada cuaca yang baik dan sesuai untuk tanaman dengan cara menumpahkan darahnya ke bumi. Pada keesokan harinya, gadis tersebut telah menceritakan kepada abangnya Alomor berkenaan mimpi yang dialaminya. Beliau juga menyatakan kesediaannya untuk berkorban demi kesejahteraan dan kemakmuran manusia sejagat. Pada mulanya, abangnya enggan mempercayai kata-kata adiknya itu, namun demikian selepas didesak berulang kali, akhirnya dia bersetuju untuk melaksanakan perkara yang diimpikan oleh adiknya itu. Dengan perasaan sedih dan berat hati Alomor telah membawa adiknya ke hujung ladang mereka untuk dibunuh dengan menggunakan sebilah pisau kecil. Alomor telah menikam adiknya di bahagian bawah ketiak sebelah kiri dengan kuat. Darah yang memancut keluar daripada luka tersebut terus membasahi bumi. Walaupun adiknya telah merelakan dirinya dijadikan korban demi kebaikan manusia sejagat, namun Alomor tidak dapat menahan kesedihan atas kematian satu-satunya ahli keluarganya yang masih tinggal.

Pada satu malam, Alomor bermimpi bahawa selepas tujuh hari darah adiknya ditumpahkan, ladang mereka akan menumbuhkan tanaman. Dalam mimpi tersebut dia diingatkan bahawa terdapat sebiji timun yang besar akan tumbuh di tengah-tengah ladang mereka. Timun itu tidak boleh dipetik sehingga ia benar-benar masak. Hal ini kerana menurut mimpi itu, adik perempuannya akan hidup kembali jika timun itu dibiarkan sehingga masak.

Tujuh hari kemudian, Alomor telah pergi ke ladangnya dan mendapati ia dipenuhi dengan padi. Dia juga mendapati terdapat pokok timun yang tumbuh di tengah-tengah ladang tersebut. Buahnya hanya sebiji sahaja, tetapi besar dan segar. Pada satu hari ladangnya telah diceroboh oleh seorang lelaki bernama Apaling. Dia amat tertarik dengan sebiji timun yang sedang masak lalu memetikinya. Sampai di rumahnya, dia pun membelah timun itu, ia amat terkejut kerana timun yang dibelahnya mengeluarkan darah yang banyak. Lantas ia pun pergi menemui tuan punya ladang dan memberitahunya hal yang berlaku. Lelaki muda itu pun menceritakan peristiwa yang sebenar dengan perasaan yang amat sedih kepada Apaling. Namun, semuanya sudah terlambat kerana adik perempuannya tidak dapat diselamatkan lagi.

Mitos ini telah memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat Murut Tahol dan membuatkan mereka begitu menghormati padi yang dipercayai sebagai satu anugerah daripada sebuah pengorbanan. Daripada mitos ini juga, mereka menyandarkan kepercayaan mereka bahawa Aru' Kauli (semangat padi) adalah berasal dari darah gadis tersebut yang telah mengorbankan jiwa dan raganya.

Mitos yang kedua pula menyebutkan bahawa Alomor iaitu abang kepada si gadis yatim piatu tidak mempunyai benih tanaman walaupun dia telah selesai menebas dan membersihkan ladangnya. Setelah berfikir untuk beberapa ketika, dia masih lagi tidak dapat mencari jalan untuk menyelesaikan masalah itu. Akhirnya Alomor mengambil keputusan untuk pulang sahaja ke rumahnya. Oleh sebab terlalu letih setelah sehari suntuk bekerja di ladang, dia terus tertidur sebaik sahaja sampai ke rumahnya. Ketika tidur, Alomor telah bermimpi bahawa dia berjumpa dengan seorang tua yang tidak dikenalnya. Orang tua itu menyuruhnya membunuh adiknya agar dia dapat memperolehi biji benih tanaman dan meneruskan kehidupan mereka. Selepas terjaga dari tidurnya, dia berfikir sebentar tentang arahan orang tua tadi. Hati kecilnya mengatakan bahawa dia tidak sanggup untuk mengorbankan adiknya sendiri. Namun demikian, setelah memikirkan tentang manfaatnya kepada kehidupan di dunia ini, Alomor mengambil keputusan untuk mengikut sahaja arahan orang tua itu.

Dengan perasaan yang berat dan sedih, Alomor membawa adiknya pergi ke ladang mereka. Apabila mereka sampai di sana, Alomor meminta kebenaran untuk mencari kutu di kepala adiknya. Setelah dia merasakan adiknya sedang leka, dengan berat hati dia pun menikam adiknya dengan sebilah pisau pada bahagian kiri ketiak adiknya. Akibatnya adiknya terguling dan darah adiknya terpercik ke seluruh ladang. Selepas itu, Alomor pulang ke rumah dengan perasaan yang amat sedih atas kematian adiknya. Sampai sahaja ke rumah, dia terus tertidur dan dia bermimpi lagi bertemu dengan orang tua yang mengarahkannya membunuh adiknya. Orang tua itu memberitahunya bahawa ladangnya akan mengeluarkan berbagai jenis tanaman yang dapat menampung keperluan makanan manusia. Di bahagian tengah ladangnya pula ditumbuhi sebiji buah timun yang besar. Orang tua itu mengarahkan Alomor memasang pagar dan tidak membenarkan sesiapa pun mengganggu dan memetik buah timun itu. Pada keesokan harinya, Alomor pun pergilah ke ladangnya. Alangkah

terkejutnya dia apabila mendapati bahawa banyak tanaman yang tumbuh di ladangnya seperti padi, jagung, ubi kayu dan timun. Mengikuti kepercayaan orang Murut Tahol, kesemua tanaman itu berasal daripada adik Alomor. Padi berasal daripada darahnya, jagung berasal daripada gigi dan rambutnya, ubi kayu berasal daripada tulangnya dan timun berasal daripada betisnya.

Tidak berapa lama kemudian, berita tentang pelbagai tanaman yang tumbuh di ladang Alomor tersebar ke seluruh kawasan sekitarnya. Ramailah kawan-kawannya yang datang meminta untuk mengambil hasil tanaman di ladang tersebut. Alomor membenarkan dengan syarat mereka tidak mengganggu buah timun yang telah di pagar. Namun demikian setelah hasil tanaman yang terdapat di sana semuanya telah habis, maka rakan-rakannya mengambil keputusan untuk memetik timun besar di kawasan berpagar di tengah ladang itu tanpa kebenaran Alomor. Sebaik sahaja mereka membelah timun tersebut, maka bercucuranlah darah yang mengalir daripadanya. Alomor sedih dengan peristiwa yang berlaku kerana adiknya tidak dapat diselamatkan lagi.

Ketika Alomor sedang asyik memikirkan nasib malang yang menimpa dirinya, tiba-tiba dia tertidur dan bermimpi lagi. Kali ini orang tua itu telah mengarahkannya "menebang" Batu Punggul yang terletak di Pensiangan kerana menurut orang tua itu adiknya berada di atas batu tersebut. Dengan menggunakan "titiuk" ataupun tulang landak, Alomor pun memotong Batu Punggul itu sedikit demi sedikit agar batu itu tidak jatuh terhempas dan adiknya dapat diselamatkan. Tidak lama selepas itu, datanglah rakan-rakan yang diketuai oleh Mamuaha untuk membantunya. Mereka telah menetak Batu Punggul itu dengan kuat sekali sehingga ia rebah lalu terhempas ke bumi. Akibatnya, adik Alomor tidak dapat diselamatkan kerana batu itu jatuh dan berkecai. Impian Alomor untuk berjumpa dengan adiknya tidak kesampaian. Alomor berasa marah kepada rakan-rakannya namun semuanya sudah terlambat dan dia tidak akan berjumpa dengan adiknya untuk selama-lamanya.

Mitos ini secara tidak langsung telah menonjolkan peranan golongan muda dalam memberi penghidupan kepada manusia sejagat. Padi, jagong, ubi kayu dan timun yang mereka makan adalah hasil pengorbanan golongan muda yang berhati mulia dan tidak mementingkan diri sendiri.

PENUTUP

Golongan muda merupakan aset yang berharga kepada masyarakat Murut Tahol. Dinamika yang dimiliki oleh golongan ini banyak mempengaruhi perjalanan sejarah masyarakatnya. Perubahan agama adalah salah satu daripada sejarah Murut Tahol yang penting untuk ditonjolkan. Ini kerana, perubahan ini sangat signifikan kepada sistem kepercayaan masyarakatnya. Penglibatan golongan mudanya juga baik untuk diteliti kerana ia dapat dijadikan sumber inspirasi golongan muda hari ini.

Keupayaan mereka dalam menunjangi perubahan telah diterima oleh semua lapisan masyarakatnya. Selain daripada kekuatan tersendiri yang dimiliki golongan ini, hal ini juga disumbangkan oleh tradisi masyarakat Murut Tahol yang memandang tinggi keupayaan golongan muda. Kisah Alomor dan adiknya menunjukkan bahawa golongan muda Murut Tahol tidak pentingkan diri sendiri serta sanggup berkorban untuk kebahagiaan manusia sejagat.

RUJUKAN

_____. 2010. Buletin Perangkaan Bulanan Sabah.

Lees, W. dan Shirley Lees. 1987. *Is it Sacrifice? Experiencing Mission and Revival in Borneo*. Leicester: Inter-Varsity Press.

Lees, Shirley. 2006. *Drunk Before Dawn*. Kuala Lumpur: Sama Publications & Distributors Sdn Bhd.

Harris, Annette Suzanne. 1995. *The Impact of Christianity on Power Relationships and Social Exchanges: A Case Study of Change Among the Tagal Murut, Sabah, Malaysia*. Doctoral dissertation. School of Intercultural Studies, Biola University, Michigan: UMI Dissertation Service.

Hasan Mat Nor. 2001. *Salib dalam Komuniti Pinggiran*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Rutter, Owen. 1929. *The Pagans of North Borneo*. London: Hutchinson & Co.

Spitzack, John. A (ed.). 1984. *The Murutic Language Family. Languages of Sabah: A Survey Report*. Australia: The Australian National University.

Informan

Antikoh Lituan, 63 tahun, Kg Masanoi, Tenom.

Andreas Antahai, 28 tahun, Kg Alutok, Ulu Tomani.

Matiri b. Rana, 58 tahun, Kg. Alutok, Ulu Tomani, Tenom.

Pastor Yusof, 45 tahun, Kg Alutok, Ulu Tomani, Tenom.

Profil Penulis:

Abdul Hakim Mohad, PhD
Pensyarah Kanan
Pusat Penataran Ilmu
Universiti Malaysia Sabah
abdhakimmy@yahoo.co.uk

Ahmad Tarmizi Talib, PhD
Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang Selangor.
tarmizi@upm.edu.my

Fatahyah Yahya, PhD
Pensyarah Kanan
Jabatan Kaunseling
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia dan
Universiti Malaysia Sarawak
yfatahyah@fcs.unimas.my

INTERAKSI SOSIAL BELIA ISLAM KOMUNITI PENAN DI BINTULU, SARAWAK

AHMAD NASIR MOHD YUSOFF

ABSTRAK

Interaksi belia Penan dengan Islam di bahagian Bintulu Sarawak masih di peringkat awal termasuk kefahaman terhadap ajaran Islam, adat serta pantang larang yang bertentangan dengan Islam. Pemerhatian yang dilakukan di lokasi kajian menunjukkan mereka mempraktikkan ajaran Islam pada peringkat asas sahaja seperti mengucap dua kalimah syahadah, mempercayai rukun iman dan Islam serta berinteraksi dalam kelompok belia yang sama agama tanpa wujud prasangka tetapi tidak pada Penan bukan Islam. Sehubungan itu kajian ini bertujuan menganalisis hubungan dan interaksi yang terjalin antara belia Penan Islam dengan Penan bukan Islam yang berbeza anutan. Metodologi yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini ialah kajian kepustakaan yang menyentuh secara umum lokasi penempatan etnik Penan bahagian Bintulu. Kajian lapangan yang melibatkan beberapa kaedah turut dijalankan. Instrumen soal selidik diedarkan kepada 304 orang responden di perkampungan Penan Muslim Bt 10, Kg Penan Bt 12, Kg Penan Bt 12 ½, Kampung Penan Yuh Suburbun Jaya dan Kampung Penan Suai. Kaedah temu bual yang dijalankan adalah secara rawak dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati terdapat bentuk-bentuk interaksi yang diamalkan sebelum memeluk Islam dan terus diamalkan apabila mereka menerima Islam, tidak timbul masalah jika berlaku silang agama atau kepercayaan asalkan hubungan baik antara keluarga dan masyarakat kampung dijaga dengan sempurna serta tidak meninggalkan adat resam nenek moyang yang sesuai dengan ajaran baharu yang diterima mereka. Malahan interaksi yang baik mendatangkan impak positif dalam pergaulan sesama belia Penan yang berbeza agama dengan membuka ruang pula kepada ahli keluarga untuk memilih Islam sebagai kepercayaan baharu mereka.

Kata Kunci: Penan, Belia, Interaksi, Islam, Bintulu

ABSTRACT

Interaction Penan Muslim youth in the Bintulu Sarawak is still in the early stages including understanding of Islamic teachings, customs and taboos against Islam. Observations made in the study area showed that they practice Islam ajaran at a basic level just like reciting the Kalima, believing the rule of faith and Islam and interact in the same youth group religion without prejudice exists but not on non-Muslims Penan. Therefore this study aimed to analyze the relationship and interaction that exists between young Penan Penan non-Muslim Islam with different

affiliations. The methodology used to perform this research is the study of literature in general affect the location of ethnic Penan settlements Bintulu Division. The field studies involving a number of methods were also carried out. The questionnaire was distributed to 304 respondents in Muslim Penan villages Bt 10, Bt 12 Penan Kg, Kg Penan Bt 12 ½, Penan village Yuh Suburbun Jaya and Kampung Penan Suai. Methods of interviews conducted at random and observations. The study found that there are forms of interaction practiced before Islam and continued to be practiced when they accept Islam, in the event of any problems arising from cross-religion or belief as long as the relationship between the family and the villagers cared for properly and do not leave the customs of the ancestors of the right with new teaching they received. In fact, a good interaction positive impact in youth discussion among the Penan of different faiths with open hand to a family member to choose Islam as their new faith.

Keywords: *Penan, Youth, Interactions, Islam, Bintulu*

PENDAHULUAN

Bintulu mula diisytiharkan sebagai Bahagian pada 31 Ogos tahun 1986 oleh mantan Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Hj. Abdul Taib Mahmud dalam majlis pelancaran Hari Kebangsaan 1986. Pada awalnya Bintulu adalah sebuah bandar kecil (1978) dan di kelilingi kampung-kampung tradisional. Pekerjaan utama penduduk Bintulu ketika itu adalah nelayan, petani dan perlombongan. Pada 31 Disember 1986, satu upacara penyerahan watak Bahagian Bintulu telah dilakukan di Pejabat Residen Bintulu dengan disaksikan ketua-ketua masyarakat dan ketua-ketua jabatan. Maka, mulai 1 Januari 1987 Bintulu beroperasi sebagai Bahagian baharu dan memiliki Daerah Bintulu (1960 km persegi), Tatau (2656 km persegi), Sangan (2270 km persegi), Sebauh (3928 km persegi) dan Tubau (1316 km persegi). Keluasan Bintulu adalah 7,220.4 km persegi (5.8%). Menurut Jeffrey Jalong, Bintulu merupakan sebuah kampung nelayan yang terkenal dengan hasil lautnya seperti udang, cencaluk, belacan, hasil getah, kayu jelutong, berlian dan pembalakan (Jeffrey Jalong, 2012). Pada masa kini Bintulu muncul sebagai bandar antarabangsa dan dihuni ramai etnik Melayu, Melanau, Cina, Iban dan warga asing seperti Jepun, Korea dan Eropah. Bilangan penduduk Bintulu pada ketika ini mencecah 216,000, memiliki 2 Daerah iaitu Daerah Bintulu dan Daerah Tatau serta 1 Daerah Kecil iaitu Daerah Kecil Sebauh, 39 buah kampung, 427 rumah panjang, 1 bandar, 1 pekan, 5 pasar kecil dan 7 pusat perkhidmatan seperti di Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1: Bilangan Ketua Isi Rumah (Kir) Etnik Penan

Bil.	Kampung Penan	Daerah Pentadbiran	Jumlah Kir
1.	Penan Bt 10	Bintulu	21
2.	Penan Bt 12	Bintulu	11
3.	Penan Bt 12 ½	Bintulu	32
4.	KgYuh Suburbun Jaya	Bintulu	30
5.	Jambatan Suai	Miri	39
JUMLAH			133

Jadual 2: Bilangan Responden Penan

Bil.	Kampung Penan	Daerah Pentadbiran	Jumlah
1.	Penan Muslim Bt 10	Bintulu	21
2.	Penan Bt 12	Bintulu	11
3.	Penan Bt 12 ½	Bintulu	32
4.	Penan Kampung Yuh Suburbun Jaya	Bintulu	37
5.	Penan Jambatan Suai	Miri	203
JUMLAH			304

OBJEKTIF KAJIAN

Setiap kajian pasti ada objektif yang ingin dicapai. Objektif kajian adalah untuk:-

- 1) Mengenal pasti sama ada terdapat interaksi antara belia Penan Islam dengan belia Penan bukan Islam
- 2) Menjawab persoalan kepentingan interaksi ini dan
- 3) Menengenalpasti impak kepada masyarakat Penan dan masyarakat luar yang bukan daripada kalangan etnik Penan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pengamatan pengkaji di lokasi kajian, hubungan belia Penan Islam dengan belia Penan bukan Islam yang terdiri daripada ahli keluarga, sanak saudara,

keluarga pasangan yang beragama Islam, Kristian dan Pagan. Secara keseluruhannya, sebilangan besar mereka menyatakan hubungan dengan ketiga-tiga pihak (Penan Islam, Kristian dan Pagan) adalah baik. Namun terdapat sebilangan kecil mempunyai hubungan (interaksi) yang sedikit renggang antara Penan Kristian dengan Penan Islam (Amphini b. Rambli 2012). Kajian ini mendapati terdapat dua jenis interaksi sosio budaya yang berlaku dalam hubungan kekeluargaan di Kg Penan Muslim Bt 10, Kg Penan Bt 12, Kg. Penan Bt 12 ½, Kg Penan Yuh Suburbun Jaya dan Kg Penan Suai. Pertama adalah interaksi dari aspek hubungan keluarga dalaman dan kedua adalah interaksi dari aspek hubungan keluarga luaran.

Berdasarkan temubual bersama Puan Timah Abdullah, En Naufal Mawing dan Puan Julaihi Piee, kedua-dua hubungan ini dilihat mampu membantu ke arah interaksi yang harmonis dan selanjutnya diterima masyarakat Penan yang bukan Islam kepada Islam. (Timah Abdullah, En Naufal Mawing dan Julaihi Piee. 2012). Dalam Kamus Dewan, interaksi dimaksudkan dengan erti tindakan atau perhubungan yang terjalin secara aktif dan erat antara satu sama lain, atau tindak balas antara dua atau beberapa pihak. Dalam isu interaksi ini, ia berlaku sama ada antara belia Penan Islam dengan para belia Penan bukan Islam atau dengan jiran tetangga, rakan taulan, sanak saudara dan ahli keluarga mereka (Teuku Iskandar, 1998).

‘Hubungan Keluarga Dalaman’ bermaksud hubungan antara belia Penan dengan ibu bapa, sanak saudara atau yang ada pertalian darah yang tinggal dalam sebuah rumah atau kampung yang sama (Yuh b. Menjuai. 2007). Manakala ‘Hubungan Keluarga Luarannya’ bermaksud hubungan antara belia Penan dengan sanak saudara yang tinggal di luar kampung atau di kampung berlainan dan jiran tetangga.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati belia Penan masih lagi kuat menjaga hubungan kekeluargaan dalaman khususnya berkaitan dengan mengambil berat urusan saling ziarah-menziarahi iaitu seramai 141 orang (46.0%), meraikan perayaan Islam secara bersama iaitu seramai 39 orang (13.0%), menjalin hubungan baik sesama etnik iaitu seramai 36 orang (12.0%) dan mengukuhkan ikatan persaudaraan menerusi perkahwinan iaitu seramai 34 orang (11.0%).

Bagaimanapun aspek memahami budaya, adat dan larangan didapati hanya diamalkan oleh segelintir belia Penan iaitu seramai 26 orang (9.0%). Aspek yang paling kurang diambil berat juga oleh belia Penan dalam hubungan kekeluargaan dalaman adalah memberi kesedaran tentang kebaikan Islam iaitu seramai 38 orang (9.0%). (Jadual 3). Menurut Norman Abdullah, kerenggangan interaksi sosial dalam hubungan keluarga dalaman dalam aspek memahami budaya, adat, larangan dan memberi kesedaran tentang kebaikan Islam ini mungkin disebabkan kelemahan mereka memahami ajaran Islam secara terperinci (Norman Abdullah. 2012). Walaupun begitu, penekanan kepada hubungan keluarga yang masih utuh ini adalah peluang terbaik untuk interaksi ini dikembangkan dalam kalangan sanak saudara terdekat.

Jadual 3: Interaksi Dalam Masyarakat Penan

	Bilangan	Peratus (%)
Saling menziarahi	141	46
Ikatan saudara hasil perkahwinan	34	11
Memahami budaya, adat dan Larangan	26	9
Raikan perayaan Islam bersama	39	13
Beri kesedaran tentang kebaikan Islam	28	9
Hubungan baik sesama etnik	36	12
JUMLAH	304	100

Dalam kes masyarakat Penan di lokasi kajian, hasil pemerhatian mendapati golongan belia Penan tanpa mengira agama Islam, Kristian dan animisme menyambut perayaan antara satu sama lain. Menerusi temu bual dengan Ugos B.Sugon, Ketua Kg Penan Suai menyatakan: ‘..apabila tiba perayaan Islam seperti Aidilfitri atau Aidiladha, masyarakat Penan Kristian dan Animisma akan turut sama meraikan perayaan tersebut, saling ziarah menziarahi dari sebuah rumah ke sebuah rumah. Begitu juga halnya apabila tiba hari Krismas, Tahun Baru Cina dan perayaan kaum mereka (Ugos b.Sugon, 2007).

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati belia Penan masih mempertahankan budaya bergotong royong bagi mengukuhkan perpaduan iaitu seramai 122 orang (40.0%), diikuti menghadirkan diri ke majlis muhibah antara etnik yang berbagai-bagai-bagai budaya seramai 105 orang (35.0%), berkongsi raya seramai 36 orang (12.0%) dan menghadiri perjumpaan PIBG seramai 20 orang (7.0%). Bagaimanapun, belia Penan yang melibatkan diri dalam persatuan penduduk, bertukar-tukar hadiah dan perkahwinan merentasi budaya, agama dan bangsa, masing-masing menunjukkan bilangan dan peratus yang agak kecil iaitu 11 orang (4.0%), 6 orang (2.0%) dan 4 orang (1.0%). Dapatan ini menunjukkan hubungan menerusi aktiviti-aktiviti di atas dapat digunakan sebaik mungkin oleh belia Penan untuk berinteraksi secara tidak langsung dengan belia Penan yang bukan Islam (Jadual 4).

Jadual 4: Hubungan Kemasyarakatan

	Bilangan	Peratus (%)
Bergotong-royong atau kenduri kendara	122	40
Majlis Muhibah antara etnik berbagai budaya	105	35
Perjumpaan PIBG	20	7

	Bilangan	Peratus (%)
Persatuan penduduk	11	4
Bertukar-tukar hadiah	6	2
Kongsi raya	36	12
Perkahwinan merentasi budaya, agama dan bangsa	4	1
JUMLAH	304	100

Secara keseluruhan kajian menunjukkan seramai 143 orang (85.1%) belia Penan Islam menyatakan suka dengan percampuran agama yang berlaku dalam masyarakat, diikuti dengan belia Penan Kristian seramai 63 orang (52.9%) dan belia Penan yang menurut kepercayaan animisme/paganisme seramai 10 orang (58.8%) berbanding dengan belia Penan yang menyatakan tidak bersetuju iaitu masing-masing menunjukkan responden Islam seramai 25 orang (14.9%), Kristian seramai 56 orang (47.1%) dan animisme/ paganisme seramai 7 orang (41.2%). Dapatan ini (Jadual 5) menunjukkan hampir keseluruhan belia Penan suka tinggal bersama masyarakat berlainan agama dengan mereka dan suka bergaul dengan orang sekeliling tanpa mengira latar belakang agama. Inilah yang dituntut oleh Islam sebagai usaha menyampaikan dan meluaskan agama Islam di muka bumi ini dan perlu diambil peluang oleh semua masyarakat Islam.

Jadual 5: Percampuran Agama

Agama	Suka Kepada Percampuran Agama Dalam Masyarakat		Jumlah
	Ya	Tidak	
Islam	143 85.1%	25 14.9%	168 100%
Kristian	63 52.9%	56 47.1%	119 100%
Animisme / Paganisme	10 58.8%	7 41.2%	17 100%
JUMLAH	216 71.1%	88 28.9%	304 100%

Seramai 88 orang (28.95) seperti mana dalam Jadual 6 bersetuju amalan membantu jiran tetangga merupakan pengisian masa lapang yang baik. Ini menunjukkan interaksi boleh disampaikan melalui amalan yang mulia ini, kerana Islam amat menekankan soal membantu jiran tetangga tanpa mengira agama dan budaya. Bahkan 25.0% bersetuju interaksi boleh disampaikan melalui majlis-majlis kenduri yang diadakan, di samping amalan bergotong-royong (17.1%), kunjung mengunjungi ahli keluarga (20.7%) dan menziarahi sanak saudara (8.2%).

Jadual 6: Pengisian Masa Lapang

	Bilangan	Peratus (%)
Bantu jiran tetangga	88	28.9
Bergotong-royong	52	17.1
Kenduri	76	25.0
Kunjung-mengunjungi	63	20.7
Menziarahi Sanak-audara	25	8.2
Jumlah	304	100

Dapatan kajian (Jadual 7) menunjukkan 43.4 % belia Penan menyatakan golongan remaja dan belia masih menghormati orang tua-tua Penan. Dapatan juga menunjukkan belia Penan yang menyatakan golongan remaja dan belia Penan memiliki keperibadian dan perwatakan mulia adalah tinggi seperti bersopan santun (8.2%), suka melibatkan diri dalam aktiviti bergotong-royong (8.2%), suka membantu orang yang kesusahan (7.6%), patuh dengan arahan Ketua Kampung (6.9%) dan berbudi bahasa. Bagaimanapun terdapat sekumpulan kecil yang masih mentaati kepercayaan lama (17.4%), suka melepak (2.0%) dan tidak melibatkan diri dengan masyarakat kampung (0.3%). Sekiranya golongan remaja dan belia ini berjaya didekati dan diberi kefahaman terperinci tentang Islam, pengkaji berkeyakinan hati-hati mereka akan mudah terbuka menerima ajaran Islam kerana mereka ini sudah memiliki sifat-sifat mulia yang sememangnya merupakan ajaran yang terdapat dalam Islam. Lagipun pemerhatian yang dibuat di lokasi kajian menunjukkan ramai belia Penan tidak lagi mengamalkan kepercayaan lama, berkahwin dengan etnik lain dan bergaul dengan rakan taulan daripada pelbagai bangsa, agama dan keturunan.

Jadual 7: Keperibadian Akhlak Remaja dan Belia

	Bilangan	Peratus (%)
Hormat orang tua	132	43.4
Taat kepada kepercayaan lama	53	17.4
Sopan Santun	25	8.2
Berbudi bahasa	18	5.9
Bergotong royong	25	8.2
Saling membantu orang susah	23	7.6
Patuh arahan Ketua Kampung	21	6.9
Suka melepak	6	2.0
Tidak melibatkan diri dengan masyarakat kampung	1	0.3
Jumlah	304	100

Kajian (Jadual 8) menunjukkan ruang pergaulan dengan jiran tetangga boleh digunakan untuk proses interaksi sesama belia Penan berlainan agama. Faktor kejiranan dan semangat menghormati jiran tetangga sangat mempengaruhi kehidupan masyarakat Penan (Ariffin b. Sabli, 2012). Dalam aspek pergaulan dengan jiran tetangga menunjukkan sebanyak 153 belia Penan (50.0%) bersedia membantu jiran yang ditimpa kesusahan, diikuti dengan memuliakan jiran seramai 72 orang (24.0%), bertegur sapa dengan jiran seramai 48 orang (16.0%), memberi hadiah kepada jiran sebagai tanda ingatan seramai 28 orang (9.0%) dan meraikan anak-anak jiran yang berjaya seramai 3 orang (1.0%). Dapatan menunjukkan amalan ini jika diteruskan akan memudahkan urusan interaksi sesama masyarakat Penan. Lagipun dalam masyarakat Penan budaya membantu jiran tetangga atau saudara mara ini sudah sehati dengan jiwa mereka. Bagi Penan Islam situasi ini dapat digunakan untuk menerangkan kebaikan Islam melalui amalan menghormati dan membantu jiran tetangga (Raini b. Piee, 2013).

Jadual 8: Pergaulan dengan Jiran Tetangga

	Bilangan	Peratus (%)
Membantu jiran dalam kesusahan	153	50
Memuliakan jiran	72	24
Memberi hadiah ingatan kepada jiran	28	9
Bertegur sapa dengan jiran	48	16
Meraikan kejayaan anak jiran	3	1
JUMLAH	304	100

Kajian ini mendapati (Jadual 9) belia Penan masih bersikap toleransi dengan memberi ruang kepada ahli keluarga yang memeluk Islam bagi menunjukkan Islam yang sebenar iaitu seramai 205 orang (67.4%), diikuti penerimaan yang lebih baik kepada ahli keluarga yang memeluk Islam seramai 62 orang (20.4%). Walaupun begitu terdapat juga sekumpulan belia Penan tetapi dalam jumlah peratusan kecil yang menunjukkan sikap negatif terhadap ahli keluarga atau sanak saudara yang memeluk Islam, masing-masing menunjukkan sikap agresif dan menentang seramai 4 orang (1.3%), dipulaukan dalam pergaulan seramai 11 orang (3.6%) dan tidak menerima Islam sebagai cara hidup seramai 22 orang (7.2%). Dapatan kajian ini menunjukkan perangkaan belia Penan terhadap penerimaan Islam di kalangan ahli keluarga lebih ramai berbanding perangkaan responden yang bersikap negatif terhadap penerimaan Islam.

Jadual 9: Penerimaan Yang Positif dalam kalangan Ahli Keluarga

	Bilangan	Peratus (%)
Dipulaukan dalam pergaulan	11	3.6
Penerimaan yang lebih baik	62	20.4
Menunjukkan sikap agresif dan menentang	4	1.3
Tidak menerima Islam sebagai cara hidup	22	7.2
Beri ruang untuk tunjukkan Islam yang sebenar	205	67.4
JUMLAH	304	100

Kajian ini mendapati belia Penan di Kg Penan Bt 10, Kg Penan Bt 12, Kg Penan Bt 12 ½, Kg Penan Yuh Suburbun Jaya dan Kg Penan Suai menunjukkan sikap positif terhadap ahli keluarga dan sanak saudara yang baharu memeluk Islam. Berdasarkan temu bual dengan seorang belia Penan, berusia 38 tahun, penduduk asal Kg Penan Bt.10 yang bekerja sebagai pemandu bas UPM Kampus Bintulu (Meraie b.Abdullah 2007) menyatakan bahawa: '*..tidak timbul masalah jika ada antara keluarga kami yang memeluk Islam kerana kami dulu pun tiada beragama....*'. Begitu juga dengan pemerhatian yang dilakukan di sekitar kelima-lima perkampungan Penan di atas, kajian mendapati (Jadual 10) majoriti belia Penan menerima kemasukan Islam dengan baik ke kampung mereka. Dapatan ini menunjukkan penerimaan Islam bukan masalah kepada masyarakat Penan tetapi suatu perubahan yang baik. Ini adalah kerana terdapat 100 orang (33.2%) responden yang menyatakan responden diterima sebagai saudara baru, diikuti seramai 85 orang (27.2%) responden yang berfikir positif dan memberi galakan, seramai 66 orang (21.9%) responden yang suka dengan perubahan yang berlaku dan seramai 53 orang (17.6%) responden menyatakan ahli keluarga yang memeluk Islam itu mampu menjadi penganut Islam yang baik.

Jadual 10: Berfikiran Terbuka terhadap Ahli Keluarga yang Memeluk Islam

	Bilangan	Peratus (%)
Sebagai saudara baru	100	33.2
Mampu menjadi penganut Islam yang baik	53	17.6
Suka dengan perubahan yang berlaku	66	21.9
Berfikiran positif dan memberi galakan	85	27.2
JUMLAH	304	100

KESIMPULAN

Kajian ini dapat disimpulkan bahawa interaksi sosial memberi sumbangan yang baik dalam perkembangan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat Penan. Interaksi dan hubungan baik antara ahli keluarga sendiri, pasangan, jiran tetangga, golongan remaja dan belia serta masyarakat kampung mencatatkan perkembangan positif dalam konteks penerimaan Islam. Seterusnya membantu dalam perkembangan interaksi yang baik sesama masyarakat Penan tempatan. Sehubungan itu kemahiran berinteraksi adalah kemahiran yang sangat besar dan bermanfaat. Belia Penan yang berketerampilan dalam berinteraksi selalunya akan dipandang sebagai orang yang mudah untuk dibawa bicara dan dipercayai kata-kata mereka. Dengan kelebihan tersebut seseorang belia Penan akan lebih mudah mempengaruhi masyarakat dan ahli keluarga agar mengubah pegangan atau kepercayaan lama mereka kepada pemikiran dan keyakinan yang berteraskan ajaran Islam. Interaksi yang berkualiti juga mampu memberi kesan yang kuat kepada komunikasi, kejujuran, pujukan dan perubahan positif terhadap sasaran (mad'u).

RUJUKAN

- Amphini b. Rambli. 2012. *Bentuk-bentuk Interaksi Di Kalangan Etnik Penan*. Penduduk Kg Penan Bt 12 ½. Temu bual, 28 Mac.
- Ariffin b. Sabli. 2012. *Hubungan Etnik Penan Islam Dengan Etnik Penan Bukan Islam*. Bintulu. Sarawak. Temu bual, 10 September.
- J. Peter Brosius. April 1992. Perspectives On Penan Development In Sarawak. *Sarawak Gazette Journal*. Kuching, Sarawak. V.CXIX, No.1519.
- Jamali b. Langajan. 2012. *Amalan Bebayoh Di Kalangan Etnik Penan Kg Belipat Niah*. Bahagian Miri. Temu bual, 8 September.

- Jayl Langub. Dec.1995. Penan Marriage Customs: A General Description. *Sarawak Gazette Journal*. V.CXXII. No.1534.
- Jayl Langub. Julai 1992. Some Eastern Penan Tradisional Prayers. *The Sarawak Gazette Journal*. No.1520. Vol.CXIX. Kuching. Sarawak.
- Jefrey Jalong. 2012. Bintulu. Temu bual, 6 September
- Meraie Abdullah. 2012. Penduduk Penan Bt 12. Temu bual 19 Mac.
- Norman Abdullah. 2012. Pengerusi Urusetia Saudara Kita Cawangan RPR Kidurong, Bahagian Bintulu Sarawak. Temu bual. 3 November.
- Teuku Iskandar. Dr. et.al. 1998. *Kamus Dewan*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Timah Abdullah, En Naufal Mawing dan Pn Julaihi Piee. 2012. Kampung Penan Bt.12. Temu bual, 28 Mac.
- Yuh b. Menjuai. 2007. Kg Penan Yuh Suburbun Jaya. Temu bual, 24, 25 & 29 Mac.

Profil Penulis:

Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Ph.D
Jabatan Pengajian Kenegaraan Dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
Tel: 03-89467255
Faks: 03-89467151
Emel: ahmadnasir@upm.edu.my

PENDEKATAN DIDIKAN DAN ASUHAN DALAM KALANGAN BELIA

KHAZRIYATI SALEHUDDIN & HEATHER WINSKEL

ABSTRAK

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam perkembangan anak-anak mereka. Kajian terdahulu menunjukkan amalan mendidik anak dilakukan oleh ibu bapa mengikut corak yang berbeza-beza mengikut nilai budaya masing-masing. Corak mendidik anak yang berlainan ini juga disebabkan oleh perbezaan dalam matlamat sosialisasi yang diturunkan daripada generasi terdahulu kepada generasi seterusnya. Makalah ini mengetengahkan dapatan dari satu kajian yang dijalankan ke atas belia Malaysia untuk melihat cara mereka mendidik anak-anak mereka. Seramai 520 orang belia daripada kaum Melayu, Cina, dan India terlibat dalam kajian ini. Di samping itu, seramai 10 orang belia dari 520 orang responden soal selidik telah mengambil bahagian dalam sesi temubual mendalam untuk meninjau dengan lebih dekat cara mereka mendidik anak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa belia Malaysia mendidik anak-anak mereka mengikut corak autoritarian dan autoritatif. Corak mereka mendidik pula berbeza-beza bergantung kepada konteks. Faktor-faktor lain turut mempengaruhi corak mendidik anak, dan ini termasuklah tahap pendidikan belia Malaysia.

Kata Kunci: *Autoritarian, Autoritatif, Belia, Corak Didikan, Ibu Bapa*

ABSTRACT

Parents play a prominent role in the development of their children. Past studies have shown that parenting styles differ according to the values of various cultures. The parenting styles are also unlike due to the dissimilarities in the socialisation goals of particular cultures that are passed from one generation to the next. This article presents findings from a research conducted on Malaysian youths to investigate their parenting styles. There were 520 Malaysian youths from Malay, Chinese and Indian ethnicity involved in this study. In addition, 10 of those who participated in answering the questionnaire participated in an indepth interview designed to investigate their parenting styles. The research finding indicates that Malaysian youths adopt both authoritarian and authoritative style of parenting, and parenting styles are dependent on the context. Other factors also influence the style of parenting, and this includes the education level of the Malaysian youths.

Keywords: *Authoritarian, Authoritative, Parenting Styles, Parents, Youth*

PENDAHULUAN

Mendidik anak merupakan satu proses yang kompleks. Ia berlaku berdasarkan andaian bahawa ibu bapa mahu mempengaruhi, mengajar dan mengawal tingkah laku anak-anak mereka. Corak mendidik anak merupakan satu konstruk psikologi yang mengetengahkan strategi yang digunakan oleh ibu bapa dalam proses membesarkan anak mereka.

Secara umumnya, corak mendidik anak boleh dibahagikan kepada empat corak yang berlainan. Setiap satu daripada corak ini mencerminkan nilai, amalan, dan tingkah laku mendidik anak yang berbeza dalam kalangan ibu bapa. Keempat-empat corak tersebut dilabel sebagai (1) autoritarian, (2) autoritatif, (3) menurut, and (4) tidak peduli (Maccoby & Martin 1983). Ibu bapa yang dikategorikan sebagai ibu bapa “autoritarian” adalah mereka yang mempunyai permintaan yang tinggi dari anak-anak mereka; pada masa yang sama, mereka juga tidak responsif terhadap kehendak anak-anak (Baumrind 1991). Sementara itu, ibu bapa yang “autoritatif” pula, walaupun mempunyai permintaan yang tertentu daripada anak-anak mereka, tetapi kadar permintaan mereka tidaklah setinggi ibu bapa autoritarian; ibu bapa autoritatif juga agak responsif terhadap permintaan anak-anak mereka (Baumrind 1991). Selain itu, ada juga ibu bapa yang dikategorikan sebagai yang menurut; mereka ini adalah ibu bapa yang mudah memberi keizinan kepada anak-anak mereka dan bersifat lebih responsif kepada anak-anak berbanding dengan ibu bapa autoritatif. Ibu bapa yang dikategorikan sebagai “tidak peduli” pula adalah mereka yang tidak mempunyai sebarang permintaan terhadap anak-anak mereka dan tidak responsif terhadap keperluan anak-anak mereka (Baumrind 1991).

Amalan mendidik anak berbeza-beza mengikut nilai budaya masing-masing dan juga perbezaan dalam matlamat sosialisasi (‘socialisation goal’) yang diturunkan daripada generasi terdahulu ke generasi seterusnya (LeVine 1974). Dalam satu kajian rentas budaya yang dijalankan oleh Rao, McHale, dan Emma (2003), sebagai contoh, ibu-ibu di negara China dan India didapati mengamalkan dua corak yang dominan dalam mendidik anak (i.e., autoritatif and autoritarian) untuk mencapai matlamat sosialisasi mereka (i.e., ketaatan kepada ibu bapa dan perkembangan sosio-emosi). Dapatan mereka mencadangkan bahawa ibu-ibu di negara China percaya bahawa amalan mendidik anak bercorak autoritatif akan menghalang dari tercapainya tingkah laku taat kepada ibu bapa walaupun amalan tersebut akan menggalakkan perkembangan sosio-emosi dalam kalangan anak-anak mereka. Ibu-ibu di negara India, sebaliknya, mempercayai bahawa gaya mendidik bercorak autoritatif akan menggalakkan tercapainya tingkah laku taat kepada ibu bapa dan perkembangan sosio-emosi anak-anak mereka. Rao et al. (2003) menjelaskan bahawa matlamat sosialisasi dan kepercayaan yang dipegang oleh ibu bapa memainkan peranan dalam menentukan corak mereka mendidik anak-anak.

Malaysia adalah sebuah negara pelbagai kaum. Penduduknya yang seramai 30 juta terdiri daripada 65% Melayu, 24.6% Cina, 6.9% India, (Keshavarz & Baharudin 2009). Dari segi pegangan agama pula, 60.4% daripada penduduknya beragama Islam, 19.2% beragama Buddha, 9.1% Kristian, 6.3% Hindu, dan 2.6% agama tradisional kaum Cina. Sebahagian besar daripada masyarakat Malaysia berbangsa Islam dan Islam merupakan agama persekutuan Malaysia dan ini sepertimana termaktub dalam Perlembagaan Malaysia (“Malaysian bukan negara sekular” 2014).

OBJEKTIF KAJIAN

Ilmu mendidik anak-anak merupakan suatu ilmu yang perlu dituntut oleh mereka yang bergelar ibu bapa. Tanpa ilmu dalam mendidik anak-anak, tingkah laku dan masa depan anak-anak tidak dapat dikawal dan dirancang dengan sebaik-baiknya. Kebenaran ini dipegang sejak zaman berzaman sehinggakan wujudnya peribahasa “Tangan yang menghayun buaian boleh menggoncang dunia” dalam pelbagai bahasa. Dalam konteks ini, tangan yang menghayun buaian (yang merupakan tempat tidur seorang anak kecil) itu semestinya merujuk kepada tangan ibu bapa. Masyarakat di Malaysia, terutamanya masyarakat Melayu, memang terkenal dengan peribahasa yang berkaitan dengan mendidik anak-anak. Oleh yang demikian, selain daripada peribahasa yang disebut di atas, wujud juga lain-lain peribahasa tentang mendidik anak, antaranya “melentur buluh biar dari rebung”, “bapa borek, anak rintik” dan “sayangkan anak tangan-tangan”.

Walaupun masyarakat menunjukkan peri pentingnya mendidik anak dari zaman berzaman lagi, dewasa ini pelbagai masalah sosial yang melibatkan anak-anak sering dilaporkan di media massa. Dari apa yang dipaparkan secara meluas di media massa, sebahagian daripada anak-anak kini lebih terdedah kepada jenayah; lebih cenderung kepada budaya negatif; dan kurang berminat kepada pendidikan. Adakah berlakunya gejala-gejala yang berleluasa ini akibat daripada corak belia kita hari ini mendidik anak-anak mereka?

Umum mengetahui bahawa umat Islam harus mengamalkan corak mendidik anak mengikut cara yang diajukan oleh agama Islam (Ulwan 1995). Abdullah Nasih Ulwan (1995), contohnya, telah memperincikan secara khusus bagaimana ibu bapa sepatutnya mendidik anak mereka agar mereka menjadi insan yang kamil pada masa hadapan. Walaupun sebahagian besar masyarakat Melayu di Malaysia beragama Islam, sepanjang pengetahuan pengkaji, tiada kajian khusus yang pernah dijalankan untuk meninjau bagaimana ibu bapa Melayu dalam kalangan belia mendidik anak-anak mereka. Tiada juga kajian yang pernah dijalankan untuk melihat sama ada amalan mendidik anak dalam kalangan belia berbangsa Cina dan India di Malaysia mirip amalan yang dilaporkan dalam kajian Rao et al. (2003). Kajian ke atas belia-belia India dan Cina di Malaysia menjadikan kajian ini lebih menarik

kerana individu-individu dari ketiga-tiga kaum ini mempunyai fahaman agama yang berbeza, termasuklah Islam, Budha, Hindu dan Kristian. Kajian ini dijalankan untuk meninjau corak belia Malaysia mendidik anak-anak mereka. Menurut satu kajian, ibu bapa Malaysia mendidik anak mengikut corak autoritarian (Keshavarz dan Baharudin 2009). Ini kerana ibu bapa dilihat sebagai seseorang yang perlu dipatuhi tanpa perlu disoal. Mereka memainkan peranan utama dalam mengajar dan melatih anak-anak tentang nilai-nilai dan amalan budaya dan agama. Namun demikian, sejauh manakah kenyataan ini benar-benar menceritakan masyarakat Malaysia menjelang Wawasan 2020? Bagaimana pula corak pendidikan ibu bapa dari kaum yang berlainan di Malaysia ini?

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk

1. Mengenal pasti corak belia Malaysia (iaitu ibu bapa Melayu, Cina dan India yang berusia antara 15 dan 40 tahun) mendidik anak-anak ;
2. Membandingkan corak belia Malaysia dari ketiga-tiga kaum mendidik anak-anak mereka.

Dapatan daripada kajian ini boleh membantu dalam memahami persamaan dan perbezaan yang mungkin wujud dalam kalangan ketiga-tiga kaum terbesar di Malaysia, bagi membolehkan perbincangan ke atas fenomena sosial yang berlaku hari ini dilakukan pada masa akan datang. Dapatan ini boleh membantu belia Malaysia untuk membentuk diri mereka menjadi ibu bapa yang terbaik menggunakan pendekatan mendidik anak yang berbeza. Ini merupakan sesuatu yang penting kerana masa hadapan negara berada dalam tangan belia hari ini yang mempunyai tanggung jawab terbesar dalam membentuk generasi masa depan kita.

Wawasan 2020 diperkenalkan dengan menggariskan hala tuju bagi masyarakat Malaysia mencapai negara maju pada tahun 2020 mengikut haluan acuan sendiri. Bagi mencapai status negara maju yang dimaksudkan, sembilan cabaran strategik perlu diatasi. Jika dilihat satu persatu cabaran strategik yang dimaksudkan, kesemuanya tertumpu kepada pembentukan sebuah masyarakat dari pelbagai aspek termasuklah daripada aspek agama, ilmu, perpaduan kaum, keamanan, kematangan, etika, ketamadunan, kekayaan, keadilan, dan sebagainya (Unit Perancang Ekonomi, 2013). Cabaran-cabaran ini hanya mampu diatasi melalui pendidikan anak-anak sejak daripada kecil lagi. Justeru, tanggungjawab ini harus dipikul oleh ibu bapa sendiri yang sebahagian besarnya merupakan belia di negara ini. Belia, melalui corak pendidikan anak mereka, boleh sama-sama membantu negara mencapai Wawasan 2020. Tanpa belia cemerlang yang mampu membentuk generasi akan datang, Wawasan 2020 yang disasarkan tidak mungkin dapat dicapai.

METODOLOGI


Subjek

Seramai 520 orang belia Melayu, Cina dan India telah mengambil bahagian dalam satu tinjauan yang memerlukan mereka melengkapkan borang soal-selidik tentang corak mereka mendidik anak. Kesemua responden berasal dari lima zon yang berlainan di Malaysia iaitu 1) Zon Utara (bagi mereka yang menetap di Perlis, Kedah, Pulau Pinang atau Perak); 2) Zon Pantai Timur (bagi mereka yang menetap di Kelantan, Terengganu atau Pahang); 3) Zon Sabah-Sarawak (bagi mereka yang menetap di Sabah atau Sarawak); 4) Zon Selatan (bagi mereka yang menetap di Johor, Melaka atau Negeri Sembilan); dan 5) Zon Tengah (bagi mereka yang menetap di Kuala Lumpur, Putrajaya atau Selangor).


Kesemua mereka yang mengambil bahagian dalam kajian ini terdiri daripada mereka yang berumur antara 15 dan 40 tahun dan telahpun menjadi ibu atau bapa kepada sekurang-kurangnya seorang anak. Responden diminta untuk mengisi satu soal selidik bagi mendapatkan latar belakang mereka seperti jantina, kumpulan etnik, umur, status pekerjaan, tahap pendidikan dan zon di mana mereka menetap. Selain daripada itu, maklumat tentang bilangan anak serta jantina dan usia anak-anak mereka juga diminta. Kesemua mereka yang mengambil bahagian dalam kajian ini telah dipilih secara rawak oleh pembantu penyelidik yang merupakan 6 orang pelajar prasiswazah dan pasca siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia. Mereka telah dipilih dari lokasi berbeza-beza dari keenam-enam zon yang dinyatakan termasuklah di pejabat, kompleks membeli-belah dan kawasan perumahan. Ini dilakukan bagi mendapatkan kumpulan ibu bapa daripada golongan belia dari latar belakang yang berbeza yang boleh mewakili sebahagian besar masyarakat di Malaysia. Kesemua ibu bapa yang mengambil bahagian dalam kajian ini dilahirkan di Malaysia.

Secara keseluruhannya, seramai 203 orang (39%) belia Melayu, 177 orang (34%) belia Cina dan 140 orang (27%) belia India telah mengambil bahagian sebagai responden bagi kajian ini. 323 orang (62.1%) daripada mereka adalah wanita dan 192 orang (37.9%) lelaki. 117 orang (22.5%) menetap di Zon Utara, 91 (17.5%) di Zon Pantai Timur, 74 orang (14.2%) di Zon Sabah-Sarawak; 118 orang (22.7%) di Zon Selatan, dan 120 orang (23.1%) di Zon Tengah. Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan tahap pendidikan dan umur responden dalam kajian ini.

Rajah 1: Bilangan Responden Kajian Mengikut Tahap Pendidikan



Rajah 2: Bilangan Responden Kajian Mengikut Umur



Instrument

Soal-Selidik

Borang soal-selidik yang diagihkan kepada kesemua responden terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama mengandungi soalan-soalan tentang jangkaan pencapaian anak-anak yang dibina oleh Hess et al. (1980) dan Sissons Joshi dan MacLean (1997). Bahagian kedua menguji kebergantungan ibu bapa sebagai belia dengan masyarakat dan soalan-soalan ini telah diadaptasi daripada Singelis (1994). Bahagian ketiga pula mengandungi soalan tentang corak mendidik anak-anak yang diadaptasi dari Robinson, Mandlaco, Olsen, dan Hart (1995). Ketiga-tiga bahagian ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dari bahasa Inggeris oleh ahli bahasa Melayu yang berpengalaman yang bertugas Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Walau bagaimanapun, fokus pembentangan dapatan bagi makalah ini adalah dapatan dari bahagian 3 sahaja. Bahagian ini mengandungi 13 item yang mengukur sejauh mana cara ibu bapa Malaysia dari golongan belia mendidik anak mengikut

corak autoritatif, dan 13 item lagi yang mengukur corak autoritarian. Tidak ada soalan bagi corak menurut dan tidak peduli disertakan dalam soal selidik ini kerana kajian lepas tidak menjalankan kajian ke atas kedua-dua corak ini.

Responden diminta menjawab soalan-soalan yang dikemukakan menggunakan skala Likert 7 tahap bermula dari (1) langsung tidak pernah hingga (7) sentiasa. Sebagai contoh, responden akan menandakan “1” bagi kenyataan “Saya akan meninggikan suara saya jika saya tidak suka akan tingkah laku anak saya” jika mereka tidak pernah menjerit terhadap anak mereka apabila mereka tidak setuju dengan tingkah laku anak mereka.

Temubual mendalam

10 orang ibu atau bapa telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam temubual yang dijalankan secara bersemuka. Tiga orang (1 Melayu, 1 Cina, 1 India) dari Zon Tengah, tiga lagi (1 Melayu, 1 Cina, 1 India) dari Zon Pantai Timur, tiga (1 Melayu, 1 Cina, 1 India) dari Zon Selatan, dan seorang lagi (1 Melayu) dari Zon Sabah-Sarawak. Kesemua temubual berlangsung dalam jangkamasa tidak lebih dari satu jam dan direkodkan menggunakan alat perakam suara digital. Rakaman perbualan kemudiannya ditranskripsikan. Temubual tersebut dijalankan untuk mengesahkan maklumbalas ibu-bapa kepada kenyataan (dan juga soalan-soalan) yang dikemukakan dalam soal-selidik.


DAPATAN

Soal-selidik

Secara umumnya, markah purata bagi corak mendidik anak secara autoritatif dalam kalangan belia Malaysia adalah 5.76 manakala bagi corak mendidik anak secara autoritarian pula adalah 4.49. Ini menunjukkan bahawa corak mendidik anak-anak dalam kalangan belia di Malaysia mempunyai gabungan corak autoritatif dan autoritarian. Kaum dan Umur responden tidak memberikan kesan yang signifikan ke atas corak mendidik anak secara autoritatif mahupun corak mendidik anak secara autoritarian. Tahap Pengajian juga tidak memberikan kesan yang signifikan ke atas item-item dalam domain mendidik anak bercorak autoritarian; tetapi, tahap pengajian mempunyai kesan yang signifikan ke atas item-item dalam domain mendidik anak bercorak autoritatif.

Analisis ANOVA juga telah dijalankan untuk melihat jika jantina mempunyai kesan ke atas corak mendidik anak-anak. Dapatan menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan ($p > .05$) bagi jantina untuk kedua-dua corak mendidik anak bentuk autoritarian (purata 5.679) dan corak mendidik anak bentuk autoritatif (purata 4.524).

Rajah 3: Mendidik anak mengikut Tahap Pengajian bagi corak Autoritatif dan Autoritarian



Satu analisis ANOVA berbentuk 3 (Kaum: Melayu, Cina, India) X 5 (Umur: <20 Tahun, 21-25 tahun, 26-30 tahun, 31-35 tahun, 36-40 tahun) X 6 (Tahap Pengajian: PMR, SPM, STPM, Sijil/Diploma, Sarjana Muda, Sarjana/PhD) telah dijalankan ke atas item-item yang berkaitan dengan kedua-dua corak mendidik anak. Skor purata bagi mendidik anak bercorak autoritatif adalah 5.76, iaitu 5.79 bagi ibu bapa Melayu, 5.77 bagi belia Cina, dan 5.73 bagi belia India. Skor purata bagi pendidikan anak bercorak autoritarian pula adalah 4.49, iaitu 4.33 bagi belia Melayu, 4.55 bagi ibu bapa Cina dan 4.58 bagi belia India.

“Tests of Between-Subjects Effects” menunjukkan bahawa kaum dan umur tidak memberikan kesan yang signifikan ke atas kedua-dua corak autoritatif dan autoritarian. Tahap pengajian pula tidak memberi kesan yang signifikan ke atas corak autoritarian dalam mendidik anak, tetapi, Tahap Pengajian memberi kesan yang signifikan ($p=.05$) ke atas pendidikan anak bercorak autoritatif $F(5,454)=3.768$, $p=.002$, $\eta^2=.020$. Analisis posthoc ($\alpha=.05$) menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan yang signifikan antara mereka yang berkelulusan Sijil/Diploma (5.51), STPM (5.66) and SPM (5.68) berbanding dengan mereka yang berkelulusan Sarjana/PhD (6.42). Tiada perbezaan yang signifikan antara mereka yang berkelulusan PMR (5.85) dengan Ijazah Sarjana Muda (5.88), dan antara mereka yang berkelulusan Sarjana/PhD dengan Sijil/Diploma, STPM, dan SPM.

Mendidik Anak Corak Autoritatif

Analysis ANOVA berbentuk 3 (Kaum: Melayu, Cina, India) X 5 (Umur: <20 tahun, 21-25 tahun, 26-30 tahun, 31-35 tahun, 36-40 tahun) X 6 (Tahap Pengajian: PMR, SPM, STPM, Sijil/Diploma, Sarjana Muda, Sarjana/PhD) telah dijalankan ke atas kesemua item dalam domain Pendidikan Anak bercorak autoritatif. Bagi Kaum, daripada 13 item yang mewakili corak autoritatif, hanya dua item sahaja yang menunjukkan perbezaan yang signifikan ($p < .05$) antara ketiga-tiga Kaum. Kedua-dua item tersebut adalah “memberikan ketenangan dan tunjukkan rasa timbang rasa apabila anak berasa sedih ataupun marah” ($F(2, 454)=3.094, p=.046, \eta^2=.013$), dan “mengambil kira kegemaran anak-anak apabila membuat perancangan percutian untuk keluarga” ($F(2, 454)=3.508, p=.031, \eta^2=.015$). Analisis posthoc ($\alpha=.05$) menunjukkan bahawa bagi “memberikan ketenangan dan tunjukkan rasa timbang rasa apabila anak berasa sedih ataupun marah”, ibu bapa Malay menunjukkan purata yang paling tinggi (6.02) berbanding dengan ibu bapa Cina dan India (kedua-duanya 5.77). Begitu juga dengan “mengambil kira kegemaran anak-anak apabila membuat perancangan percutian untuk keluarga”; ibu bapa Melayu menunjukkan purata yang paling tinggi (5.98) berbanding dengan ibu bapa India (5.79) dan Cina (5.82).

Bagi kategori umur pula, daripada 13 item yang diajukan kepada responden, hanya satu yang menunjukkan perbezaan yang signifikan ($p < .05$), iaitu, “mengambil kira kegemaran anak-anak apabila membuat perancangan untuk keluarga” ($F(4, 454)=2.783, p=.026, \eta^2=.024$). Analisis posthoc ($\alpha=.05$) menunjukkan bahawa ibu bapa di bawah umur 20 tahun tidak mengambil kira kegemaran anak-anak mereka dalam membuat perancangan percutian untuk keluarga (3.75) dan purata ini adalah berbeza dengan signifikan berbanding dengan kumpulan umur yang lain, iaitu 5.28 bagi kumpulan 21-25 tahun, 5.84 bagi kumpulan 26-30 tahun, 5.96 bagi kumpulan 36-40 tahun, dan 6.04 bagi kumpulan 31-35 tahun.

Bagi kategori tahap pengajian, 9 daripada 13 item yang diajukan kepada responden menunjukkan perbezaan yang signifikan ($p < .05$). Perinciannya adalah seperti berikut:

- menjelaskan kepada anak perasaan mereka terhadap tingkahlaku anak yang baik mahupun yang tidak baik ($F(5, 454)=4.035, p=.001, \eta^2=.043$)
